



Pertubuhan Pendidikan, Sains  
dan Kebudayaan Pertubuhan  
Bangsa-Bangsa Bersatu



# KEWARTAWANAN, ~~"BERITA PALSU"~~ & DISINFORMASI

Buku Panduan untuk Pendidikan dan Latihan Kewartawanan

Siri UNESCO tentang Pendidikan Kewartawanan

Diterbitkan pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pejabat UNESCO di Jakarta

© UNESCO 2020

ISBN: 978-92-3-000104-9



Penerbitan ini boleh didapati di Open Access di bawah lesen Attribution-ShareAlike 3.0 IGO (CC-BY-SA 3.0 IGO) (<http://creativecommons.org/licenses/by-sa/3.0/igo/>). Apabila menggunakan kandungan penerbitan ini, pengguna menerima untuk terikat kepada terma pengguna oleh Repositori Akses Terbuka UNESCO (<http://www.unesco.org/open-access/terms-use-ccbysa-en>). Penggunaan gelaran dan cara bahan dipersembahkan di dalam penerbitan bukanlah sama sekali pendapat yang cuba disampaikan oleh UNESCO terhadap status perundangan di mana-mana Negara, kawasan, Bandar atau tempat atau pihak berkuat kuasa, atau berkaitan dengan penyempadanan.

Tajuk asal Journalism, Fake News and Disinformation

Diterbitkan pada 2018 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Idea dan pendapat yang disampaikan dalam penerbitan ini adalah milik penulis; ia tidak semestinya pendapat UNESCO dan tidak terikat kepada Organisasi tersebut.

Penyunting: Cherilyn Ireton dan Julie Posetti

Penulis: Julie Posetti, Cherilyn Ireton, Claire Wardle, Hossein Derakhshan, Alice Matthews, Magda Abu-Fadil, Tom Trewinnard, Fergus Bell, Alexios Mantzarlis

Penyelidikan Tambahan: Tom Law

Rekaan grafik: Encik Clinton

Rekaan Muka Depan: Encik Clinton

Ilustrasi: UNESCO, First Draft and Poynter

Atur huruf: UNESCO

Dicetak oleh: UNESCO

Penterjemah: Sabariah Mohamed Salleh

Editor: Sabariah Mohamed Salleh and Ming Kuok Lim

Dicetak di Indonesia

# **Kewartawanan, ‘Berita Palsu’ & Disinformasi**

Buku Panduan untuk Pendidikan dan Latihan Kewartawanan

# KANDUNGAN

|                         |   |
|-------------------------|---|
| Prakata oleh Guy Berger | 7 |
|-------------------------|---|

|                                                          |    |
|----------------------------------------------------------|----|
| <b>Pengenalan</b> oleh Cherilyn Ireton dan Julie Posetti | 16 |
|----------------------------------------------------------|----|

---

|                                                        |    |
|--------------------------------------------------------|----|
| <b>Penggunaan Buku Panduan sebagai Model Kurikulum</b> | 30 |
|--------------------------------------------------------|----|

---

oleh Julie Posetti

|                                                                                           |    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>MODUL 1: Kebenaran, Kepercayaan dan Kewartawanan: Mengapakah perlu Dititikberatkan</b> | 37 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|----|

---

oleh Cherilyn Ireton

|                          |    |
|--------------------------|----|
| Sinopsis                 | 38 |
| Garis Panduan            | 40 |
| Matlamat Modul           | 47 |
| Hasil Pembelajaran       | 48 |
| Format Modul             | 48 |
| Tugasan yang Dicapangkan | 49 |
| Bahan Bacaan             | 49 |

|                                                                                                                  |    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>MODUL 2: Berfikir Tentang ‘Kecelaruhan Maklumat’:<br/>Format Misinformasi, Disinformasi dan Mal-informasi</b> | 51 |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|

---

oleh Claire Wardle dan Hossein Derakhshan

|                          |    |
|--------------------------|----|
| Sinopsis                 | 52 |
| Garis Panduan            | 53 |
| Matlamat Modul           | 60 |
| Hasil Pembelajaran       | 61 |
| Format Modul             | 62 |
| Tugasan yang Dicapangkan | 63 |
| Bahan Bacaan             | 63 |

|                                                                                                                                |    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <b>MODUL 3: Perubahan Industri Berita: Teknologi Digital, Platform Sosial dan<br/>Penyebaran Misinformasi dan Disinformasi</b> | 65 |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|

---

oleh Julie Posetti

|               |    |
|---------------|----|
| Sinopsis      | 66 |
| Garis Panduan | 68 |

|                      |    |
|----------------------|----|
| Matlamat Modul       | 77 |
| Hasil Pembelajaran   | 78 |
| Format Modul         | 78 |
| Tugasan yang Dicapai | 79 |
| Bahan Bacaan         | 80 |

---

#### **MODUL 4: Membanteras Disinformasi dan Misinformasi Melalui Literasi Media dan Informasi (MIL)** **83**

*oleh Magda Abu-Fadil*

|                      |    |
|----------------------|----|
| Sinopsis             | 84 |
| Garis Panduan        | 86 |
| Matlamat Modul       | 90 |
| Hasil Pembelajaran   | 91 |
| Format Modul         | 91 |
| Tugasan yang Dicapai | 94 |
| Bahan Tambahan       | 94 |
| Bahan Bacaan         | 94 |

---

#### **MODUL 5: Semakan Fakta 101** **97**

*oleh Alexios Mantzarlis*

|                      |     |
|----------------------|-----|
| Sinopsis             | 98  |
| Garis Panduan        | 98  |
| Matlamat Modul       | 109 |
| Hasil Pembelajaran   | 109 |
| Format Modul         | 106 |
| Tugasan yang Dicapai | 111 |
| Bahan Bacaan         | 112 |

---

#### **MODUL 6: Penentuan Media Sosial: Menilai Sumber dan Kandungan Visual** **115**

*oleh Tom Trewinnard dan Fergus Bell*

|                      |     |
|----------------------|-----|
| Sinopsis             | 116 |
| Garis Panduan        | 117 |
| Matlamat Modul       | 123 |
| Hasil Pembelajaran   | 123 |
| Format Modul         | 124 |
| Tugasan yang Dicapai | 125 |
| Bahan                | 126 |
| Bacaan               | 126 |

*oleh Julie Posetti*

|                          |     |
|--------------------------|-----|
| Sinopsis                 | 132 |
| Garis Panduan            | 132 |
| Matlamat Modul           | 141 |
| Hasil Pembelajaran       | 141 |
| Format Modul             | 142 |
| Tugasan yang Dicapangkan | 144 |
| Bahan Bacaan             | 144 |
| Penulis                  | 147 |
| Kredit Gambar            | 147 |

*Kewartawanan, 'Berita Palsu' dan Disinformasi* merupakan penerbitan terkini UNESCO dalam usaha untuk mengukuhkan pendidikan dan kosa ilmu tentang kewartawanan.

Penerbitan ini adalah sebahagian daripada “Inisiatif Global untuk Kecemerlangan dalam Pendidikan Kewartawanan”, iaitu antara fokus Program Antarabangsa untuk Pembangunan Komunikasi UNESCO. Inisiatif ini ingin menyelami aspek pengajaran dan pembelajaran, amalan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kewartawanan berpaksikan perspektif global, termasuk perkongsian amalan terbaik yang dipraktikkan pada peringkat antarabangsa.

Selaras dengan perkara tersebut, buku panduan ini sesuai untuk dijadikan sebagai model kurikulum yang boleh digunakan pada peringkat antarabangsa, diadaptasikan dan digunakan sebagai maklum balas terhadap masalah global yang semakin bermaharajalela dan dihadapi oleh masyarakat, umumnya dan dalam bidang kewartawanan, khususnya.

Terminologi ‘berita palsu’ tidak mempunyai maksud yang begitu mudah seperti yang disangkakan. ‘Berita’ bermaksud maklumat yang boleh ditentusahkan untuk kepentingan awam, dan maklumat yang tidak mengikut standard tersebut tidak boleh dilabelkan sebagai berita. Maka, ‘berita palsu’ ialah suatu oksimoron yang cuba mempersoalkan kredibiliti maklumat yang terangkum dalam sesuatu yang dikatakan telah ditentusahkan terlebih dahulu, misalnya berita benar.

Bagi memahami dengan lebih mendalam kes-kes yang melibatkan eksploitasi dan manipulasi bahasa dan konvensi genre berita, penerbitan ini akan menganggap perbuatan tersebut sebagai suatu bentuk penipuan, khususnya, satu kategori maklumat tidak benar yang meliputi pelbagai bentuk disinformasi, termasuk dalam format hiburan seperti visual meme.

Dalam penerbitan ini, disinformasi lazim digunakan untuk merujuk perbuatan sengaja (sering kali direka) dalam usaha untuk mengelirukan atau memanipulasikan orang awam melalui penyampaian maklumat yang tidak jujur. Perkara ini selalu digabungkan dengan strategi komunikasi selari dan bersilang, serta taktik lain seperti menggodam

---

1. Lihat Tandoc, E.; Wei Lim, Z. & Ling, R. (2018). “Defining ‘Fake News’: A typology of scholarly definitions” in *Digital Journalism* (Taylor and Francis) Volume 6, 2018 - Issue 2: ‘Trust, Credibility, Fake News’.

atau menyalahgunakan orang lain. Misinformasi pula dikaitkan dengan maklumat yang mengelirukan yang dicipta dan disebarkan tanpa manipulasi atau niat jahat. Kedua-duanya menjadi masalah kepada masyarakat, tetapi disinformasi lebih berbahaya kerana sering kali terancang, terhasil daripada pelbagai sumber dan diperkuat dengan teknologi automasi.

Individu yang menghasilkan disinformasi mengambil kesempatan terhadap kerentanan atau potensi sokongan penerima mesej yang mereka harap dapat dipergunakan untuk menyebarkan maklumat dengan meluas. Dengan cara ini, mereka menggunakan individu sebagai penyampai mesej dengan mengeskplotasikan kecenderungan seseorang untuk berkongsi maklumat berdasarkan pelbagai faktor. Berita palsu merupakan suatu perkara yang berbahaya, dalam konteks ini percuma, iaitu individu yang tidak mampu membayar untuk mengakses hasil kewartawanan yang berkualiti, atau kurang mengakses media perkhidmatan awam yang bebas, serta sangat terdedah kepada disinformasi dan misinformasi.

Penyebaran disinformasi dan misinformasi lazimnya dilakukan melalui rangkaian sosial dan penghantaran mesej secara sosial, yang menimbulkan persoalan tentang takat undang-undang dan pengaturan sendiri syarikat yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Syarikat berkaitan hanya berhadapan dengan undang-undang yang ringan (kecuali jika berkaitan dengan hak cipta) kerana hanya berperanan sebagai wadah perantara, dan bukan pencipta kandungan. Dari segi tekanan yang dikenakan kepada syarikat terbabit, serta risiko yang mungkin berlaku terhadap kebebasan bersuara jika undang-undang terlalu ketat, didapati langkah-langkah dalam kerangka pengaturan sendiri<sup>2</sup> semakin ditingkatkan – walaupun hakikatnya, ia masih agak kabur. Pada tahun 2018, Pelapor Khas PBB untuk Kebebasan Bersuara dan Berpendapat menfokuskan laporan tahunannya dalam isu ini dan meminta syarikat internet untuk mencontohi pengaturan sendiri yang diamalkan oleh organisasi media, dan memastikan amalan mereka sejajar dengan standard PBB yang berkaitan dengan hak untuk menyampaikan, mencari dan menerima maklumat<sup>3</sup>. Dalam arus perubahan yang melibatkan pertukaran amalan dan langkah-langkah yang diambil oleh negara dan syarikat, peranan wartawan dan organisasi berita semakin dampak, dan penerbitan ini menjadi amat signifikan.

---

2. Manjoo, F. (2018). What Stays on Facebook and What Goes? The Social Network Cannot Answer. *New York Times*, 19 Julai 2018. <https://www.nytimes.com/2018/07/19/technology/facebook-misinformation.html> [diakses pada 20/07/2018]; <https://www.rt.com/usa/432604-youtube-invests-reputable-news/> [diakses pada 15/07/2018]; <https://youtube.googleblog.com/> [diakses pada 15/07/2018]; <https://sputniknews.com/asia/20180711066253096-whatsapp-seeks-help-fake-news/> [diakses pada 15/07/2018].

3. Laporan dari Pelaporan Khas tentang promosi dan perlindungan terhadap hak untuk berpendapat dan berekspresi, Majlis Hak Asasi Manusia UN 6 April 2018. A/HRC/38/35. <https://documents-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/G18/096/72/PDF/G1809672.pdf?OpenElement> [diakses pada 20/07/2018].

## **Perbezaan Ketara**

Berbeza dengan kewartawanan yang berkualiti, disinformasi dan misinformasi tidak menepati standard profesional dan etika kewartawanan. Pada masa yang sama, ia juga berbeza dengan kes penulisan yang lemah dan tidak berkualiti. Penulisan berita menjadi bermasalah apabila kesalahan dibuat secara berterusan tanpa pembetulan, berikutan penyelidikan yang lemah dan proses penentusahan yang sambal lewa. Hal ini termasuklah mensensasikan sesuatu perkara dengan menokok tambah, dan pemilihan fakta tertentu yang menjejaskan keadilan dalam penulisan.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh berprasangka bahawa kewartawanan yang ideal harus mengatasi semua pendapat dan setiap naratif yang tersirat, manakala kewartawanan substandard menggambarkan sesuatu ideologi. Sebenarnya, setiap bentuk kewartawanan mengandungi naratif, dan masalah dengan penulisan yang substandard bukan disebabkan wujudnya naratif-naratif tersebut, tetapi kerana kurangnya sifat profesional. Oleh sebab itu, kewartawanan yang lemah tidak boleh disamakan dengan disinformasi dan misinformasi.

Namun, kualiti penulisan yang lemah kadangkala menyebabkan disinformasi dan misinformasi terhasil atau tersebar dalam sistem berita sebenar. Sebab dan cara untuk mengurangkan kelemahan dalam bidang kewartawanan berbeza daripada cara untuk mengendalikan kes disinformasi dan misinformasi. Pada masa yang sama, etika yang tinggi dalam bidang kewartawanan perlu wujud sebagai alternatif dan antidot terhadap pencemaran yang sedang meliputi persekitaran maklumat dan pencemaran yang berlaku terhadap berita secara umum.

Pada hari ini, wartawan bukan sahaja penonton yang melihat perubahan mendadak terhadap disinformasi dan misinformasi. Mereka juga berada dalam lingkungan ini<sup>4</sup>. Hal ini bermakna:

- ▶ Bidang kewartawanan berisiko untuk tenggelam dalam kecelaruan maklumat.
- ▶ Wartawan berisiko untuk dimanipulasikan oleh watak yang tidak mematuhi etika perhubungan awam dengan menyesatkan atau menggalakkan wartawan untuk menyebarkan disinformasi<sup>5</sup>.
- ▶ Wartawan sebagai penyampai mesej yang sepatutnya benar, termasuk 'kebenaran yang mungkin tidak dipersetujui ramai', akan menjadi mangsa

4. Walaupun diancam, menurut suatu kajian, bilik berita di sesuatu negara tidak mempunyai sistem, perbelanjaan dan kakitangan yang dilatih khusus untuk memerangi disinformasi. Lihat: Penplusbytes. 2018. *Media Perspectives on Fake News in Ghana*. <http://penplusbytes.org/publications/4535/> [diakses pada 12/06/2018]

5. Butler, P. 2018. *How journalists can avoid being manipulated by trolls seeking to spread disinformation*. Didapati di <http://ijnet.org/en/blog/how-journalists-can-avoid-being-manipulated-trolls-seeking-spread-disinformation>. Lihat Modul Tiga dalam buku panduan ini.

penipuan, khabar angin yang direka untuk menakut-nakutkan dan, mencemarkan nama baik dan hasil kerja mereka, terutamanya apabila kerja mereka mengancam untuk mendedahkan individu yang menghasilkan atau menyebarkan disinformasi.<sup>6</sup>

Di samping itu, wartawan perlu sedar bahawa walaupun disinformasi banyak disebarkan melalui media sosial, terdapat individu yang menggunakan ‘berita palsu’ untuk menyekat dan menjatuhkan organisasi media yang sebenar. Undang-undang baharu yang ketat sama ada menyalahkan institusi berita seolah-olah mereka yang mencipta ‘berita palsu’, atau menggolongkan mereka dalam peraturan yang terlalu luwes menyekat semua wadah komunikasi dan aktiviti tanpa diskriminasi. Undang-undang sedemikian juga lazimnya tidak selari dengan prinsip antarabangsa yang mengesyorkan betapa perlunya hak untuk bersuara, jika bersesuaian dan dilakukan untuk tujuan yang sah. Kesannya, walaupun mungkin bukan niatnya yang utama, berita yang dihasilkan oleh organisasi media dipantau oleh ‘pihak yang benar’ yang mempunyai kuasa untuk menyekat sebarang maklumat demi tujuan politik.

Dalam konteks disinformasi dan misinformasi, bahaya sebenar bukannya undang-undang yang berkaitan dengan bidang kewartawanan yang tidak dapat dijustifikasikan, tetapi masyarakat yang berkemungkinan besar akan hilang kepercayaan terhadap semua kandungan – termasuk yang dihasilkan oleh bidang kewartawanan. Dalam senario ini, individu berkemungkinan akan menganggap sesuatu maklumat itu berkredibiliti jika dipersetujui oleh rangkaian sosial dan hanya memenuhi kehendak hati tanpa menggunakan akal fikiran. Kita sudah dapat melihat impak negatifnya tentang kepercayaan masyarakat terhadap kesihatan, sains, kefahaman antarabudaya dan status pakar yang sah.

Kesannya kepada masyarakat juga meliputi pilihan raya, dan demokrasi sebagai hak asasi manusia. Semasa pilihan raya, disinformasi tidak semestinya meyakinkan masyarakat tentang kebenaran sesuatu kandungan, tetapi memberikan kesan kepada penetapan agenda (perkara yang dianggap oleh individu sebagai penting) dan mengaburi lautan maklumat dalam usaha untuk melemahkan rasional individu dalam pembuangan undi<sup>7</sup>. Isu lain seperti migrasi dan perubahan iklim juga boleh dipengaruhi oleh ketidaktentuan yang disebabkan oleh disinformasi dan misinformasi.

Oleh sebab itu, peningkatan ‘berita palsu’ perlu dihadapi demi kemaslahatan bidang kewartawanan dan pengajian kewartawanan. Pada masa yang sama, cabaran ini juga

6. Lihat Modul Tujuh.

7. Lipson, D. (2018). *Indonesia's 'buzzers' paid to spread propaganda as political elite wage war ahead of election*, ABC News. Didapati di <http://mobile.abc.net.au/news/2018-08-13/indonesian-buzzers-paid-to-spread-propaganda-ahead-of-election/9928870?pfmredir=sm> [diakses pada 17/8/18].

boleh dianggap sebagai peluang untuk menonjolkan nilai sebenar media berita. Ia merupakan suatu peluang keemasan untuk menetapkan amalan profesional dan menekankan kepentingan untuk menyampaikan maklumat yang telah ditentusahkan dan komen yang telah diamati demi kepentingan masyarakat.<sup>8</sup>

## **Peranan Kewartawanan**

Dalam konteks ini, masanya telah tiba untuk organisasi media menekankan kepentingan meningkatkan taraf profesional dan etika, untuk mengelakkan penerbitan maklumat yang tidak disemak dan mengenal pasti penanda aras bagi maklumat yang mungkin dianggap penting oleh segelintir masyarakat tetapi tidak penting kepada masyarakat umum.

Oleh itu, penerbitan ini merupakan suatu peringatan bahawa semua institusi berita dan wartawan, tanpa mengira kecenderungan politik mereka, sepatutnya cuba untuk tidak menyebarkan disinformasi dan misinformasi. Di kebanyakan agensi berita pada hari ini, jawatan individu yang melakukan semakan fakta secara dalaman telah dihapuskan dan menyebabkan fungsi ini diambil oleh “estet kelima”, iaitu penulis blog dan orang luar yang menegur kesilapan yang dibuat oleh wartawan – namun hanya setelah diterbitkan.

Fenomena ini boleh dianggap oleh agensi berita sebagai cara untuk memupuk minat masyarakat mendapatkan maklumat yang telah ditentusahkan. Wartawan wajar untuk mengetengahkan kerja kumpulan penyemak maklumat bebas kepada khalayak yang lebih besar. Namun, mereka juga harus sedar bahawa apabila orang luar berjaya mengenal pasti kegagalan sesebuah agensi berita untuk menyiarkan maklumat yang benar, keadaan ini menimbulkan tanda tanya tentang jenama institusi media tersebut dan peranannya sebagai sumber berita yang profesional. Media harus berhati-hati untuk memastikan agar pembetulan fakta yang dibuat oleh pihak luar selepas berita diterbitkan tidak menggantikan kawalan kualiti dalaman. Wartawan perlu lebih efisien dan mendapatkan maklumat yang tepat terlebih dahulu, atau berisiko supaya tidak menjejaskan peluang masyarakat mengakses media yang boleh dipercayai.

Kesimpulannya, pembetulan yang dibuat oleh orang luar bukan amalan yang baik dalam bidang kewartawanan. Wartawan tidak boleh membiarkan organisasi luar membuat semakan fakta untuk mengambil alih tugas wartawan membuat penentusahan tentang kenyataan sumber yang menimbulkan tanda tanya (meskipun dilaporkan di media, atau disiarkan di media sosial). Kecekapan pengamal media untuk menghasilkan laporan

---

8. Sila lihat: Nordic Council of Ministers. 2018. *Fighting Fakes - the Nordic Way*. Copenhagen: Nordic Council of Ministers. Didapati di <http://www.nordiccom.gu.se/en/latest/news/fighting-fakes-nordic-way> [diakses pada 12/06/2018].

yang tidak semena-mena berdasarkan apa-apa yang dikatakan oleh sumber sahaja, dan menyiasat tuntutan oleh sumber, perlu ditambah baik.

Wartawan juga perlu proaktif untuk mengesan dan, mencari kes baharu dan bentuk disinformasi. Hal ini merupakan misi kritikal agensi berita kerana ia bertindak sebagai alternatif bagi pendekatan perundangan terhadap ‘berita palsu’. Sebagai maklum balas segera isu yang panas ini, ia melengkapi dan menguatkan strategi jangka-sederhana seperti literasi media dan informasi yang memperkasakan audien untuk mengenal pasti apakah berita, disinformasi dan misinformasi. Disinformasi merupakan topik hangat, dan liputan yang mantap tentang isu tersebut akan mengukuhkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh wartawan kepada masyarakat.

Oleh itu, buku panduan ini merupakan suatu seruan untuk bertindak. Ia juga menggalakkan wartawan melibatkan diri dalam dialog bersama-sama masyarakat tentang bagaimanakah individu menentukan kredibiliti sesuatu maklumat dan mengapakah sesetengah daripada mereka berkongsi maklumat yang tidak ditentusahkan. Untuk agensi media, pusat pengajian kewartawanan dan pelajar, juga jurulatih media, ini merupakan peluang besar untuk mewujudkan hubungan erat masyarakat dengan audiens. Sebagai contoh, mendapatkan maklumat daripada orang ramai penting jika media ingin membuat pendedahan atau laporan terhadap disinformasi yang tidak diketahui ramai yang disebarkan melalui media sosial atau e-mel.

## **Peranan UNESCO**

Ditaja oleh Program Antarabangsa untuk Pembangunan Komunikasi UNESCO (IPDC), buku ini menyediakan suatu pendekatan yang unik dan holistik tentang kedinamikan penceritaan disinformasi, di samping membangunkan kemahiran praktikal yang berupaya melengkapi ilmu dan pengetahuan yang disampaikan<sup>9</sup>. Ia adalah sebahagian daripada usaha UNESCO untuk menggalakkan penghasilan kerja yang optimum dan pengaturan sendiri oleh wartawan, sebagai alternatif kepada campur tangan negara dalam masalah yang berkaitan dengan kebebasan bersuara.

Penerbitan ini terhasil susulan daripada *Mengajar Kewartawanan untuk Pembangunan Mampan: Silibus Baharu*<sup>10</sup> (2015) dan *Model Kurikulum untuk Pengajian Kewartawanan*:

9. Mesyuarat ke-61 Biro IPDC pada tahun 2017 memutuskan untuk memberikan sokongan kepada Inisiatif Global untuk Kecemerlangan Pengajian Kewartawanan dengan memberikan peruntukan khas untuk mewujudkan silibus baharu dan topik utama untuk kewartawanan. Perkembangan telah dilaporkan dalam Mesyuarat ke-62 Biro IPDC pada tahun 2018, yang memberikan peruntukan tambahan untuk menyokong kurikulum ini.

10. <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/teaching-journalism-for-sustainable-development/> [diakses pada 12/06/2018].

*Satu Kompilasi Silibus Baru* (2013). Penerbitan tersebut disusuli oleh *Model Kurikulum dalam Pengajian Kewartawanan*<sup>11</sup> yang diterbitkan pada tahun 2007 dalam sembilan bahasa.

UNESCO turut menghasilkan beberapa penerbitan lain yang relevan kepada pengajian dan latihan kewartawanan, termasuklah:

- ▶ *Kursus Model untuk Keselamatan Wartawan* (2017)<sup>12</sup>
- ▶ *Keganasan dan Media: Buku Panduan untuk Wartawan* (2017)<sup>13</sup>
- ▶ *Perubahan Iklim di Afrika: Buku Panduan untuk Wartawan* (2013)<sup>14</sup>
- ▶ *Kajian Kes Global tentang Kewartawanan Penyiasatan* (2012)<sup>15</sup>
- ▶ *Persoalan Berdasarkan Penceritaan: Manual untuk Wartawan Penyiasatan* (2009)<sup>16</sup>
- ▶ *Laporan Konflik-Sensitif: Terkini; Kursus untuk Wartawan dan Pendidik dalam Bidang Kewartawanan* (2009)<sup>17</sup>

Setiap penerbitan ini berperanan penting di pelbagai negara, apabila pendidik dalam bidang kewartawanan dan jurulatih, dan juga pelajar dan wartawan dapat menambah baik amalan mereka dengan pelbagai cara. Di sesetengah tempat, penerbitan tersebut telah diadaptasikan ke dalam program yang selari dengan ilmu baharu; sementara di tempat lain, beberapa elemen daripada penerbitan UNESCO ini telah diintegrasikan ke dalam kursus sedia ada. Kualiti dan keselarian buku panduan ini sama seperti penerbitan sebelum ini dirasakan dapat memanfaatkan pembaca.

UNESCO ialah pertubuhan antara kerajaan yang tidak memihak kepada sesiapa dalam geopolitik persaingan maklumat. Seperti yang diketahui, terdapat pelbagai pendapat dan pendapat susulan daripada disinformasi. Perkara tersebut harus digunakan untuk memandu pembacaan anda, dan mengalakkan pembaca untuk mengumpul lebih banyak bukti kukuh bagi pelbagai kes.

---

11. <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/model-curricula-for-journalism-education/> [diakses pada 12/06/2018].

12. <https://en.unesco.org/news/unesco-releases-model-course-safety-journalists> [diakses pada 12/06/2018].

13. <https://en.unesco.org/news/terrorism-and-media-handbook-journalists> [diakses pada 12/06/2018].

14. <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/climate-change-in-africa-a-guidebook-for-journalists/> [diakses pada 12/06/2018].

15. <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/the-global-investigative-journalism-casebook/> [diakses pada 12/06/2018].

16. <http://unesdoc.unesco.org/images/0019/001930/193078e.pdf> [diakses pada 12/06/2018].

17. <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/conflict-sensitive-reporting-state-of-the-art-a-course-for-journalists-and-journalism-educators/> [diakses pada 12/06/2018].

Sementara itu, buku panduan ini secara tidak langsung menyenaraikan kompetensi berikut sebagai dasar penting untuk penilaian dan tindakan:

1. Pengetahuan bahawa berita – dihasilkan oleh individu yang telus – penting untuk demokrasi, pembangunan, sains, kesihatan dan perkembangan manusia.
2. Pengiktirafan bahawa disinformasi bukanlah sesuatu yang tidak relevan, dan memeranginya merupakan suatu misi yang kritikal bagi organisasi media.
3. Komitmen untuk meningkatkan kemahiran profesional wartawan penting jika kewartawanan yang inklusif dan tepat perlu bersaing sebagai alternatif yang boleh dipercayai berbanding kandungan palsu.

Antara perkara lain yang penting, terangkum dalam penerbitan ini, terutamanya yang berkaitan dengan wartawan dan organisasi media dan berita termasuklah:

1. Pengetahuan dan kemahiran untuk mewujudkan sistem bilik berita untuk memastikan bahawa terdapatnya proses pemantauan, penyiasatan dan pelaporan yang sistematik.
2. Pengetahuan tentang nilai hubungan antara institusi media, pusat pengajian kewartawanan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penyemak fakta, komuniti, syarikat internet dan badan penguat kuasa untuk membanteras pencemaran maklumat.
3. Pengetahuan tentang perlunya pelibatan masyarakat untuk memahami betapa penting dan perlunya bidang kewartawanan diselamatkan daripada disinformasi atau menjadi sasaran individu yang tidak bertanggungjawab yang sengaja menggunakannya sebagai kempen untuk memburukkan wartawan.

Secara keseluruhannya, buku panduan ini berupaya membantu masyarakat menjadi lebih berpengetahuan tentang maklum balas pelbagai masalah yang berkaitan dengan disinformasi, termasuk oleh kerajaan, organisasi antarabangsa, pejuang hak asasi manusia, syarikat internet dan pejuang literasi media dan maklumat. Buku panduan ini turut menekankan perkara yang boleh dilakukan oleh wartawan dan individu yang mengajar dan melatih wartawan.

Dengan rendah diri, kami berharap buku panduan ini akan menguatkan lagi sumbangan khusus bidang kewartawanan kepada masyarakat – dan juga Matlamat Pembangunan Mampan untuk “menyediakan akses kepada maklumat dan kebebasan asasi kepada

masyarakat”. UNESCO ingin mengucapkan terima kasih kepada penyunting dan penulis yang membantu menghasilkan buku panduan ini. Ia disarankan untuk anda, sebagai pembaca, dan kami mengalu-alukan komen daripada anda semua.

## **Guy Berger**

Pengarah untuk Kebebasan Bersuara dan Pembangunan Media, UNESCO  
Setiausaha IPDC

# PENGENALAN

Cherilyn Ireton dan Julie Posetti<sup>1</sup>

Buku panduan ini direka bentuk untuk memberikan pendidik dalam bidang kewartawan serta jurulatih, dan penuntut pengajian kewartawanan suatu kerangka dan bahan pengajaran untuk membantu memahami isu yang berkaitan dengan ‘berita palsu’. Kami juga berharap buku panduan ini menjadi panduan berguna buat pengamal media, terutamanya wartawan.

Buku panduan ini juga mengumpulkan input daripada pendidik yang terkemuka dalam bidang kewartawanan, penyelidik dan cendekiawan yang membantu untuk mengemas kini kaedah dan amalan yang sesuai untuk menghadapi cabaran misinformasi dan disinformasi. Bahan pengajaran dalam buku ini berbentuk kontekstual, teoretikal dan dalam kes penentusahan secara dalam talian, sangat praktikal. Jika digunakan dalam sesuatu kursus, atau sebagai suatu kursus khas yang tersendiri, buku panduan ini menawarkan suatu bentuk kelainan dan membuatkan modul pengajaran lebih segar. Cadangan cara untuk menggunakan buku panduan ini sebagai suatu model kurikulum menyusul selepas bahagian pengenalan ini.

Terdapat suatu perbincangan tentang penggunaan istilah ‘berita palsu’ dalam tajuk dan bahan pengajaran. ‘Berita palsu’, pada hari ini bukan sahaja suatu label untuk disinformasi atau sesuatu yang boleh menimbulkan kekeliruan, yang tampak dan disebarkan sebagai berita. ‘Berita palsu’ menjadi suatu istilah emosional dan umpama senjata yang digunakan untuk melemahkan bidang kewartawanan. Oleh itu, istilah misinformasi, disinformasi dan ‘kecelaruan maklumat’, seperti yang dicadangkan oleh Wardle dan Derakhshan<sup>2</sup>, dirasakan lebih sesuai, tetapi tidak semestinya digunakan<sup>3 4</sup>.

---

1. Alice Matthews dari ABC Australia dan Tom Law dari Ethical Journalism Network menyumbang kepada penyelidikan, idea dan sumber yang terdapat dalam bahagian Pengenalan ini.

2. Modul Dua.

3. Perbincangan tentang penggunaan istilah ‘berita palsu’ telah dibuat oleh ramai penulis dan wartawan, termasuklah Basson, A. (2016). *If it's fake, it's not news*. Didapati di <https://www.news24.com/Columnists/AdriaanBasson/lets-stop-talking-about-fake-news-20170706> [diakses pada 12/06/2018].

4. Wardle, C. et al. (2018). “Information Disorder: the Essential Glossary”. Shorenstein Center, Harvard University. Didapati di [https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2018/07/infoDisorder\\_a\\_glossary.pdf?x25702](https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2018/07/infoDisorder_a_glossary.pdf?x25702) [diakses pada 21/07/2018].

## *Deklarasi Bersama-sama Kebebasan Bersuara dan ‘Berita Palsu’, Disinformasi dan Propaganda*

Buku panduan ini dihasilkan apabila melihat wujudnya kebimbangan pada peringkat antarabangsa tentang usaha membanteras disinformasi, yang menjadikan bidang kewartawanan dan wartawan sebagai sasaran utama. Pada awal tahun 2017, semasa projek ini ditauliahkan oleh UNESCO, satu kenyataan bersama dikeluarkan oleh Pelapor Istimewa UN untuk Kebebasan Berpendapat dan Bersuara, Wakil OCSE untuk Kebebasan Media, Organisation of American States’ Special Rapporteur on Freedom of Expression, African Commission on Human and People’s Rights Special Rapporteur on Freedom of Expression and Access to Information. Deklarasi tersebut meluahkan rasa terkejut atas penyebaran disinformasi dan propaganda, serta serangan terhadap berita sebagai ‘berita palsu’. Secara khususnya, para pelapor dan wakil menyatakan impak terhadap wartawan dan bidang kewartawanan:

*“(Kami) terkejut melihat pihak berautoriti memandang rendah, membuat ugutan dan mencabar media, termasuk menyatakan bahawa media “membangkang” atau ‘menipu’ dan mempunyai agenda politik tersembunyi yang meningkatkan risiko kecaman dan keganasan terhadap wartawan, memperlekehkan kepercayaan masyarakat dan keyakinan mereka terhadap bidang kewartawanan sebagai penimbang tara, dan mungkin mengelirukan masyarakat dengan mengaburkan perbezaan ketara antara disinformasi dengan produk media yang mengandungi fakta yang boleh ditentukan secara bebas.”<sup>5</sup>*

Disinformasi ialah cerita lama yang semakin tersebar akibat teknologi baharu. Sikap menggunakan dan memanipulasikan maklumat telah lama wujud dalam sejarah, iaitu sebelum terciptanya standard bagi kewartawanan moden yang memberikan definisi kepada berita sebagai genre, berpandukan peraturan dan integriti. Rekod terawal wujud semasa Zaman Rom lama<sup>6</sup>, semasa Antony bertemu Cleopatra dan musuh politiknya, Octavian dan melancarkan kempen memburukkan nama dengan menggunakan slogan yang pendek dan padat yang ditulis di atas duit sen seolah-olah seperti sembang Twitter, tetapi versi zaman dahulu<sup>7</sup>. Pemangsa kemudiannya menjadi Maharaja Rom yang

5. UN/OSCE/OAS/ACHPR (2017). Deklarasi Bersama Kebebasan Bersuara dan “Berita Palsu”, Disinformasi, Propaganda: <https://www.osce.org/fom/302796?download=true> [diakses pada 29/03/2017]. Lihat juga: Kaye, D. (2017). “Statement to the UN General Assembly on October 24th, 2017”. Didapati di <https://www.ohchr.org/en/NewsEvents/Pages/DisplayNews.aspx?NewsID=22300&LangID=E> [diakses pada 20/8/18].

6. Lihat garis masa yang memperihalkan ‘Kecelaruan Maklumat’ – dari era Cleopatra hingga sekarang – dalam satu panduan yang diterbitkan oleh International Center for Journalists (ICFJ), Posetti, J. & Matthews, A. (2018). Didapati di <https://www.icfj.org/news/short-guide-history-fake-news-and-disinformation-new-icfj-learning-module> [diakses pada 23/07/2018].

7. Kaminska, I. (2017). “A Lesson in Fake News from the Info-Wars of Ancient Rome” dlm. *Financial Times*. Didapati di <https://www.ft.com/content/aaf2b08-dca2-11e6-86ac-f253db7791c6> [diakses pada 28/03/2018].

pertama dan “berita palsu tersebut membenarkan Octavian untuk membolos masuk ke dalam sistem republikan”<sup>8</sup>.

Pada abad ke-21, maklumat digunakan dalam skala yang besar sebagai ‘senjata’. Teknologi baharu menjadikan manipulasi dan penghasilan kandungan menjadi mudah, dan rangkaian sosial memperkuat lagi kepalsuan yang dijaja oleh negara, ahli politik populis, entiti korporat yang tidak amanah, dan keadaan ini dikongsi oleh masyarakatnya yang semakin pasif. Wadah ini menjadikan propaganda yang dibuat menggunakan komputer<sup>9</sup>, perbuatan ‘hasut maya’<sup>10</sup> dan ‘tentera penghasut maya’<sup>11</sup>, rangkaian ‘boneka’<sup>12</sup>, dan ‘olo-olokan’<sup>13</sup> semakin menyubur. Teknologi baharu ini juga menyaksikan kewujudan ‘kumpulan penghasut maya’ yang mengaut keuntungan semasa musim pilihan raya<sup>14</sup>.

Walaupun masa dan teknologi berubah, sejarah boleh memberikan pemahaman tentang sebab dan akibat berlakunya fenomena kontemporari yang berkaitan dengan kecelaruan maklumat yang cuba dijelaskan dalam buku panduan ini. Untuk memastikan laporan krisis berbeza, wartawan, jurulatih dalam bidang kewartawanan dan pendidik (termasuk para pelajar) digalakkan untuk mempelajari disinformasi, propaganda, penipuan dan satira sebagai ciri sejarah dalam dunia komunikasi.<sup>15</sup>

Pembangunan strategi kewartawanan untuk membanteras disinformasi harus dilakukan dengan kesedaran bahawa manipulasi maklumat berlaku ribuan tahun dahulu, sementara evolusi profesionalisme dalam bidang kewartawanan merupakan sesuatu yang masih baharu<sup>16</sup>. Apabila bidang kewartawanan melalui arus perubahan, dan memenuhi peranan normatif dalam masyarakat kontemporari, hal ini bermakna agensi berita berjaya beroperasi secara berasingan daripada dunia yang direka-reka dan sebarang serangan hendap. Dalam hal ini bidang kewartawanan berperanan sebagai perisai yang beraspirasi untuk mencapai taraf profesionalisme dengan menyatakan kebenaran, kaedah untuk membuat penentusahan, dan etika, demi kepentingan masyarakat. Kewartawanan

---

8. *ibid.*

9. Lihat: Oxford Internet Institute’s Computational Propaganda Project. Didapati di <http://comprop.oii.ox.ac.uk/> [diakses pada 20/07/2018].

10. Lihat Modul Tujuh dalam buku panduan ini untuk meneliti kajian kes yang membincangkan kecaman ini.

11. Rappler.com (2018). “Fake News in the Philippines: Dissecting the Propaganda Machine”. Didapati di <https://www.rappler.com/newsbreak/rich-media/199895-fake-news-documentary-philippines-propaganda-machine> [diakses pada 20/07/2018].

12. Gent, E. (2017). “Sock Puppet Accounts Unmasked by the Way They Write and Post”. Didapati di <https://www.newscientist.com/article/2127107-sock-puppet-accounts-unmasked-by-the-way-they-write-and-post/> [diakses pada 19/07/2018].

13. Le Roux, J. (2017). “Hidden Hand Drives Social Media Smears”. Didapati di <https://mg.co.za/article/2017-01-27-00-hidden-hand-drives-social-media-smears> [diakses pada 19/07/2018].

14. Silverman, C. et al. (2018). “American Conservatives Played a Role in the Macedonian Fake News Boom of 2016” dlm. *Buzzfeed*. Didapati di <https://www.buzzfeednews.com/article/craigsilverman/american-conservatives-fake-news-macedonia-paris-wade-libert> [accessed 20/07/2018].

15. Posetti, J. & Matthews, A. (2018). “A Short Guide to the History of ‘Fake News’: A Learning Module for Journalists and Journalism Educators ICFJ. Didapati di <https://www.icfj.org/news/short-guide-history-fake-news-and-disinformation-new-icfj-learning-module> [diakses pada 23/07/2018].

16. Lihat Modul Tiga dalam buku panduan ini.

melalui banyak fasa dan larangan yang membezakan bidang tersebut daripada bidang lain. Pada hari ini, walaupun wujud pelbagai variasi dalam bidang ‘kewartawanan’, kepelbagaian naratif dalam berita sebenar boleh dilihat sebagai suatu amalan etika komunikasi tersendiri yang juga suatu percubaan untuk menjadi bebas daripada pengaruh politik dan komersial. Namun, sebelum standard tersebut melalui proses evolusi, beberapa peraturan tentang integriti maklumat tersebar secara meluas.

Kecanggihan teknologi yang dibawa oleh Gutenberg melalui mesin cetak pada abad ke-15 memperlihatkan wartawan menjadi profesional, namun pada masa yang sama memudahkan penyebaran propaganda dan penipuan yang kadangkala memperlihatkan institusi media sebagai pemangsa<sup>17</sup>. Bidang penyiaran meningkatkan kemungkinan media digunakan untuk menyebarkan propaganda dan penipuan seperti yang berlaku melalui drama radio, *War of the Worlds* pada tahun 1938<sup>18</sup>. Perkembangan penyiaran antarabangsa juga menyaksikan cara maklumat digunakan melangkaui parameter profesional dan sebagai berita bebas, namun cerita yang direka sendiri dan pemalsuan dianggap sebagai kelainan dan bukan peraturan, bagi naratif sesetengah individu.

Kita juga boleh mempelajari daripada sejarah tentang individu yang tertipu melalui jenaka “April Fool’s” – termasuk wartawan<sup>19</sup>. Sehingga hari ini, kita sering dapat melihat satira berita – yang mempengaruhi kebertanggungjawaban dalam bidang kewartawanan<sup>20</sup> – disalah erti oleh pengguna media sosial yang menyebarkannya seolah-olah berita yang betul<sup>21 22</sup>. Dalam kes tertentu, terdapat pelbagai laporan, apabila tapak berbentuk satira adalah sebahagian daripada rangkaian yang direka bentuk untuk mengaut keuntungan daripada periklanan, melalui pengguna yang mudah tertipu untuk klik dan kongsi. Keadaan ini bukan sahaja memberikan kesan kepada kandungan ‘palsu’, tetapi juga kepada kredibiliti berita<sup>23</sup> – wartawan sepatutnya memastikan laporan yang dibuat tepat. Natiujahnya, alasan ini sangat kukuh supaya masyarakat dilengkapi dengan pengetahuan tentang Literasi Media dan Informasi<sup>24</sup>, agar mereka jelas dan lebih kritis

17. Lihat sebagai contoh, penipuan skala besar yang pernah dilakukan – ‘The Great Moon Hoax’ pada tahun 1835. Dijelaskan dlm. Thornton, B. (2000). “The Moon Hoax: Debates about Ethics in 1835 *New York Newspapers*” dlm. *Journal of Mass Media Ethics* 15(2), pp. 89 – 100. Didapati di [http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1207/S15327728JMME1502\\_3](http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1207/S15327728JMME1502_3) [diakses pada 28/03/2018].

18. Schwartz, A.B. (2015). The Infamous ‘War of The Worlds’ Radio Broadcast was a Magnificent Fluke. *The Smithsonian*. Didapati di <http://www.smithsonianmag.com/history/infamous-war-worlds-radio-broadcast-was-magnificent-fluke-180955180/#h2FAexeJmuCHJfSt.99> [diakses pada 28/03/2018].

19. Laskowski, A. (2009). How a BU Prof April-Fooled the Country: When the Joke was on the Associated Press. *BU Today*. Didapati di <https://www.bu.edu/today/2009/how-a-bu-prof-april-fooled-the-country/> [diakses pada 01/04/2018].

20. Baym, G. (2006). The daily show: Discursive integration and the reinvention of political journalism. *Political Communication Taylor and Francis* Jilid 22, 2005 - Isu 3, pp. 259 – 276. Didapati di <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/10584600591006492> [diakses pada 20/07/2018].

21. Woolf, N. (2016). As fake news takes over Facebook feeds, many are taking satire as fact, The Guardian. <https://www.theguardian.com/media/2016/nov/17/facebook-fake-news-satire> [diakses pada 01/04/2018].

22. Abad-Santos, A. (2012). *The Onion Convinces Actual Chinese Communists that Kim Jong-Un is Actually the Sexiest Man Alive*. The Atlantic. Didapati di <https://www.theatlantic.com/entertainment/archive/2012/11/onion-convinces-actual-chinese-communists-kim-jong-un-actually-sexiest-man-alive/321126/> [diakses pada 28/03/2018].

23. Lihat Modul Tiga dalam buku panduan ini untuk penerangan tentang tema ini.

24. Sila lihat Modul Empat.

terhadap kebiasaan dan perubahan genre yang berkaitan dengan berita, periklanan, hiburan dan media sosial.

Sejarah juga mengajar bahawa kuasa yang menghasilkan disinformasi tidak semestinya hendak meyakinkan wartawan atau khalayak tentang kebenaran terhadap tuntutan palsu yang dibuat, tetapi sebenarnya cuba untuk menimbulkan keraguan tentang kebenaran maklumat yang ditentusahkan oleh penerbit berita yang profesional. Kekeliruan ini bermakna pengguna berasa lebih layak untuk memilih dan mencipta fakta sendiri, kadangkala dibantu oleh ahli politik yang cuba melindungi diri sendiri daripada kritikan yang benar.

Mari maju ke hadapan, ke tahun 2018, iaitu era perkembangan perkakasan teknologi. Media sosial dan platform penghantaran mesej mengehadkan standard kawalan mutu untuk menentukan perkara yang boleh dianggap sebagai berita dan membuatkan jenama berita yang sah mudah untuk ditiru dan kelihatan seolah-olah benar. Audio dan video juga boleh dihasilkan dan disunting untuk membuatkan seolah-olah sesuatu perkara dibuat atau dikatakan oleh seseorang di tempat tertentu, seperti rakaman sebenar<sup>25</sup>, dan ditularkan ke dalam media sosial.

Pada hari ini, media sosial semakin terisi dengan pelbagai jenis kandungan, daripada sesuatu yang peribadi hingga ke sesuatu yang bersifat politik. Kerap kali, penciptaan kandungan yang berlaku secara terang-terangan atau terselindung yang dihasilkan oleh kerajaan, dan/atau industri perhubungan awam adalah untuk ahli politik atau untuk tujuan komersial. Hasilnya, ramai penulis blog, pempengaruh Instagram dan bintang Youtube mempromosikan produk dan ahli politik tanpa menyatakan bahawa mereka dibayar untuk berbuat demikian. Bayaran juga dibuat secara senyap kepada individu yang meninggalkan komen (lazimnya dengan identiti palsu) yang menyokong, membantah atau membuat ugutan dalam talian. Dalam hal ini, bidang kewartawanan hilang kedudukan, dan bukan sahaja menjadi subjek untuk dikritik, malahan terdedah kepada serangan diatas kewujudannya.

Bahayanya, segenap sudut di sekeliling kita dicemari oleh disinformasi yang disebarkan melalui organisasi 'berita' yang bersifat pemihak dan rangkaian media sosial yang kadangkala boleh menghantui individu yang menghasilkan disinformasi.<sup>26</sup> Apabila kempen disinformasi berjaya dibongkar, keadaan ini memberikan kesan buruk kepada individu yang terlibat – iaitu agensi yang bertanggungjawab menyebarkannya dan

25. Solon, O. (2017). The future of fake news: Don't believe everything you see, hear or read. *The Guardian*. Didapati di <https://www.theguardian.com/technology/2017/jul/26/fake-news-obama-video-trump-faceface-doctored-content> [diakses pada 20/07/2018].

26. Winseck, D. (2008). Information operations 'blowback': Communication, propaganda and surveillance in the global war on terrorism. *International Communication Gazette* 70(6), 419 – 441.

pelanggan politik mereka (lihat kes terkini yang melibatkan Bell-Pottinger<sup>27 28 29 30</sup> dan Cambridge Analytica<sup>31 32</sup>).

Akibatnya, disinformasi yang disebar secara digital, dalam konteks polarisasi, berisiko untuk membayangi peranan bidang kewartawanan. Malahan, penulisan berita berdasarkan maklumat yang ditentusahkan dan dikongsi untuk kepentingan masyarakat – suatu pencapaian bermakna tetapi tidak dijamin – boleh dianggap tidak benar jika langkah-langkah untuk membendung maklumat tersebut daripada dimanipulasikan tidak dilaksanakan. Apabila bidang kewartawanan menjadi vektor disinformasi, keadaan ini menimbulkan perasaan tidak percaya dalam kalangan masyarakat, serta pandangan sinis bahawa tiada perbezaan antara naratif kewartawanan dengan naratif disinformasi. Oleh sebab itu, sejarah tentang cara kandungan digunakan secara berbeza, dalam pelbagai format, dapat memberikan maklumat penting. Pemahaman tentang ‘kecelaruan maklumat’ yang berlaku pada abad ke-21 boleh membantu pembaca memahami sebab dan akibat ancaman global yang belum pernah terjadi berlaku, iaitu yang meliputi gangguan terhadap wartawan oleh penghasut maya, manipulasi pilihan raya, kesan buruk kepada kesihatan umum dan kegagalan untuk mengenal pasti risiko perubahan iklim.

### ***Buku panduan untuk memerangi krisis disinformasi***

Sebagai suatu kurikulum, buku panduan ini mengandungi dua bahagian utama: tiga modul pertama memberikan kerangka kepada masalah ini dan menyediakan konteks, manakala empat modul berikutnya memberikan tumpuan pada maklum balas terhadap ‘kecelaruan maklumat’ dan akibatnya.

Modul Satu, *Kebenaran, Kepercayaan dan Kewartawanan: Mengapakah Perlu Dititikberatkan*<sup>33</sup> menggalakkan pembaca untuk berfikir tentang kepentingan umum, serta akibat penyebaran disinformasi dan misinformasi, dan bagaimanakah ia menyumbang kepada krisis keyakinan terhadap bidang kewartawanan.

27. The African Network of Centers for Investigative Journalism, (2017), s. Didapati di <https://www.timeslive.co.za/news/south-africa/2017-09-04-the-guptas-bell-pottinger-and-the-fake-news-propaganda-machine/> [diakses pada 29/03/2018].

28. Cameron, J. (2017) *Dummy's guide: Bell Pottinger – Gupta London agency, creator of WMC. BizNews*. Didapati di <https://www.biznews.com/global-citizen/2017/08/07/dummys-guide-bell-pottinger-gupta-wmc> [accessed 29/03/2018]; Segal, D. (2018) How Bell Pottinger, P.R. Firm for Despots and Rogues, met its end in South Africa. New York Times, 4 Februari 2018. Didapati di <https://www.nytimes.com/2018/02/04/business/bell-pottinger-guptas-zuma-south-africa.html> [diakses pada 29/03/2018].

29. Haffajee, F. (2017). *Feral Haffajee: The Gupta fake news factory and me*. HuffPost South Africa. [dalam talian]. Didapati di [https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/feral-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me\\_a\\_22126282/](https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/feral-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me_a_22126282/) [diakses pada 06/04/2018].

30. Lihat Modul Tujuh.

31. Lee, G. (2018). Q&A on Cambridge Analytica: The allegations so far, explained, FactCheck, Channel 4 News. Didapati di <https://www.channel4.com/news/factcheck/cambridge-analytica-the-allegations-so-far> [diakses pada 29/03/2018].

32. Cassidy, J. (2018). *Cambridge Analytica Whistleblower claims that cheating swung the Brexit vote*. The New Yorker. Didapati di <https://www.newyorker.com/news/our-columnists/a-cambridge-analytica-whistleblower-claims-that-cheating-swung-the-brexit-vote> [diakses pada 29/03/18].

33. Lihat Modul Satu.

Modul Dua, *Berfikir tentang Kecelaruhan Maklumat: Format Misinformasi dan Disinformasi*<sup>34</sup> membincangkan masalah kecelaruhan maklumat dan memberikan kerangka untuk memahami dimensi masalah tersebut.

Pada abad ke-21, kepercayaan terhadap media di kebanyakan negara sudah semakin pudar, dan keadaan ini berlaku sebelum media sosial digunakan untuk menyebarkan berita, serta menawarkan ruang dan menjadi wadah untuk sesiapa sahaja berkongsi maklumat.<sup>35</sup> Alasannya pelbagai dan kompleks. Dunia dalam talian yang bersifat 24 jam dengan permintaan mendadak terhadap kandungan berita mengubah bidang kewartawanan, seperti yang dibincangkan dalam Modul Tiga, *Transformasi Industri Berita: Teknologi Digital, Wadah Sosial dan Penyebaran Disinformasi dan Misinformasi*<sup>36</sup>. Skala, perusahaan dan penyampaian berita palsu yang dikongsi dalam talian mencipta suatu krisis baharu dalam bidang kewartawanan, yang memberikan kesan kepada wartawan, media dan masyarakat.<sup>37</sup>

Jadi, apakah tindak balas yang patut diberikan oleh individu yang menjayakan bidang kewartawanan, termasuk pendidik, pengamal media, dan pembuat polisi? *Membanteras Disinformasi dan Misinformasi melalui Literasi Media dan Informasi*<sup>38</sup> ialah subjek Modul Empat yang membincangkan perkara tersebut.

Akhirnya, amalan membuat penentusahan ialah sikap yang membezakan wartawan profesional daripada yang lain<sup>39</sup> dan inilah fokus dalam Modul Lima, *Penentusahan: Menyemak Fakta*<sup>40</sup>; Modul Enam, *Penentusahan melalui Media Sosial, Menilai Sumber dan Kandungan Visual*<sup>41</sup> sangat praktikal dan membincangkan cabaran untuk membuat penentusahan dan penulisan berita berdasarkan bukti, yang semakin tidak diendahkan dalam penggunaan teknologi digital dan media sosial.

Laman sosial mula kehilangan pengampang maklumat<sup>42</sup> apabila semua orang mula terlibat dalam proses penghasilan berita. Bidang kewartawanan terkesan, tetapi seperti setiap gangguan yang melibatkan teknologi, penilaian, pengukuran dan maklum balas

---

34. Lihat Modul Dua.

35. Edelman. (2017). *2017 Edelman Trust Barometer- Global Results*. Didapati di <https://www.edelman.com/global-results/> [diakses pada 03/04/2018].

36. Lihat Modul Tiga.

37. Viner, K. (2017). A mission for journalism in a time of crisis. [dalam talian]. *The Guardian*. Didapati di <https://www.theguardian.com/news/2017/nov/16/a-mission-for-journalism-in-a-time-of-crisis> [diakses pada 03/04/2018].

38. Lihat Modul Empat.

39. Kovach, B. & Rosenstiel, T. (2014). *The elements of journalism: What newspeople should know and the public should expect*. New York: Crown Publishers.

40. Lihat Modul Lima.

41. Lihat Modul Enam.

42. Colón, A. (2017). "You are the new gatekeeper of the news". [dalam talian]. *The Conversation*. Didapati di <https://theconversation.com/you-are-the-new-gatekeeper-of-the-news-71862> [diakses pada 03/04/2018].

memerlukan masa. Lazimnya, terdapat fasa kuak kejar sebelum wujudnya penyelidikan dan penghasilan amalan terbaik yang konkrit.

Disinformasi ialah masalah global yang menjangkau lebih daripada sfera politik dan meliputi semua aspek maklumat, termasuk perubahan iklim, hiburan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sehingga kini, kebanyakan kajian kes, maklum balas permulaan, serta tajaan untuk menjalankan penyelidikan dan menghasilkan perkakasan tercetus di Amerika Syarikat, tempat terletaknya ibu pejabat syarikat teknologi gergasi, apabila tuduhan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump tentang institusi media dan wartawan sebagai pendukung 'berita palsu' sehingga menyebabkan tindakan dan pembiayaan. Pada peringkat global, landskap masalah ini berubah setiap hari, terutamanya reaksi daripada negara tertentu – yang kebanyakannya sedang berkira-kira untuk memperkenalkan peraturan dan undang-undang bagi menghadapi masalah ini. Syarikat teknologi gergasi juga cuba untuk memastikan disinformasi dan misinformasi tidak disebarkan melalui platform mereka.

Semasa penerbitan ini sedang dihasilkan, Suruhanjaya Kesatuan Eropah (European Commission) menghasilkan satu laporan<sup>43</sup> yang ditulis berdasarkan satu persoalan<sup>44</sup>, iaitu kebimbangan bahawa disinformasi dan misinformasi berbahaya kepada masyarakat<sup>45</sup>. Ahli politik dan badan pembuat polisi di negara-negara dari Australia hingga ke Filipina, Kanada, Perancis, United Kingdom, Brazil, India dan Indonesia sedang memikirkan maklum balas<sup>46</sup> yang patut diberikan. Dalam hal perundangan, Jerman merupakan negara pertama yang memperkenalkan undang-undang baharu untuk mengenakan saman yang berat kepada platform digital jika mereka tidak memindahkan 'kandungan yang salah', termasuk 'berita palsu' atau/dan ucapan kebencian, dalam masa 24 jam selepas dilaporkan<sup>47</sup>. Parlimen di Malaysia juga meluluskan Akta Berita Palsu pada April 2018 tetapi dimansuhkan pada bulan Ogos<sup>48</sup>. Untuk makluman, Poynter menyenaraikan maklum balas terkini daripada pelbagai negara berkenaan dengan hal tersebut<sup>49</sup>.

43. European Commission (2018). Laporan Akhir High-Level Expert Group on Fake News and Online Disinformation. Didapati di [http://ec.europa.eu/newsroom/dae/document.cfm?doc\\_id=50271](http://ec.europa.eu/newsroom/dae/document.cfm?doc_id=50271) [diakses pada 03/04/2018].

44. European Commission (2017). Next steps against fake news: Commission sets up High-Level Expert Group and launches public consultation. [dalam talian]. Didapati di [http://europa.eu/rapid/press-release\\_IP-17-4481\\_en.htm](http://europa.eu/rapid/press-release_IP-17-4481_en.htm) [diakses pada 03/04/2018].

45. Anspir, A. (2017). *Hate speech, populism and fake news on social media – towards an EU response*. Didapati di [https://ec.europa.eu/commission/commissioners/2014-2019/anspir/announcements/statement-vice-president-anspir-european-parliament-strasbourg-plenary-debate-hate-speech-populism\\_en](https://ec.europa.eu/commission/commissioners/2014-2019/anspir/announcements/statement-vice-president-anspir-european-parliament-strasbourg-plenary-debate-hate-speech-populism_en) [diakses pada 03/04/2018].

46. Malloy, D. (2017). *How the world's governments are fighting fake news*. [dalam talian] ozy.com. Didapati di <http://www.ozy.com/politics-and-power/how-the-worlds-governments-are-fighting-fake-news/80671> [diakses pada 03/04/2018].

47. Federal Ministry of Justice and Consumer Protection. (2017). *Act to Improve Enforcement of the Law in Social Networks (Network Enforcement Act, netzdg)*. [dalam talian]. Didapati di [http://www.bmjjv.de/DE/Themen/fokusthemen/netzdg/\\_documents/netzdg\\_englisch.html](http://www.bmjjv.de/DE/Themen/fokusthemen/netzdg/_documents/netzdg_englisch.html) [diakses pada 03/04/2018].

48. Malaysia scraps 'fake news' law used to stifle free speech. *The Guardian*. Didapati di <https://www.theguardian.com/world/2018/aug/17/malaysia-scraps-fake-news-law-used-to-stifle-free-speech> [diakses pada 18/08/2018].

49. Funke, D. (2018). *A guide to anti-misinformation actions around the world* (Poynter). Didapati di <https://www.poynter.org/news/guide-anti-misinformation-actions-around-world/> [diakses pada 13/07/2018].

Pejuang kebebasan bersuara khawatir jika perundangan mempingankan pendemokrasian maklumat dan pendapat, yang dibawa oleh teknologi baharu. Di sesetengah negara, undang-undang boleh digunakan untuk menenggelamkan suara media yang bersifat kritis<sup>50</sup>.

Bagi wartawan yang percaya kepada kebebasan bersuara dan menganggap diri mereka sebagai pihak berkepentingan dalam masyarakat demokratik<sup>51</sup>, pengendalian ‘kecelaruan maklumat’ merupakan suatu isu yang kompleks. Pengendalian ‘kecelaruan maklumat’ juga merupakan sesuatu yang bersifat peribadi: serangan dalam talian terhadap wartawan, terutamanya wanita menjadi kebiasaan dan lazimnya berbentuk ancaman fizikal dan psikologi, serta memburukkan reputasi bidang kewartawanan, seperti yang digariskan dalam Modul Tujuh: *Membanteras Penderaan dalam Talian: Apabila Wartawan dan Sumber Menjadi Sasaran*<sup>52</sup>.

Disinformasi dan misinformasi bukan sahaja mencabar reputasi dan keselamatan wartawan, malahan menimbulkan persoalan tentang tujuan dan keberkesanan bidang kewartawanan, serta mewujudkan baur-baur yang mungkin menghancurkan peranan bidang tersebut dalam perbincangan masyarakat. Dalam hal ini, penambahbaikan standard dalam bidang kewartawanan dan perkaitan sosial antara wartawan dengan masyarakat dianggap penting. Buku panduan ini bakal mencabar penyelidik, pelajar dan pengamal media untuk mempertimbangkan dan membahaskan bagaimanakah bidang kewartawanan boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat dan pendemokrasian dalam konteks baharu kerana:

*“Akhbar yang berfungsi dan demokrasi memerlukan kritikan, ketelusan dan balasan bagi kesilapan dari segi kewartawanan. Kita juga, secara kolektif, perlu mengetahui cara untuk membezakan ia daripada penipuan dan pembbohongan. Jika tidak ... maklumat yang benar akan dilakarkan seperti palsu, manakala maklumat yang dibuat-buat (sampah) dibentangkan sebagai fakta.” – Craig Silverman.*<sup>53</sup>

50. Nossel, S. (2017). *FAKING NEWS: Fraudulent News and the Fight for Truth*. [buku elektronik] PEN America. Didapati di [https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America\\_Faking-News-Report\\_10-17.pdf](https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America_Faking-News-Report_10-17.pdf) [diakses pada 03/04/2018].

51. McNair, B. (2009). Journalism and democracy. K. Wahl-Jorgensen & T. Hanitzsch (ed.), *Handbook of Journalism Studies*, 6th ed. [dalam talian] New York: Routledge.

52. Lihat Modul Tujuh.

53. Silverman, C. (2018). I Helped Popularize the Term “Fake News” and Now I Cringe Every Time I Hear It. *BuzzFeed*. Didapati di <https://www.buzzfeed.com/craigsilverman/i-helped-popularize-the-term-fake-news-and-now-i-criinge> [diakses pada 03/04/2018].

## Nota tentang etika dan pengaturan sendiri

Tanggungjawab serta standard profesional terhadap etika dan kewartawanan penting untuk membentengi disinformasi dan misinformasi. Norma dan nilai yang dijadikan panduan untuk mereka yang terlibat dalam bidang kewartawanan berubah untuk memberikan bidang tersebut misi dan modus operandinya yang tersendiri. Akibatnya, etika perlu memastikan maklumat dan komen yang dikongsi untuk kepentingan awam melalui proses penentusahan. Faktor ini menjadi asas kepada bidang kewartawanan. Semua perkara ini digabungkan dalam kandungan buku panduan ini.

Dalam konteks ini, kata-kata Profesor Charlie Beckett dari London School of Economics merumuskan bahawa potensi nilai krisis ‘berita palsu’ terhadap bidang kewartawanan sebagai:

*“... berita palsu ialah perkara terbaik, yang berlaku pada dekad ini. Ia memberikan peluang untuk suatu bentuk kewartawanan yang berkualiti berdasarkan kepakaran, etika, hubungan dan pengalaman, wujud. Ini ialah suatu panggilan untuk menjadi lebih telus, relevan dan usaha menambah nilai kehidupan manusia. Suatu model perniagaan yang berasaskan semakan fakta dan penghapusan mitos, boleh dibangunkan dan secara umumnya, sebarang percubaan merupakan alternatif yang lebih baik daripada kepalsuan.”<sup>54</sup>*

Walaupun ingin menjadi individu yang bercakap benar, wartawan tidak boleh sentiasa menjamin kebenaran. Namun, usaha untuk mendapatkan fakta yang betul dan menghasilkan kandungan yang mencerminkan fakta yang tepat ialah prinsip utama dalam bidang kewartawanan. Namun, bagaimanakah gambaran etika kewartawanan pada era digital?

Kewartawanan beretika yang mementingkan amalan ketelusan dan tanggungjawab ialah senjata penting untuk mempertahankan fakta dan kebenaran dalam era ‘kecelaruan maklumat’. Wartawan tidak boleh berpihak kepada sesiapa. Hal ini bermakna, mereka tidak boleh bertindak untuk mewakili pihak berkepentingan, sama ada secara formal atau tidak formal. Wartawan juga harus mengakui dan mengisytiharkan kepada orang ramai, perkara yang mungkin menyebabkan konflik kepentingan – demi ketelusan. Seperti yang dinyatakan oleh Profesor Emily Bell dari Tow Center for Digital Journalism di Universiti Columbia, nilai asas wartawan:

54. Beckett, C. (2017). *'Fake news': The best thing that's happened to Journalism at Polis*. Didapati di <http://blogs.lse.ac.uk/polis/2017/03/11/fake-news-the-best-thing-thats-happened-to-journalism/> [diakses pada 04/03/2018].

*“Memastikan berita tepat dan bertanggungjawab, dan jika tidak tepat, telus tentang sumber berita dan maklumat, berani mempersoalkan tindakan kerajaan, kumpulan yang memberikan tekanan, pengaruh komersial, polis, jika mereka memberikan ancaman, mengugut atau menapis anda. Lindungi sumber anda daripada ditahan atau dikenali. Mengetahui penulisan anda bertindak untuk melindungi kepentingan orang ramai dan anda bersedia untuk masuk penjara untuk mempertahankan berita dan sumber anda. Mengetahui waktu sesuatu yang ingin diterbitkan tidak beretika. Mengimbangi hak individu untuk privasi dengan hak yang lebih umum yang melibatkan kepentingan orang ramai.”<sup>55</sup>*

Ketika menghadapi cabaran politik kotor, krisis ‘kecelaruan maklumat’, manifestasi terhadap kebencian dalam talian, perkembangan ‘pemasaran-kandungan’, periklanan, dan putaran cerita untuk perhubungan awam; organisasi berita dan wartawan masih perlu menempatkan etika kewartawanan sebagai tiang untuk model amalan kewartawanan yang mampan – meskipun jika sedang menghadapi krisis kewangan dan kepercayaan. Demokrasi juga, sepatutnya mempunyai peranan untuk mempertahankan bidang kewartawanan, dan melindungi wartawan dan sumber jika melibatkan kepentingan orang ramai.

Kod etika<sup>56</sup> dicipta untuk mendukung proses pengumpulan maklumat dan penentusahan, demi kepentingan awam dan perkara yang membezakan bidang kewartawanan daripada bentuk komunikasi lain secara khususnya ialah laporan berita. Hal ini lebih ketara berlaku pada era digital apabila komunikasi bukan sahaja didemokrasikan, tetapi disinformasi, misinformasi, penipuan dan pemalsuan maklumat terus berlaku. Dalam konteks ini, kewartawanan yang beretika penting untuk dijadikan sebagai kerangka bagi membentuk kewartawanan yang mementingkan kepercayaan dan tanggungjawab dengan niat untuk membina hubungan yang bermakna dengan khalayak.

Laporan yang boleh dipercayai, tepat, bertanggungjawab dan tidak bias, penting untuk memenangi hati audiens dan mewujudkan ruang perbincangan berasaskan perkongisan fakta. Audiens yang maklum, yang melibatkan diri dan berkongsi kandungan yang berkredibiliti merupakan antidot penting untuk mengawal disinformasi dan misinformasi daripada merebak.

Untuk memasukkan dan menguatkuasakan nilai asas ini ke dalam persekitaran media yang setiasa berubah, bilik berita dan organisasi media boleh mengadaptasikan dan mengguna pakai kod kelakuan, serta mencipta mekanisme agar orang awam dapat

55. Bell, E. (2015). *Hugh Cudlipp Lecture* (Full text), The Guardian. Didapati di <https://www.theguardian.com/media/2015/jan/28/emily-bells-2015-hugh-cudlipp-lecture-full-text> [diakses pada 01/04/2018].

56. Lihat, sebagai contoh, ‘Kod Etika Kewartawanan’ Persekutuan Media, Hiburan dan Seni Australia. Didapati di <https://www.meaa.org/meaa-media/code-of-ethics/> [diakses pada: 04/03/2018].

memastikan mereka menjalankan tanggungjawab – majlis wartawan, penyunting, polisi editorial, dan ombudsmen dalaman adalah antara bentuk dalam struktur pengaturan sendiri yang boleh diadaptasi. Melalui struktur tersebut, kesilapan mudah untuk dikenal pasti. Misalnya, dalam konteks penilaian berwasit, mereka boleh membantu mengenal pasti dan memperakui sebarang kesilapan yang memerlukan pembetulan dan membantu menguatkuasakan norma profesional yang berkaitan dengan standard penerbitan demi kepentingan awam. Walaupun sering kali dianggap sebagai ‘harimau tidak bertaring’ oleh para pengkritik yang lebih menggemari penggunaan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan media, struktur pengaturan sendiri penting dalam konteks krisis disinformasi: membantu mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan, dan oleh itu menguatkan kepercayaan komuniti terhadap bidang kewartawanan. Hal ini membantu untuk mengenal pasti ciri tersendiri bidang kewartawanan yang mengguna pakai disiplin untuk membuat penentusahan bagi mencapai ketepatan dan kebolehpercayaan, membezakannya daripada disinformasi, propaganda, periklanan dan perhubungan awam.

### *Dari ‘Wartawan’ ke Kewartawanan*

Hari yang mana etika kewartawanan hanya terhad kepada perniagaan (jika tidak selalu dihormati), semata-mata sebagai karier atau pekerjaan/profesion menjadi sejarah. Hal ini diketahui umum, termasuk oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seperti laporan Setiausaha Agung Tahun 2017 tentang Keselamatan Wartawan A/72/290<sup>57</sup>, yang menyatakan:

*“Istilah ‘wartawan’ termasuk wartawan dan petugas media lain. Kewartawanan didefinisikan dalam dokumen CCPR/C/GC/34, perenggan 44, sebagai fungsi yang dikongsi oleh pelbagai watak, termasuk wartawan profesional sepenuh masa dan penganalisis, serta penulis blog dan individu lain yang terlibat dalam penerbitan sendiri yang dicetak, di internet atau tempat lain.”<sup>58</sup>*

Dalam semangat yang sama, Persidangan Umum UNESCO merujuk wartawan, petugas media dan penerbit media sosial yang menghasilkan jumlah penulisan yang penting, dalam talian atau luar talian” (Resolusi 39, November 2017)<sup>59</sup>. Pelan Bertindak PBB tentang Keselamatan Wartawan dan Isu Kebebasan daripada Hukuman yang disokong oleh Lembaga Ketua Eksekutif PBB Tahun 2012, menyatakan: “perlindungan terhadap

57. Didapati di <https://digitallibrary.un.org/record/1304392?ln=en> [diakses pada 16/06/2018].

58. Sila lihat dokumen PBB A/HRC/20/17, perenggan 3-5; A/HRC/20/22 dan Corr.1, perenggan 26; A/HRC/24/23, perenggan 9; A/HRC/27/35, perenggan 9; A/69/268, perenggan 4; A/HRC/16/44 dan Corr.1, perenggan 47.

59. Rekod di Persidangan Umum. Sesi ke-39. Paris, 30 Oktober – 14 November 2017. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0026/002608/260889e.pdf> [diakses pada 02/07/2018].

wartawan tidak terhad kepada mereka yang dikenali secara formal sebagai wartawan, tetapi juga individu lain, termasuk komuniti petugas media dan wartawan awam dan orang lain yang menggunakan media baharu untuk menyampaikan sesuatu kepada audiens.”<sup>60</sup>

Dalam hal ini, kewartawanan dapat dilihat sebagai aktiviti yang dipandu oleh etika, iaitu berdasarkan maklumat yang ditentusahkan dan dikongsi untuk kepentingan awam. Mereka yang mengaku terlibat dalam bidang kewartawanan tidak semestinya mereka yang sememangnya mempunyai kerjaya sebagai wartawan, sementara mereka yang bekerja sebagai wartawan atau mengidentifikasikan diri sebagai wartawan, kadangkala tidak menghasilkan kandungan yang boleh dianggap tepat, adil, profesional dan bebas demi kepentingan awam. Perkara yang penting ialah kandungan yang dihasilkan dan bukan status formal yang diberikan.

Kewartawanan ialah suatu bentuk kebebasan bersuara, iaitu hak bagi manusia. Kewartawanan mempunyai suatu standard khusus yang membezakannya daripada bentuk ekspresi lain (cth: puisi, perhubungan awam, periklanan, disinformasi dll). Standard ini terikat kepada etika dan amalan profesional kewartawanan.

### *Adakah ketelusan objektiviti baharu?*

Objektiviti membawa pelbagai maksud. Maksudnya berbeza daripada subjektiviti, yang merupakan suatu tema yang sering dibahaskan dalam bidang kewartawanan profesional. Objektiviti boleh diusahakan, tetapi jarang-jarang berjaya, dan mungkin tidak diperlukan pada saat menghadapi kekejaman (sebagai contoh, laporan yang bebas dan adil tidak memberikan bukti moral terhadap tuntutan yang dibuat oleh individu yang didakwa melakukan jenayah perang berbanding dengan mereka yang terselamat dalam peperangan – walaupun yang terselamat juga perlu disiasat untuk mendapatkan kebenaran). Namun, *keadilan, kebebasan, ketepatan, konteks, ketelusan, perlindungan terhadap kerahsiaan sumber dan kesederhanaan*<sup>61</sup> membuat laporan membantu untuk membina kepercayaan, kredibiliti dan keyakinan.

Pada tahun 2011, penyelidik dari Universiti Harvard, Dr. David Weinberger menyatakan bahawa, “Ketelusan ialah objektiviti baharu”. Pada tahun yang sama, mantan Pengarah Bahagian Berita Global BBC, Richard Sambrook menjelaskan bahawa ketelusan, dan bukan objektiviti, yang menghasilkan kepercayaan pada zaman media baharu.

60. Pelan Tindakan PBB untuk Keselamatan Wartawan dan Isu Kebebasan daripada Hukuman. 1CI-12/CONF.202/6. Didapati di [https://en.unesco.org/sites/default/files/un-plan-on-safety-journalists\\_en.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/un-plan-on-safety-journalists_en.pdf) [diakses pada 03/11/2017].

61. Lihat prinsip utama dalam bab seterusnya.

“.. berita pada hari ini masih perlu tepat dan adil, tetapi ia juga penting bagi pembaca, pendengar dan penonton untuk melihat bagaimanakah berita dihasilkan, dari mana maklumat didapati dan bagaimanakah ia berfungsi. Berita penting, sama penting dengan bentuk penyampaianya.

### **Titik Perbezaan**

Komponen utama amalan profesional dalam bidang kewartawanan seperti yang dibincangkan, tidak bermaksud hanya ada satu sahaja bentuk kewartawanan. Objektif-objektif tersebut boleh dilaksanakan melalui pelbagai cara penulisan, setiap satunya membawa naratif tersendiri yang berasaskan perbezaan nilai dan perspektif tentang keadilan, konteks, fakta relevan, dll. Sebagai contoh, saluran media yang berlainan mungkin mempunyai pemahaman berbeza tentang sesuatu berita (mungkin ada juga yang tidak menghiraukan berita tersebut), tanpa berpindah keluar daripada konsep ‘perniagaan maklumat’ ke alam disinformasi dan misinformasi (lihat bab *Menggunakan Buku Panduan Ini Sebagai Model Kurikulum*, dan modul 1, 2 dan 3). Walau bagaimanapun, apabila sesuatu kandungan tidak lagi memenuhi prinsip kewartawanan, terutamanya apabila masih disampaikan seperti berita, kita tidak lagi berdepan dengan kewartawanan, tetapi suatu bentuk disinformasi.

Bab Pengenalan ini menekankan pelbagai isu yang timbul daripada perbincangan tentang ‘berita palsu’, menyediakan konteks untuk penjelasan, analisis dan modul pembelajaran yang bakal menyusul.

62. Weinberger, D. (2009). *Transparency is the new objectivity*. Didapati di <http://www.hyperorg.com/blogger/2009/07/19/transparency-is-the-new-objectivity/> [diakses pada 28/03/2018].

# PENGUNAAN BUKU PANDUAN SEBAGAI MODEL KURIKULUM

*Julie Posetti*

Kursus ini menguna pakai pendekatan model pedagogi yang heuristik<sup>1</sup>. Hal ini bermaksud, pengguna digalakkan untuk menggunakan pengalaman sendiri semasa menggunakan buku panduan ini. Bahan pengajaran ini bukanlah preskripsi, tetapi dalam pengajaran dan pembelajaran, buku panduan ini boleh dan sepatutnya diadaptasikan untuk disesuaikan dengan konteks nasional, budaya, institusi dan industri. Walaupun usaha dibuat untuk memastikan buku panduan ini sesuai digunakan secara global, ia masih mempunyai beberapa batasan. Penulis sangat mengalakkan pendidik, jurulatih dan peserta untuk mengaitkan kajian kes, contoh dan sumber yang diberikan dengan pengalaman di tempat sendiri, menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

Buku panduan ini boleh digunakan untuk tujuan yang berikut:

- ▶ Sebagai kursus/subjek komprehensif yang diperkenalkan dalam Ijazah Kewartawanan, Komunikasi, Media Digital atau Pengajian Media sedia ada. Ia juga boleh ditawarkan sebagai kursus/subjek elektif dalam politik dan sosiologi, serta mengaitkannya dengan isu media dan komunikasi.
- ▶ Sebagai sumber tambahan untuk kursus/subjek sedia ada (cth: Sejarah Media, Etika Media, Sumber dan Penentuan Berita, Kritikan Media, Amalan Media Digital, dan Kewartawanan Sosial). Dalam kebanyakan kajian kes, bahan pengajaran dan cadangan bacaan boleh disertakan dalam kursus/subjek sedia ada sebagai suatu cara untuk mengemas kini kandungan dalam persediaan dan untuk menghadapi krisis disinformasi yang semakin menjadi-jadi.
- ▶ Sebagai satu subjek tersendiri, atau sebagai kursus yang ditawarkan kepada wartawan, pejuang hak asasi manusia dan pengamal media lain di organisasi media, badan industri atau agensi pembangunan media.
- ▶ Sebagai manual latihan: Jurulatih bidang kewartawanan mungkin ingin mengadaptasikan modul ini untuk kegunaan sendiri, berpandukan senarai bacaan yang dicadangkan dan kajian kes untuk dimasukkan ke dalam sumber bidang yang disasarkan kepada wartawan.

1. Banda, F (Peny.) 2015 *Teaching Journalism for Sustainable Development: New Syllabi* (UNESCO, Paris <http://unesdoc.unesco.org/images/0023/002338/233878e.pdf>) [diakses pada: 28/03/2018].

- ▶ Sebagai inspirasi untuk amalan perkongsian ilmu, iaitu melalui satu siri penulisan dalam blog yang dianjurkan oleh industri, media, atau agensi pembangunan media.
- ▶ Sebagai sumber bacaan kepada wartawan untuk memperkaya ilmu dan pembangunan profesional. Sebagai contoh, kebanyakan teknik yang dibincangkan dalam buku panduan ini boleh digunakan dalam tugas menulis laporan berita melalui “pembelajaran sendiri”. Sesetengah kajian kes juga boleh digunakan sebagai panduan untuk menghasilkan penulisan yang lebih kritis, iaitu merungkaikan cerita tempatan dengan lebih kontekstual dan kompleks (cth: cerita palsu yang membuatkan wartawan tempatan tertipu boleh dilaporkan dalam konteks sejarah pemalsuan antarabangsa, dengan penekanan terhadap perkembangan terkini dalam penulisan disinformasi dan misinformasi melalui media sosial).
- ▶ Sebagai asas koleksi bacaan, sumber dan alat yang direka bentuk selaras dengan perkembangan penyelidikan dan amalan dalam bidang ini.

## ***Prinsip Utama***

Proses ketelusan dan aplikasi etika kewartawanan secara eksplisit membuatkan peranan utama wartawan tertakluk pada kapasiti mereka untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan membina kepercayaan khalayak terhadap kandungan yang ditentusahkan. Tujuh prinsip berikut yang berkaitan dengan etika akan membantu pengendalian kursus, memandu latihan, perbincangan dan penilaian<sup>2</sup>.

1. **Ketepatan:** Wartawan tidak boleh sentiasa menjanjikan “kebenaran” tetapi ketepatan dan mendapatkan fakta yang betul ialah prinsip teras dalam kewartawanan.
2. **Kebebasan:** Wartawan mempunyai kebebasan bersuara. Hal ini bermakna mereka tidak bertindak untuk mewakili kepentingan istimewa, sama ada secara formal atau tidak formal. Mereka juga akan berani menyatakan sesuatu yang melibatkan konflik kepentingan, demi ketelusan.
3. **Keadilan:** Laporan yang adil tentang maklumat, acara, sumber dan cerita melibatkan tapisan, pertimbangan dan penilaian maklumat secara perspektif

2. Nota: Lima daripada prinsip ini diambil daripada ‘Five Core Principles of Journalism’ oleh Ethical Journalism Network. Didapati di <http://ethicaljournalismnetwork.org/who-we-are/5-principles-of-journalism> [diakses pada 22/4/2018]. Namun, ‘keadilan’ lebih sesuai daripada ‘kesaksamaan’ kerana kesaksamaan sering kali dikaitkan dengan objektiviti, dan disalah faham sebagai diperlukan untuk semua sumber dan fakta dipertimbangkan dengan sekata. Konsep ini bermasalah seperti objektiviti kini telah menjadi idea yang dibahaskan dalam bidang kewartawanan.

dan terbuka. Menyediakan konteks dan membentangkan pelbagai perspektif berbeza berupaya untuk membina kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu laporan.

4. **Kerahsiaan:** Antara asas kewartawanan penyiasatan termasuklah perlindungan terhadap kerahsiaan sumber (dengan pengecualian yang sangat kecil). Hal ini penting untuk menjamin kepercayaan sumber maklumat (termasuk tukang adu) dan dalam kes tertentu, menjamin keselamatan mereka.<sup>3</sup>
5. **Kemanusiaan:** Perkara yang ditulis atau disiarkan oleh wartawan kadangkala menyakitkan hati (cth: pengalaman memalukan seorang ahli politik yang menyeleweng pernah dibongkar dalam suatu kewartawanan penyiasatan) tetapi kesan penulisan tersebut terhadap kehidupan orang lain harus dipertimbangkan. Kepentingan awam ialah prinsip yang boleh dijadikan panduan<sup>4</sup>. Kemanusiaan juga bermaksud mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh golongan terpinggir, walaupun mungkin tidaklah sehingga sentiasa mengamalkan kewartawanan yang berteraskan keadilan sosial.
6. **Kebertanggungjawaban:** Ciri sifat profesionalisme dan amalan kewartawanan yang beretika<sup>5</sup>; membetulkan kesilapan secepat mungkin, dengan ikhlas; mendengar kebimbangan audiens<sup>6</sup> dan memberikan maklum balas kepada mereka. Amalan sedemikian boleh dimanifestasikan dalam nota panduan bagi organisasi berita dan badan pengaturian sendiri yang memantau kebertanggungjawaban wartawan secara sukarela berdasarkan kod tatalaku.
7. **Ketelusan:** Secara praktiknya, ketelusan menyokong prinsip kebertanggungjawaban dan membantu untuk membangunkan dan mengekalkan kepercayaan terhadap bidang kewartawanan<sup>7</sup>.

Isu tentang kebebasan media dan pluralisme signifikan dalam konteks ini, sama penting dengan kemandirian bidang kewartawanan. Pluralisme institusi dan wujudnya kepelbagaian warga kerja bidang kewartawanan, sumber dan bahan penyelidikan penting jika bidang tersebut berhasrat untuk menyumbang kepada demokrasi dan mewujudkan masyarakat terbuka yang mampan. Media yang mementingkan pelibatan

---

3. Posetti, J. (2017). *Protecting Journalism Sources in the Digital Age* (UNESCO). Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002480/248054E.pdf> [diakses pada 28/03/2018].

4. Untuk suatu model etika untuk mengaplikasikan empati di era digital, sila lihat Shelton, A.G., Pearson, M. & Sugath, S. (2017). *Mindful Journalism and News Ethics in the Digital Era: A Buddhist Approach*. London: Routledge. Didapati di <https://www.crcpress.com/Mindful-Journalism-and-News-Ethics-in-the-Digital-Era-A-Buddhist-Approach/Gunaratne-Pearson-Senarath/p/book/9781138306066> [diakses pada 01/04/2018].

5. Lihat <http://ethicaljournalismnetwork.org/what-we-do/accountable-journalism> [diakses pada 22/4/2018].

6. Locker, K. & Kang, A. (2018). *Focused Listening Can Help Address Journalism's Trust Problem*. American Press Institute. Didapati di <https://www.americanpressinstitute.org/publications/focused-listening-trust/> [diakses pada 28/03/2018].

7. Aronson-Rath, R. (2017). *Transparency is the Antidote to Fake News* dlm. NiemanLab, Disember 2017. Didapati di <http://www.niemanlab.org/2017/12/transparency-is-the-antidote-to-fake-news/> [diakses pada 15/06/2018].

orang ramai, seperti radio komuniti dan media sosial penting untuk memastikan bahawa suara kumpulan terpinggir tidak diketepikan dalam penghasilan berita. Pluralisme juga bermaksud mengenal pasti kesahan pelbagai naratif berpaksikan amalan kewartawanan yang beretika, di samping mengenal pasti disinformasi, propaganda dan kandungan lain yang tidak terdapat dalam standard profesional (Lihat Modul 1, 2 dan 3).

### **Soalan untuk Dipertimbangkan**

---

Sebarang perbincangan tentang amalan kewartawanan beretika dalam dunia apabila disinformasi, misinformasi dan propaganda boleh ditularkan, sewajarnya mempertimbangkan persoalan berikut:

1. Apakah sebenarnya bidang kewartawanan dalam era digital? (Satu soalan yang berganjak daripada perbualan tentang “Siapakah wartawan?” kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bidang kewartawanan kontemporari)
2. Apakah yang membezakan bidang kewartawanan daripada bidang penerbitan dan penghasilan kandungan (termasuk periklanan, pemasaran, perhubungan awam, disinformasi dan misinformasi) dalam talian dan luar talian?
3. Kepentingan siapakah yang patut diperjuangkan oleh pengamal bidang kewartawanan?
4. Patutkah pengamal dalam bidang kewartawanan bertanggungjawab terhadap kandungan yang dihasilkan/diterbitkan? Jika ya, mengapakah dan oleh siapakah? Jika tidak, mengapakah?
5. Apakah kewajipan dari segi etika yang wartawan ada pada sumber, subjek dan khalayak?
6. Apakah dilema baharu yang perlu dipertimbangkan oleh pengamal bidang kewartawanan dalam konteks “kecelaruan maklumat”?

### **Kriteria Penilaian**

---

Sebab utama buku panduan ini diterbitkan adalah untuk meningkatkan kapasiti berfikir secara kritis dan memperkukuh ilmu pelajar bidang kewartawanan, wartawan profesional dan sesiapa sahaja yang menjalankan “tugas seperti wartawan”. Kriteria utama penilaian sepatutnya meliputi ketepatan dan standard penyemakan fakta, termasuk mengikuti nilai etika utama, kedalaman penyelidikan dan analisis secara kritis.

#### *Cadangan Kriteria Penilaian untuk Tugas Ber bentuk Teoretikal:*

- ▶ Ketepatan dan penentusahan (cth: adakah kenyataan yang diberikan oleh sumber telah dipetik dengan tepat; adakah kaedah untuk membuat penentusahan maklumat paling sesuai?).
- ▶ Kekuatan penyelidikan (cth: adakah peserta mencari data/sumber yang kukuh dan paling relevan untuk menyokong dapatan/perbincangan mereka?).
- ▶ Kualiti perbincangan dan analisis (adakah analisis dan perbincangan asli dan canggi?).
- ▶ Ekspresi penulisan (ejaan, tatabahasa, tanda baca dan struktur).
- ▶ Bagaimanakah esei/laporan menunjukkan hasil pengajaran modul?

#### *Cadangan Kriteria Penilaian untuk Tugas Praktikal/Penulisan:*

- ▶ Ketepatan dan penentusahan (cth: adakah kenyataan yang diberikan oleh sumber telah dipetik dengan tepat; adakah kaedah untuk membuat penentusahan maklumat paling sesuai?).
- ▶ Kekuatan penyelidikan (cth: adakah peserta telah mencari data/sumber yang kukuh dan paling relevan untuk menyokong dapatan/perbincangan mereka?).
- ▶ Analisis kritis (cth: Bagaimanakah peserta menyiasat isu-isu penting untuk khalayak?).
- ▶ Keaslian.
- ▶ Kekuatan naratif (Apakah impak cerita/produksi kepada pembaca/penonton/pendengar?).
- ▶ Nilai produksi (cth: kehebatan penyuntingan audio/video dan elemen multimedia).
- ▶ Ekspresi penulisan (ejaan, tatabahasa, tanda baca dan struktur).
- ▶ Mengikuti nilai etika utama seperti termaktub dalam kod profesional.

### **Cara Penyampaian**

---

Modul ini direka bentuk untuk diajar secara bersemuka atau dalam talian. Pengajaran secara kolaboratif sama ada dalam talian (melalui platform pengajaran seperti Moodle, Kumpulan Facebook, sebagai contoh) atau bersemuka akan lebih memberikan manfaat kepada peserta.

Kebanyakan pengajaran mengandungi dua bahagian, iaitu pengajaran berbentuk teoretikal (cth: melalui seminar, bacaan atau penyampaian berbentuk kuliah), diikuti dengan latihan praktikal (cth: kerja kumpulan untuk membuat penentusahan). Lazimnya, komponen teoretikal ini akan mengambil masa selama 60 – 90 minit dan bengkel atau tutorial pula selama 90 minit atau dua jam. Sesi ini boleh ditambah atau dibahagikan kepada hari-hari yang berlainan, bergantung pada kerangka pengajaran dan pembelajaran institusi tersebut. Satu tugas dicadangkan untuk setiap modul.

Apabila perlu, pensyarah dan jurulatih digalakkan untuk berhubung dengan pengamal media dan pakar bagi memastikan kuliah berbentuk interaktif, di samping memastikan kajian kes, isu dan perbincangan terkini dimasukkan ke dalam kurikulum.

Selain itu, pereka kursus ini menggalakkan pensyarah/jurulatih untuk memasukkan bahan tempatan yang relevan dari segi bahasa dan budaya ke dalam pengajaran.

---

## Bahan dan Sumber

Jurulatih dan peserta memerlukan sambungan internet dan akan memperoleh manfaat daripada akses ke pangkalan data akademik dan/atau Google Scholar. Sumber pertama untuk bahan pengajaran tambahan yang berkaitan dengan aplikasi praktikal hasil pembelajaran ialah First Draft News<sup>8</sup>.

Sila ambil maklum: Kandungan dan sumber yang diberikan dalam buku panduan ini patut dikreditkan kepada penyunting kurikulum dan penulis yang menyumbang kepada buku ini.

---

## Pendekatan Pedagogi

Kursus khas ini merupakan susulan kepada model kurikulum untuk pendidikan dalam bidang kewartawanan<sup>9</sup> oleh UNESCO yang bermula sejak tahun 2007. Pendekatan pedagogi ini mengambil kira Kurikulum Literasi Media dan Makl untuk Guru<sup>10</sup>, UNESCO

---

8. Didapati di <https://firstdraftnews.com/> [diakses pada 28/03/2018].

9. Model Kurikulum untuk Pendidikan dalam Bidang Kewartawanan UNESCO (2007). Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001512/151209E.pdf> [diakses pada 28/03/2018]. Sila lihat juga Model Curricula for Journalism Education: A Compendium of New Syllabi oleh UNESCO (2013), diakses pada 28/03/2018. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0022/002211/221199E.pdf>; dan "Teaching Journalism for Sustainable Development: New Syllabi" (2015). Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0023/002338/233878e.pdf> [diakses pada 28/03/2018].

10. Wilson, C., Grizzle, A., Tuazon, R., Akyempong, K. dan Cheung, C. (2011). Media and Information Literacy Curriculum for Teachers. [e-buku]. Paris: UNESCO. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0019/001929/192971e.pdf> [diakses pada 28/03/2018].

dan Kursus Model untuk Keselamatan Wartawan<sup>11</sup> dan, jurulatih digalakkan untuk melaksanakan perkara berikut:

- ▶ Pendekatan persoalan isu
- ▶ Pembelajaran melalui masalah
- ▶ Pertanyaan saintifik
- ▶ Kajian kes
- ▶ Pembelajaran kooperatif
- ▶ Analisis tekstual
- ▶ Analisis kontekstual
- ▶ Penterjemahan
- ▶ Simulasi
- ▶ Produksi

Selain itu, jurulatih yang menyampaikan kurikulum ini digalakkan untuk meneroka konsep pembelajaran melalui projek kewartawanan<sup>12</sup>, iaitu pendekatan yang melihat hasil pembelajaran melalui penerapan dan penilaian kemahiran dalam proses menghasilkan kandungan berbentuk kewartawanan. Pelajar juga harus sedar akan kebolehan mereka untuk menghasilkan maklumat yang mudah dan menarik yang boleh menyangkal disinformasi, dan diberikan ruang untuk mempraktikkan kaedah ini<sup>13</sup>.

---

11. UNESCO (2017). "Model Course on Safety of Journalists: A Guide for Journalism Teachers in the Arab States". Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002482/248297e.pdf> [diakses pada 28/03/2018].

12. Posetti, J. & McHugh, S. (2017). *Transforming Legacy Print Journalism into a Successful Podcast Format: An Ethnographic Study of the Age's Phoebe's Fall*. Kertas persidangan ini telah diwasit dan dibentangkan di Persidangan International Association of Media and Communications Researchers, Cartagena, Colombia pada 18/07/2017.

13. Satu contoh menarik ialah klip daripada *hashtag our stories*: <https://www.facebook.com/hashtagoursa/videos/679504652440492/> [diakses pada 15/06/2018].

# KEBENARAN, KEPERCAYAAN DAN KEWARTAWANAN: MENGAPAKAH PERLU DITITIKBERATKAN?

*Cherilyn Ireton*



---

# MODUL 1

---



## Sinopsis

Kepercayaan terhadap media dan bidang kewartawanan semakin rapuh dan lemah di sesetengah tempat di dunia, dan hal ini berlaku sebelum kemunculan media sosial<sup>1</sup> lagi. Trend ini berkait rapat dengan kurangnya kepercayaan masyarakat terhadap institusi, suatu sifat yang lazimnya terdapat dalam masyarakat. Namun, jumlah dan jangkauan disinformasi dan misinformasi, yang dibuat menyerupai berita semakin tular dan telah semakin mengancam reputasi bidang kewartawanan. Hal ini memberikan kesan kepada wartawan, media berita, rakyat dan masyarakat terbuka.<sup>2</sup>

Sesiapa sahaja boleh menjadi penerbit dalam era maklumat berkelajuan tinggi, iaitu melalui platform media sosial dan internet. Akibatnya, masyarakat susah untuk membezakan perkara yang benar daripada yang salah. Sifat sinis dan curiga diutamakan. Pandangan yang keterlaluan, teori konspirasi dan populisme berkembang dan perkara yang dahulunya diterima sebagai benar dan juga institusi mula dipersoalkan. Dalam dunia ini, bilik berita bertarung untuk menuntut dan menjalankan peranan lama mereka sebagai pengampang<sup>3</sup>, apabila produknya boleh membantu untuk memantapkan kebenaran. Pada masa yang sama, kemunculan pasaran untuk “komunikasi strategik” dan “operasi maklumat”, termasuk disinformasi dan mal-informasi, menjadi faktor utama dalam ekosistem maklumat<sup>4</sup>.

*Para arkitek dalam media sosial mula bimbang apabila skala dan kesan daripada “kecelaruan maklumat” dalam masyarakat mula terbentuk. Pengurus Produk Hubungan Sivik Facebook, Samidh Chakrabarti berpendapat, “Jika terdapat satu asas kebenaran tentang impak media sosial terhadap demokrasi, ia adalah sesuatu yang menguatkan niat manusia – sama ada baik dan buruk. Yang baik, ia membenarkan kita untuk meluahkan pandangan dan mengambil tindakan. Yang buruk, ia membenarkan orang untuk menyebarkan disinformasi dan menghakis demokrasi”<sup>5</sup>.*

1. Edelman. (2017). Edelman Trust Barometer - Global Results. [dalam talian]. Didapati di: <https://www.edelman.com/global-results/> [diakses pada 03/04/2018].
2. Viner, K. (2017). *A Mission for Journalism in a Time of Crisis*. [online] the Guardian. Didapati di: <https://www.theguardian.com/news/2017/nov/16/a-mission-for-journalism-in-a-time-of-crisis> [diakses pada 03/04/2018].
3. Singer, J. (2013). User-generated Visibility: Secondary Gatekeeping in a Shared Media Space. *New Media & Society*, [dalam talian] 16(1), pp. 55 – 73. Didapati di: <https://pdfs.semanticscholar.org/0d59/6a002c26a74cd45e15fbc20e64173cf2f912.pdf> [diakses pada 03/04/2018].
4. Sebagai contoh, lihat kes-kes yang diterangkan dalam Gu, L; Kropotov, V and Yarochkin, F. (nd). *The Fake News Machine How Propagandists Abuse the Internet and Manipulate the Public*. [https://documents.trendmicro.com/assets/white\\_papers/wp-fake-news-machine-how-propagandists-abuse-the-internet.pdf](https://documents.trendmicro.com/assets/white_papers/wp-fake-news-machine-how-propagandists-abuse-the-internet.pdf) [accessed 16/06/2018]. Satu lagi kajian telah diterbitkan oleh the Data & Society Research Institute, New York (2017) *Media Manipulation and Disinformation Online*, <https://datasociety.net/output/media-manipulation-and-disinfo-online/> [diakses pada 15/06/2018].
5. Chakrabarti, S. (2018). *Hard Questions: What Effect Does Social Media Have on Democracy?* Facebook Newsroom. [dalam talian] Newsroom. fb.com. Available at: <https://newsroom.fb.com/news/2018/01/effect-social-media-democracy/> [diakses pada 03/04/2018].

Jelasnya, untuk mengatasi masalah ini, intervensi kecil dan besar diperlukan. Antara cara yang boleh dicuba untuk mengatasi masalah ini termasuklah melalui perundangan, dan kebanyakan negara telah memilih jalan ini<sup>6</sup>, tetapi pejuang kebebasan bersuara memberikan amaran bahawa ia boleh membantutkan keterbukaan dan penyertaan yang telah dibolehkan oleh teknologi baharu<sup>7</sup>. Hal ini berlaku, terutamanya jika pemimpin yang bersifat autokratik berkuasa, mereka akan menjumpai senjata yang sah di sisi undang-undang untuk menentukan perkara yang palsu atau tidak, yang berkait dengan liputan kritikal prestasi mereka.

Satu lagi pilihan adalah seperti yang dicadangkan oleh masyarakat sivil dan inisiatif syarikat, iaitu pemfokusan untuk membuatkan audiens lebih bijak dan menyediakan alat bagi mereka agar boleh membuat interpretasi dan menilai maklumat yang diterima. Terdapat banyak contoh, iaitu dari Afrika Selatan<sup>8</sup> hinggalah ke Mexico<sup>9</sup>. Organisasi yang menyemak maklumat semakin bertambah bagi cendawan tumbuh selepas hujan.

Dalam konteks ini, wartawan dan pelajar dalam bidang kewartawanan perlu mengetahui akan usaha tersebut dan peranan mereka agar dapat saling melengkapi. Itulah kegunaan buku panduan ini.

Untuk wartawan yang menganggap diri mereka pemain penting dalam masyarakat demokratik dan terbuka, disinformasi dan misinformasi bukan sahaja mencabar reputasi mereka. “Kecelaruhan maklumat” mempersoalkan peranan dan keberkesanan peranan mereka. Ia menekankan kepentingan asas, iaitu betapa perlunya kebebasan dan standard profesional yang tinggi dalam bidang kewartawanan. Perkara ini bukan telahan bahawa bidang kewartawanan bebas daripada ideologi dominan atau bias dari segi jantina, kaum, kumpulan linguistik, kelas dll atau latar belakang individu yang menghasilkannya. Ia juga bukannya tidak mengendahkan isu sistemik atau pengaruh institusi dari konteks pemilikan, model perniagaan, kecenderungan khalayak, “jaringan” sumber berita birokratik dan perhubungan awam yang boleh dijangka, dll. Namun, ia adalah untuk menegaskan kepentingan etika editorial sebagai panduan untuk liputan, dan sebagai refleksi diri oleh wartawan tentang pandangan dunia mereka sendiri dan konteks. Ia satu petanda bahawa kewartawanan bukanlah suatu “pandangan entah dari mana”, tetapi suatu amalan yang memerlukan ketelusan jika ingin masyarakat mempercayai bahawa

6. Funke, D. (2018) *A Guide to Anti-Misinformation Actions Around the World*. Poynter <https://www.poynter.org/news/guide-anti-misinformation-actions-around-world> [diakses pada 22/05/2018].

7. Nossel, S. (2017), *Faking News: Fraudulent News and the Fight for Truth*. [e-buku] PEN America. Didapati di [https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America\\_Faking-News-Report\\_10-17.pdf](https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America_Faking-News-Report_10-17.pdf) [diakses pada 03/04/2018].

8. #KnowNews ialah pelayar web tambahan yang dibangunkan oleh NGO Afrika Selatan, Media Monitoring Africa, yang ingin membantu audiens untuk mengenal pasti sama ada tapak yang mereka layari mengandungi berita yang berkredibiliti. Didapati di <https://chrome.google.com/webstore/search/KnowNews> [diakses pada 15/06/2018].

9. Lihat tapak web <https://verificado.mx/> yang mewakili gabungan 60 media, masyarakat sivil dan universiti menfokuskan penentusahan kandungan semasa Pilihan Raya Mexico 2018 [diakses pada 15/06/2018]. Didapati di <https://knightcenter.utexas.edu/blog/00-19906-media-collaboration-and-citizen-input-fueled-verificado-2018-fact-checking-mexican-ele> [diakses pada 04/07/2018].

ia mematuhi standard penentusahan dan kepentingan awam, tidak kira julat subjek yang diliputinya dan perspektif yang mungkin terlibat.<sup>10</sup>

Dalam pembelajaran modul ini, jurulatih wajar mengalakkan peserta untuk berfikir secara kritis tentang bagaimanakah bidang kewartawanan boleh berkhidmat untuk masyarakat dan demokrasi: bagaimanakah “kecelaruan maklumat” memberikan kesan – dan berisiko untuk memberikan kesan yang lebih dahsyat – kepada demokrasi dan masyarakat terbuka; bagaimanakah kewartawanan boleh menjadi yang terbaik, serta dalam proses tersebut, membina kepercayaan dengan kaedah dan standard penting untuk mendapatkan maklumat yang boleh ditentusahkan demi kepentingan umum. Hal ini bukanlah bermakna untuk percaya secara membuta tuli, tetapi sebaliknya mengenal pasti peranan dan kelainan, serta aspirasi untuk selari dengan proses dan standard penentusahan maklumat demi kepentingan orang ramai, dan membuat penilaian sewajarnya. Hal ini juga bermaksud mengenal pasti kepentingan untuk menjadi ragu-ragu dan bukannya sinis, dan memadankannya dengan kebolehan seseorang untuk membezakan mereka yang berpura-pura menjadi pengamal dalam bidang kewartawanan, dengan mereka yang benar-benar berusaha untuk berkhidmat sebagai wartawan (dan mereka yang mempunyai sifat ketelusan, tanggungjawab pengaturan sendiri dan kualiti reputasi yang berkaitan). Untuk wartawan dan pelajar bidang kewartawanan, hal ini bermakna memahami suasana maklumat yang sentiasa berubah dan bagaimanakah cara untuk memberikan maklum balas terhadap cabaran tersebut.



## **Garis Panduan**

Untuk memahami kesan ‘kecelaruan maklumat’ kepada wartawan, dan bakti mereka kepada masyarakat, penting bagi peserta untuk mempertimbangkan perubahan dalam bidang kewartawanan dan legasi media, pada peringkat struktur, budaya dan normatif, yang berlaku berikutan perkembangan pesat teknologi digital dan peranti peribadi berinternet. Perkara yang paling utama ialah hubung kait antara peningkatan masalah kepercayaan terhadap kewartawanan dan keterlibatannya dengan media sosial.<sup>11</sup>

Kita tidak boleh menyalahkan media sosial untuk setiap masalah yang dihadapi oleh bidang kewartawanan. Kepercayaan berkait terus dengan kapasiti kewartawanan --- dan ia berkorelasi dengan penurunan kepercayaan terhadap kerajaan, perniagaan dan institusi di sesetengah tempat.<sup>12</sup>

10. Lihat Rosen, J. (2010). The View from Nowhere: Questions and Answers. *PressThink*. Didapati di <http://pressthink.org/2010/11/the-view-from-nowhere-questions-and-answers/> [diakses pada 15/06/2018].

11. Lihat Modul Tiga.

12. Edelman. (2017) *op cit*.

Perubahan struktur tentang bagaimanakah berita dikumpulkan dan disebarkan, dan keruntuhan legasi model perniagaan utama syarikat berita, telah merugikan industri berita dari segi pengurangan kapasiti wartawan di bilik berita yang seterusnya memberikan kesan kepada kedalaman, keluasan dan kualiti liputan berita<sup>13</sup>. Kurangnya dana untuk bilik berita di stesen penyiaran awam dan kawalan kerajaan secara berterusan dalam sektor ini turut membuatkan kualiti berita yang ditawarkan semakin lesu.

Transformasi digital telah memperkenalkan cara baharu untuk bercerita dan melibatkan audiens dalam proses penghasilan berita, tetapi ia juga mencabar legasi penerbit berita yang semanganya sudah tenat. Organisasi berita digital belum mampu untuk menghentikan kejatuhan bidang kewartawanan kerana lazimnya, tahap jurnalistiknya masih belum betul-betul membangun.<sup>14</sup>

Dalam ekosistem maklumat yang demokrasi dan pelbagai, menghindari kesan buruk daripada disinformasi dan misinformasi merupakan suatu cabaran, bukan sahaja untuk mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang kewartawanan, tetapi juga kepada masyarakat keseluruhannya.<sup>15</sup>

Amalan dan kaedah kewartawanan sebelum era digital meliputi standard profesional, dan lapisan semakin berpusat dan kawalan untuk mengurus ketepatan, kualiti dan keadilan berita. Wartawan di lapangan disokong oleh pasukan bilik berita yang menentusahkan kandungan sebelum disiarkan. Model pengampang ini menanam rasa profesional dalam kalangan wartawan.<sup>16</sup>

Melalui liputan hal awam dan isu komuniti, siasatan, komentar dan analisis, wartawan mempunyai wadah yang berkesan untuk memastikan ahli politik dan pegawai menjalankan tanggungjawab. Mereka membantu rakyat membuat keputusan tentang bagaimanakah mereka ingin dikawal dan diperintah. Semanganya, terdapat institusi media yang masih belum menepati ideal dan standard kewartawanan. Namun, secara umumnya, perniagaan mereka berpusat kepada berita benar, yang dipilih dan disampaikan dalam naratif tertentu, tetapi jauh berbeza daripada fakta yang dibuat-buat untuk tujuan politik, komersial atau hiburan.

13. Lihat Modul Tiga.

14. Greenspon, E. (2017). *The Shattered Mirror: News, Democracy and Trust in the Digital Age*. [e-buku] Ottawa: Public Policy Forum, Canada. Didapati di <https://shatteredmirror.ca/download-report/> [diakses pada 03/04/2018].

15. Ansip, A. (2017). *Hate Speech, Populism and Fake News on Social Media – Towards an EU Response*. Didapati di <https://ec.europa.eu/commission/commissioners/2014-2019/ansip/announcements/statement-vice-president-ansip-european-parliament-strasbourg-plenary-debate-hate-speech-populism> [diakses pada 03/04/2018].

16. Kovach, B. dan Rosenstiel, T. (2010). *Blur: How to Know What's True in the Age of Information Overload*. Edisi Pertama. New York: Bloomsbury, pp.171 – 184.

Pada peringkat budaya, pemerkasaan individu untuk menjadi saksi, merekod, memberikan komen dan menyiarkan berita di rangkaian media sosial bukan sahaja memaksa satu perubahan berlaku terhadap model berpusat – tetapi juga kepada perbahasan di ruang awam.<sup>17</sup> Media sosial ialah infrastruktur utama untuk wacana awam dan politik. Ada yang mengatakan bahawa hal ini telah menyebabkan demokrasi dan masyarakat terbuka bertukar menjadi ‘tidak begitu demokrasi’.<sup>18</sup>

Syarikat teknologi dan platform sosial telah mengetepikan obligasi normatif yang memastikan wartawan dan penerbit harus bertanggungjawab<sup>19</sup> terhadap perkara yang diterbitkan dengan menekankan bahawa mereka bukan penerbit berita. Mereka yang terlibat tidak menggaji wartawan untuk menghasilkan berita, tetapi tindakan mereka mengumpul dan menyunting membayangkan peranan mereka bukanlah semata-mata sebagai penyalur maklumat atau perantara.

Platform media sosial dan algoritma daripada enjin carian banyak menyebarkan disinformasi dan misinformasi, atau “sampah” seperti yang dilabelkan oleh Oxford Institute for Computational Science. Mereka menyediakan struktur dan suatu bentuk pengesahan terhadap disinformasi dan misinformasi<sup>20</sup> melalui intipan terhadap rangkaian keluarga dan rakan-rakan pengguna.

Oleh itu, kandungan yang mengelirukan yang disebarkan di platform tersebut memberikan kesan terhadap pemahaman masyarakat tentang realiti<sup>21</sup> dan mengganggu-gugat kepercayaan, dialog ilmu/berpengetahuan, perkongsian kenyataan dan hakikat, persetujuan bersama, dan pelibatan.<sup>22</sup> Antara cara lain media sosial boleh dituduh sebagai mengganggu-gugat demokrasi termasuklah:

- ▶ Mewujudkan kamar bunyi, polarisasi dan kepartisanan berlebihan.
- ▶ Menukarkan populariti kepada suatu bentuk pengesahan.
- ▶ Membenarkan manipulasi daripada pemimpin populis, kerajaan dan watak sampingan.

17. Nossel, S. (2017). *Faking News: Fraudulent News and the Fight for Truth*. [e-buku] PEN America. Didapati di [https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America-Faking-News-Report\\_10-17.pdf](https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America-Faking-News-Report_10-17.pdf) [diakses pada 03/04/2018].

18. Howard, P. (2017) *Ibid*.

19. Howard, P. (2017) *Ibid*. Sila lihat Modul Tiga.

20. Pariser, E. (2011). *The Filter Bubble: What the Internet is Hiding from You*. London, Viking/Penguin Press.

21. European Commission (2017). Next Steps Against Fake News: Commission Sets Up High-Level Expert Group and Launches Public Consultation. [dalam talian] Didapati di [http://europa.eu/rapid/press-release\\_IP-17-4481\\_en.htm](http://europa.eu/rapid/press-release_IP-17-4481_en.htm) [diakses pada 13/06/2018].

22. Deb, A., Donohue, S. & Glaisyer, T. (2017). *Is Social Media a Threat to Democracy?* [e-buku] Omidyar Group. Didapati di <https://www.omidyargroup.com/wp-content/uploads/2017/10/Social-Media-and-Democracy-October-5-2017.pdf> [diakses pada 03/04/2018].

- Mengalakkan penangkapan data peribadi dan mesej mikro tersasar/ periklanan di bawah radar<sup>23</sup>
- Menganggu ruang awam<sup>24</sup>

Sebenarnya, ia tidak seharusnya terjadi seperti itu. Media sosial boleh menjadi wadah utama keterlibatan masyarakat dalam bidang kewartawanan dan mengalakkan perbincangan, nilai sivik, penyertaan demokrasi dalam suasana yang mempertahankan hak manusia, kepelbagaian budaya, sains, pengetahuan dan pembuatan keputusan secara rasional. Hingga kini, kewartawanan, atau platform lain, patut, sebagai contoh, melaporkan isu kompleks kepada masyarakat tanpa menjejaskan ketepatan saintifik dan memudahkan konteks yang boleh mengelirukan masyarakat. Hal ini terutamanya dalam bidang rawatan perubatan terkini (cth: pengklonan) dan perkembangan saintifik terkini (cth: kecerdasan buatan), cabaran kepada wartawan adalah untuk menentusahkan ketepatan, mengelak daripada mensensasikan sesuatu perkara, berhati-hati apabila melaporkan kesan akan datang, dan mampu menghadam dan mengimbangi pandangan pakar berkredibiliti yang berbeza.

Terdapat banyak cara bidang kewartawanan boleh memberikan maklum balas terus terhadap disinformasi dan misinformasi. Hal ini termasuk menentang manipulasi melalui penyiasatan dan mendedahkan kempen disinformasi, tetapi hal ini harus diikuti oleh usaha untuk menambah baik bidang kewartawanan secara umumnya (lihat di bawah).

Maklum balas masyarakat terhadap “kecelaruan maklumat” dan cabaran yang dilontarkan oleh platform media sosial adalah pelbagai dan mengambil tempat pada pelbagai peringkat. Kaedah penyelesaian berubah – sesetengahnya secara mendadak. Kebanyakan idea diilhamkan di Amerika Syarikat, tempat ibu pejabat syarikat media sosial dan Google. Antara usaha yang melibatkan teknologi untuk mengatasi masalah disinformasi termasuklah:

- Komitmen untuk mengeluarkan berita yang dianggap palsu (bukan tanpa sebarang kontroversi) daripada hasil pencarian dan siaran berita syarikat tersebut<sup>25 26 27</sup>

23. Cadwalladr, C. dan Graham-Harrison, E. (2018). How Cambridge Analytica Turned Facebook 'Likes' Into a Lucrative Political Tool. The Guardian. [dalam talian] Didapati di <https://www.theguardian.com/technology/2018/mar/2017/facebook-cambridge-analytica-kogan-data-algorithm> [diakses pada 03/04/2018].

24. Deb, A., Donohue, S. & Glaisyer, T. (2017). *Ibid.*

25. Ling, J. (2017). *Eric Schmidt Says Google News Will 'Engineer' Russian Propaganda Out of the Feed*. Motherboard Vice.com. [dalam talian] Didapati di [https://motherboard.vice.com/en\\_us/article/p339vv/eric-schmidt-says-google-news-will-delist-rt-sputnik-russia-fake-news?utm\\_campaign=buffer&utm\\_content=buffer41c3a&utm\\_medium=social&utm\\_source=facebook.com+Motherboard](https://motherboard.vice.com/en_us/article/p339vv/eric-schmidt-says-google-news-will-delist-rt-sputnik-russia-fake-news?utm_campaign=buffer&utm_content=buffer41c3a&utm_medium=social&utm_source=facebook.com+Motherboard) [diakses pada 03/04/2018].

26. Mosseri, A. (2018). *Helping Ensure News on Facebook is From Trusted Sources*. Facebook. Didapati di <https://newsroom.fb.com/news/2018/01/trusted-sources/> [diakses pada 03/04/2018].

27. Stamos, A. (2018) *Authenticity Matters: Why IRA has no Place on Facebook*. Facebook. Didapati di <https://newsroom.fb.com/news/2018/04/authenticity-matters/> [diakses pada 03/04/2018].

- ▶ Tidak memberikan sebarang pendapatan daripada periklanan berdasarkan klik bagi pihak yang menyediakan disinformasi<sup>28</sup>.
- ▶ Menyediakan penyelesaian berbentuk teknologi untuk menentusahkan kandungan digital dan imej.<sup>29</sup>
- ▶ Memberikan dana berbentuk inisiatif yang menyokong bidang kewartawanan yang bersilang antara kewartawanan, teknologi dan penyelidikan akademik.<sup>30</sup>
- ▶ Membangunkan standard teknikal dan isyarat kepercayaan bagi membantu pengguna (dan algoritma) untuk mengenal pasti berita yang dihasilkan oleh pihak yang berkepercayaan.<sup>31</sup>

Semasa modul ini ditulis pada awal tahun 2018, antara inisiatif teknikal standard yang paling penting untuk organisasi berita ialah *The Trust Project*, satu konsortium yang bekerjasama erat dengan enjin carian besar, platform media sosial dan lebih daripada 70 syarikat media di dunia. Misi *The Trust Project* adalah untuk memudahkan masyarakat mengecam berita yang “tepat, bertanggungjawab dan dihasilkan dengan penuh etika”: dengan pengiktirafan satu penanda kepercayaan. Projek tersebut telah mencipta lapan standard<sup>32</sup> yang perlu dipenuhi oleh pembuat berita. Pembekal berita juga perlu memastikan standard tersebut boleh dikenal pasti dalam talian untuk dianggap sebagai pembekal yang boleh dipercayai. Penunjuk Kepercayaan dalam *The Trust Project*<sup>33</sup> ialah:

#### ▶ **Amalan Terbaik**

- o Apakah standard anda?
- o Siapakah pemberi dana bagi saluran berita tersebut?
- o Apakah misi saluran tersebut?
- o Komitmen terhadap etika, kepelbagaian suara, ketepatan, membuat pembetulan dan standard lain.

- ▶ **Kepakaran Penulis/Wartawan:** Siapakah yang membuat berita tersebut? Maklumat lengkap tentang wartawan, termasuk bidang kepakaran dan cerita lain yang pernah dihasilkan.

28. Love, J. & Cooke, C. (2017). *Google, Facebook Move to Restrict Ads on Fake News Sites*. Reuters. [dalam talian] Didapati di <https://www.reuters.com/article/us-alphabet-advertising/google-facebook-move-to-restrict-ads-on-fake-news-sites-idUSKBN1392MM> [diakses pada 15/06/2018].

29. Lihat Modul Enam. Satu contoh ialah <http://www.truly.media/> [diakses pada 15/06/2018].

30. Lihat Modul Lima.

31. The Trust Project (2017). *The Trust Project – News with Integrity*. [dalam talian] Didapati di <https://thetrustproject.org/?nr=o> [diakses pada 03/04/2018].

32. The Trust Project (2017). *Ibid*

33. The Trust Project (2017). *Ibid*

- ▶ **Jenis Kerja:** Apakah ini? Label untuk membezakan pendapat, kandungan berbentuk analisis dan daripada pengiklan (atau tajaan/“milik sendiri”) daripada laporan berita.
- ▶ **Petikan dan Rujukan:** Untuk cerita berbentuk penyiasatan atau mendalam, akses kepada sumber di sebalik fakta dan isu yang dipaparkan.
- ▶ **Kaedah:** Untuk cerita mendalam, maklumat tentang bagaimanakah wartawan memilih untuk menulis berita tersebut dan proses yang dilalui untuk menghasilkannya (hal ini membantu untuk membuatkan penulisan tersebut telus).
- ▶ **Sumber Tempatan?** Memberitahu anda apabila cerita tersebut ialah cerita tempatan atau melibatkan pakar tempatan. Adakah laporan dilakukan di lapangan, dengan pengetahuan mendalam tentang situasi dan komuniti tempatan?
- ▶ **Tindakan yang Boleh Memberikan Maklum Balas:** Usaha bilik berita melibatkan bantuan masyarakat untuk menentukan keutamaan liputan, menyumbang kepada proses laporan, memastikan ketepatan dan perkara lain. Pembaca/penonton/pendengar mahu memberikan maklum balas yang mungkin mengubah atau menambah cerita yang telah dihasilkan.

Kepercayaan dalam tugas kewartawanan membantu untuk meningkatkan jumlah, kepelbagaian dan kualiti sumber untuk wartawan, yang akan memberikan kesan secara tidak langsung kepada audiens.

Maklum balas kerajaan, masyarakat sivil dan pendidik, termasuk fokus yang lebih besar terhadap literasi media dan informasi akan dibincangkan di bahagian lain.<sup>34</sup>

Poin tersebut juga dibincangkan di World Editors Forum, apabila presidennya, Marcelo Rech, mencadangkan supaya penyunting di seluruh dunia mengamalkan lima prinsip<sup>35</sup> berikut:

- ▶ Dalam dunia hiper-maklumat, kredibiliti, kebebasan, ketepatan, etika profesional, ketelusan dan pluralisme ialah nilai yang akan menjamin hubungan saling mempercayai dengan masyarakat.
- ▶ Kewartawanan aras tinggi berbeza daripada bentuk kandungan lain. Ia mempersoalkan dan menentusahkan sesuatu perkara yang tersebar melalui media sosial dengan lebih berhati-hati dan teliti. Ia maklum tentang

34. Lihat Modul Empat

35. Iretton, C. (2016). *World Editors Forum Asks Editors to Embrace 5 Principles to Build Trust*. Didapati di <https://blog.wan-ifra.org/2016/06/14/world-editors-forum-asks-editors-to-embrace-5-principles-to-build-trust> [diakses pada 15/06/2018].

peranan media sosial sebagai sumber maklumat yang boleh digunakan untuk menentusahkan dan sebagai wadah untuk mempengaruhi kandungan profesional.

- ▶ Misi bidang kewartawanan aras tinggi adalah untuk menabur bakti kepada masyarakat dengan menyediakan maklumat berkualiti tinggi yang ditentusahkan dan mewujudkan jenama berita sebagai suatu punca kandungan yang boleh dipercayai.
- ▶ Syarat untuk bidang kewartawanan aras tinggi ialah bukan sahaja menyatakan fakta asas, tetapi membenarkan dan mengalakkan analisis, pelaporan kontekstual dan penyiasatan, penyampaian pendapat yang berpengetahuan, menukar kedudukan berita sebagai ilmu yang memperkasakan individu.
- ▶ Kewartawanan aras tinggi patut dipandu oleh kepercayaan dan prinsip berkaitan sosial, kesahan minat dan kebenaran.

Untuk wartawan dan bilik berita, perhatian yang lebih perlu diberikan kepada usaha meningkatkan kualiti dengan menambah baik:

- ▶ Amalan kewartawanan yang bertanggungjawab, beretika dan pelaporan berdasarkan bukti.<sup>36</sup>
- ▶ Menentusahkan fakta dan menyatakan jika sesuatu maklumat palsu atau salah.<sup>37</sup>
- ▶ Menentusahkan data, sumber dan imej digital.<sup>38</sup>
- ▶ Keterlibatan dengan komuniti untuk memastikan agenda berita selari dengan keperluan rakyat.<sup>39</sup>

Dalam ciri terakhir di atas, bukti terputusnya hubungan antara kebanyakan media arus perdana dengan masyarakat umum diberikan penekanan semasa undian UK untuk keluar daripada Kesatuan Eropah, Brexit, dan dalam Pilihan Raya Amerika Syarikat 2016. Kekuatan media sosial terletak pada keupayaannya untuk berhubung secara terus dengan audiens. Jurulatih perlu meneroka cara media boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada audiens dan komuniti, sekali gus membina kepercayaan dan mengukuhkan hubungan.

36. Wales, J. (2017). *What Do We Mean By Evidence-Based Journalism?* Wikitribune. Didapati di <https://medium.com/wikitribune/what-do-we-mean-by-evidence-based-journalism-3fd7113102d3> [diakses pada 03/04/2018].

37. Lihat Modul Lima.

38. Bell, F. (2018). Di era kewartawanan data, penentusahan bersifat kompleks. Sebagai contoh, dalam kes data yang terlalu banyak, besar kemungkinan wujud maklumat yang tidak tepat dan juga maklumat palsu yang sengaja dimasukkan dalam rekod. Sila lihat Modul Enam kursus ini.

39. Batsell, J. (2015). *Engaged Journalism: Connecting with Digitally Empowered News Audiences*. New York: Columbia University Press.

*Enam atau Tujuh Perkara yang Berita Boleh Lakukan untuk Demokrasi*<sup>40</sup>, seperti yang dinyatakan oleh Schudson memberikan suatu kerangka yang baik untuk dibincangkan:

1. Maklumat: Memberikan maklumat yang adil dan penuh supaya rakyat boleh membuat pilihan politik yang bijak.
2. Penyiasatan: Menyiasat sumber kuasa berpusat, terutamanya kuasa kerajaan.
3. Analisis: Menyediakan kerangka dan interpretasi yang koheren untuk membantu rakyat memahami dunia yang kompleks.
4. Empati sosial: memberitahu orang ramai tentang individu lain dalam masyarakat dan dunia mereka supaya mereka (orang ramai) boleh menghargai pandangan dan kehidupan orang lain, terutamanya yang kurang bernasib baik berbanding dengan diri mereka.
5. Forum awam: Menyediakan forum untuk dialog antara ahli masyarakat, melalui pendekatan pluralistik dan pelbagai disiplin, dan berkhidmat sebagai penyampai perspektif berbeza yang dipegang oleh pelbagai kumpulan tersebut.
6. Mobilisasi: Berkhidmat (apabila sudi) sebagai penyokong kepada program dan perspektif politik dan memobilisasikan rakyat untuk bertindak dan menyokong program tersebut, tanpa memberikan kompromi kepada standard penentusahan dan kepentingan awam.



## Matlamat Modul

- ▶ Untuk menggalakkan peserta berfikir secara kritis tentang kewartawanan dan media sosial.
- ▶ Untuk menggalakkan peserta menilai kedudukan mereka dalam ekosistem “kecelaruan maklumat”.
- ▶ Untuk membantu peserta berfikir secara kritis tentang kesan “kecelaruan maklumat” kepada rakyat.

40. Schudson, M. (2008). *Why Democracies Need an Unlovable Press*. Polity. Chapter Two: Six or Seven Things News Can Do For Democracy. Didapati di [https://books.google.co.uk/books?id=hmYGM9ecKUC&printsec=frontcover&dq=schudson+michael+6+or+seven+ways&hl=en&sa=X&ved=oahUKEWju\\_ZG16ozZAhWELsAKHcovBIUQ6AEIKTAA-v=onepage&q&f=false](https://books.google.co.uk/books?id=hmYGM9ecKUC&printsec=frontcover&dq=schudson+michael+6+or+seven+ways&hl=en&sa=X&ved=oahUKEWju_ZG16ozZAhWELsAKHcovBIUQ6AEIKTAA-v=onepage&q&f=false) [Diakses pada 03/04/2018].



## Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, peserta sepatutnya boleh:

1. Memahami secara mendalam dan kritis cara kewartawanan boleh memberikan perhidmatan yang baik untuk demokrasi dan masyarakat terbuka dalam suasana media yang semakin berkembang dan berhadapan dengan risiko “kecelaruan maklumat”.
2. Memahami faktor yang memandu kepercayaan terhadap kewartawanan dan cara kepercayaan itu boleh kekal atau dibina.
3. Berupaya menerangkan kepada orang lain sebab kewartawanan itu penting.



## Format Modul

Maklumat yang diberikan di bahagian garis panduan modul boleh digunakan untuk kuliah yang berdurasi 30 minit, dan tutorial selama 30 minit atau perbincangan meja bulat tentang kepentingan bidang kewartawanan dan bagaimanakah ia memberikan sumbangan kepada masyarakat. Satu latihan praktikal selama 90 minit boleh, melalui suatu perbualan berstruktur, meneroka bagaimanakah individu yang masih ragu-ragu dan tidak mempercayai bidang kewartawanan, boleh dipujuk untuk memahami bahawa bukan semua maklumat tidak boleh dipercayai; apa-apa yang boleh dilakukan oleh berita yang dilihat sebagai kredibiliti dalam suasana media sosial yang memperlihatkan semua maklumat seakan-akan serupa?

### Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

---

#### A. Teori

| Perancangan Modul                                                                                                                     | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Kuliah dan perbincangan interaktif tentang kebenaran dan kepercayaan.                                                                 | 30 minit   | 1, 2               |
| Perbincangan meja bulat tentang mengapakah kewartawanan penting dan bagaimanakah kewartawanan memberikan sumbangan kepada masyarakat. | 30 minit   | 1, 2, 3            |

## B. Praktikal

| Pelan Modul       | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|-------------------|------------|--------------------|
| Latihan praktikal | 90 minit   | 3                  |

**Tugasan yang Dicadangkan**

Terdapat tiga elemen dalam tugas ini dan peserta perlu bekerja secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil.

- Peserta (dalam kumpulan kecil atau secara berpasangan) diminta untuk menemu bual pengguna berita dan meminta mereka untuk mengenal pasti sumber berita tempatan atau kebangsaan dan maklumat sivik yang paling mereka percayai. Dengan berpandukan model *Enam atau Tujuh Perkara yang Berita Boleh Lakukan untuk Demokrasi* oleh Schudson sebagai kerangka, mereka perlu meneliti satu edisi penerbitan, atau berita bertema dalam media yang dinyatakan, untuk mengenal pasti dan menganalisis bagaimanakah penerbit memberikan sumbangan kepada komuniti melalui kewartawanan. Teknik analisis kandungan ialah kaedah yang paling sesuai digunakan. Kedua, perkara lain yang boleh dikenal pasti, jika ada, ialah jika indikator kepercayaan yang dicadangkan oleh *The Trust Project* boleh dikenal pasti. Ketiga, dapatan ini boleh menjadi asas bagi satu laporan berita atau komentar, dalam bentuk penulisan, atau sebagai video pendek atau berita berbentuk audio, yang boleh menguatkan pandangan tentang kepentingan bidang kewartawanan.

**Bahan Bacaan**

- Deb, A., Donohue, S. & Glaisyer, T. (2017). *Is Social Media a Threat to Democracy?* [e-buku] Omidyar Group. Didapati di <https://www.omidyargroup.com/wp-content/uploads/2017/10/Social-Media-and-Democracy-October-5-2017.pdf>.
- Edelman. (2017). 2017 *Edelman TRUST BAROMETER - Global Results*. [dalam talian] Didapati di <https://www.edelman.com/global-results/>.
- Howard, P. (2017) *Is Social Media Killing Democracy?* Oxford. Didapati di <https://www.oii.ox.ac.uk/videos/is-social-media-killing-democracy-computational-propaganda-algorithms-automation-and-public-life/>.

- Nossel, S. (2017). *FAKING NEWS: Fraudulent News and the Fight for Truth*. [e-buku] PEN America. Didapati di [https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America\\_Faking-News-Report\\_10-17.pdf](https://pen.org/wp-content/uploads/2017/10/PEN-America_Faking-News-Report_10-17.pdf).
- Schudson, M. (2008). *Why Democracies Need an Unlovable Press*. Polity. Chapter 5: Six or Seven Things News can do for Democracies. Didapati di [https://books.google.co.uk/books?id=hmYGMegekKUC&printsec=frontcover&dq=schudson+michael+6+or+sev-en+ways&hl=en&sa=X&ved=oahUKEwju\\_ZGl6ozZAhWELsAKHcovBIUQ6AEIKTAA-v=onepage&q&f=false](https://books.google.co.uk/books?id=hmYGMegekKUC&printsec=frontcover&dq=schudson+michael+6+or+sev-en+ways&hl=en&sa=X&ved=oahUKEwju_ZGl6ozZAhWELsAKHcovBIUQ6AEIKTAA-v=onepage&q&f=false).
- Viner, K. (2017). *A Mission for Journalism in a Time of Crisis*. [dalam talian] the Guardian. Didapati di <https://www.theguardian.com/news/2017/nov/16/a-mission-for-journalism-in-a-time-of-crisis>.

# BERFIKIR TENTANG 'KECELARUAN MAKLUMAT': FORMAT DISINFORMASI, MISINFORMASI DAN MAL-INFORMASI

*Claire Wardle no Hossein Derakhshan*

Fake News; I  
die Fake Ne  
(Pluraletan  
Bedeutung  
manipula

---

## MODUL 2

---



## Sinopsis

*Istilah ‘berita palsu’ dan ‘media palsu’ sering digunakan untuk menjelaskan pelaporan yang tidak dipersetujui oleh suatu pihak. Peta Google Trend menunjukkan bahawa orang ramai mula mencari istilah tersebut secara ekstensif mulai pertengahan tahun 2016.<sup>1</sup> Dalam modul ini, peserta akan mempelajari (a) mengapakah istilah tersebut tidak sesuai digunakan untuk menerangkan skala pencemaran maklumat, dan (b) mengapakah istilah tersebut sangat bermasalah dan tidak patut digunakan.*

Malangnya, frasa tersebut cenderung untuk dipolitikkan dan digunakan sebagai senjata untuk menentang industri berita, sebagai suatu cara untuk merendahkan pelaporan yang tidak disukai oleh mereka yang berkuasa. Malahan, penggunaan istilah ‘disinformasi’ dan ‘misinformasi’ disyorkan. Modul ini akan menilai perbezaan yang wujud pada istilah-istilah tersebut dan kedudukannya dalam spektrum ‘kecelaruan maklumat’.

Hal ini termasuk satira dan parodi, tajuk berita yang umpan klik, penggunaan kapsyen, visual dan statistik yang mengelirukan, kandungan benar yang dikongsi di luar konteks, kandungan palsu (apabila nama wartawan atau logo bilik berita digunakan oleh individu yang tidak berkaitan), serta memanipulasikan dan mencipta kandungan. Jelasnya, krisis ini jauh lebih kompleks daripada makna yang dibawa oleh istilah ‘berita palsu’.

Jika kita hendak memikirkan jalan penyelesaian bagi kandungan sedemikian daripada mencemari aliran media sosial dan menghentikannya daripada mempengaruhi output media tradisional, kita perlu berfikir tentang masalah ini dengan lebih berhati-hati. Kita juga perlu berfikir tentang mencipta kandungan sedemikian, dan mengapakah mereka berbuat demikian. Apakah jenis kandungan yang dihasilkan dan bagaimanakah penerimaan audiens? Dan, apabila audiens membuat keputusan untuk berkongsi kandungan tersebut, mengapakah mereka berbuat demikian? Terdapat pelbagai sebab hal ini berlaku dan kebanyakan perbincangan tidak berjaya merungkakan kerumitan masalah tersebut. Di akhir modul ini, pelajar sepatutnya boleh menggunakan istilah dan definisi yang sesuai untuk membincangkan masalah yang berkaitan dengan ‘kecelaruan maklumat’.

1. Tren Peta Google untuk istilah *Fake News* diakses melalui <https://trends.google.com/trends/explore?date=today%205-y&q=fake%20news> pada 6 April 2018.



## Garis Panduan


Buku panduan ini menggunakan istilah ‘disinformasi’ dan ‘misinformasi’ untuk membezakannya daripada ‘maklumat ditentusahkan’, demi kepentingan awam yang penting dalam bidang kewartawanan sebenar. Dalam modul ini, fokus akan diberikan kepada ciri-ciri penting ‘disinformasi’.

Wacana tentang berita palsu menggabungkan dua idea, iaitu ‘disinformasi’ dan ‘misinformasi’. Untuk membantu, kami ingin mencadangkan istilah ‘misinformasi’ sebagai maklumat yang tidak benar, tetapi individu yang menyebarkannya percaya bahawa maklumat tersebut benar. ‘Disinformasi’ pula ialah maklumat yang tidak benar, dan individu yang menyebarkannya tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar. Perkara ini merupakan suatu penipuan yang disengajakan dan dilakukan dengan niat oleh mereka yang berniat jahat, dan sentiasa menimbulkan salah faham orang ramai.<sup>2</sup>

Kategori ketiga, boleh diistilahkan sebagai mal-informasi; maklumat diperoleh secara realiti tetapi digunakan untuk memberikan kemudahan kepada orang lain, organisasi atau negara. Contohnya, laporan yang mendedahkan kegiatan seksual seseorang tanpa mempunyai sebarang justifikasi untuk kepentingan awam. Hal ini penting untuk membezakan maklumat yang benar daripada yang tidak benar, dan juga yang benar (dan mesej yang mempunyai sedikit kebenaran) tetapi dicipta, diterbitkan atau disebarkan oleh ejen yang mempunyai niat untuk memudaratkan dan bukan untuk kepentingan awam. Mal-informasi yang sedemikian – seperti maklumat benar yang mencemar privasi seseorang tanpa sebarang justifikasi – bertentangan dengan standard dan etika kewartawanan.

Meskipun terdapat perbezaan yang ketara, kesannya terhadap situasi maklumat dan masyarakat mungkin serupa (cth: mencemarkan integriti proses demokrasi, menurunkan kadar pengambilan vaksin). Selain itu, sesetengah kes mungkin menunjukkan gabungan ketiga-tiga konsep tersebut, dan terdapat bukti contoh daripada suatu konsep sering dicampurkan dengan konsep yang lain (cth: di platform berbeza atau dalam turutan) sebagai antara strategi mendapatkan maklumat secara kasar oleh orang-orang tertentu. Namun begitu, mengingat perbezaan antara ketiga-tiga konsep tersebut akan membantu anda kerana sebab, teknik dan jalan penyelesaiannya berbeza.

2. Maklumat tentang definisi, lihat kajian Karlova dan Fisher (2012).



Rajah 1: ‘Kecelaruhan maklumat’

Pilihan Raya Presiden Perancis 2017 memberikan beberapa contoh yang dapat menggambarkan ketiga-tiga jenis ‘kecelaruhan maklumat’, iaitu:

### 1. Contoh disinformasi

Satu contoh percubaan untuk menipu dalam kempen pilihan raya Perancis adalah dengan penciptaan satu duplikasi akhbar Belgium *Le Soir*<sup>3</sup>, dengan artikel palsu yang menyatakan bahawa calon presiden Emmanuel Marcon menerima dana daripada Arab Saudi. Satu lagi contoh ialah sirkulasi dokumen dalam talian bahawa beliau telah membuka akaun luar pesisir di Bahamas<sup>4</sup>. Akhir sekali, disinformasi yang disebarkan melalui serangan Twitter bahawa satu rangkaian kumpulan individu menyebarkan khabar angin tentang kehidupan peribadi calon dengan tanda pagar yang serupa.

### 2. Contoh misinformasi

Pelbagai misinformasi terhasil akibat serangan keganasan terhadap Champ Elysees di Paris pada 20 April 2017<sup>5</sup>, satu perkara lazim dalam situasi berita tergempar. Individu yang tidak berfikir panjang berkongsi khabar angin di media sosial, contohnya anggota polis kedua yang terbunuh. Individu yang berkongsi maklumat sedemikian lazimnya

3. CrossCheck, 2017. *Was Macron's Campaign for French Presidency Financed by Saudi Arabia?* Didapati di <https://crosscheck.firstdraftnews.org/checked-french/macrons-campaign-french-presidency-financed-saudi-arabia/> [diakses pada 3 April 2018].

4. CrossCheck, 2017. *Did Emmanuel Macron Open an Offshore Account?* CrossCheck. Didapati di <https://crosscheck.firstdraftnews.org/checked-french/emmanuel-macron-open-offshore-account/> [diakses pada 3 April 2018].

5. Satu contoh ialah khabar angin bahawa masyarakat Islam di UK mengadakan sambutan atas serangan tersebut. Hal ini telah dibuktikan tidak benar oleh CrossCheck project: CrossCheck, 22 April 2017. *Did London Muslims 'Celebrate' a Terrorist Attack on the Champs-Elysees?* CrossCheck. Didapati di <https://crosscheck.firstdraftnews.com/checked-french/london-muslims-celebrate-terrorist-attack-champs-elysees> [diakses pada 3 April 2018].

tidak mempunyai sebarang niat untuk menyebabkan keadaan semakin mudarat. Namun, mereka terjebak dalam momen tersebut, ingin membantu, tetapi gagal untuk memeriksa dan menentusahkan maklumat yang dikongsi.

### 3. Contoh mal-informasi

Satu contoh menarik untuk mal-informasi berlaku semasa e-mel Emmanuel Macron dibocorkan sebelum hari mengundi pada 7 Mei. E-mel tersebut dianggap sebagai tulen. Walau bagaimanapun, pendedahan e-mel tersebut kepada orang awam sebelum larangan standard bagi sebarang liputan dilakukan sebelum orang keluar mengundi dikuatkuasakan, yang mana tindakan tersebut sengaja dibuat sehingga menyebabkan kemudaratannya maksimum kepada kempen Macron.

Istilah ‘propaganda’ tidak boleh disamakan dengan disinformasi, meskipun disinformasi boleh digunakan untuk membuat propaganda. Namun, propaganda lebih berupaya untuk memanipulasikan berbanding dengan disinformasi kerana mesej yang disampaikan melibatkan mainan emosi dan bukannya berbentuk maklumat<sup>6</sup>.

Dalam modul ini, tumpuan akan diberikan pada misinformasi, terutamanya disinformasi dan berkongsi beberapa contoh untuk jenis maklumat yang berbeza. Kategori bagi disinformasi, misinformasi dan mal-informasi tidak patut digabungkan dengan orientasi yang berbeza bagi naratif berita tulen.

Sebagai contoh, seorang wartawan mungkin menulis, “Walaupun tidak boleh disamakan taraf dengan Bernie Madoff, dakwaan penipuan dalam kes terbaharu ini memberikan kesan besar kepada pelabur kecil”. Penulis lain boleh menulis dengan penekanan yang berbeza seperti “Dakwaan penipuan dalam kes terbaharu ini meskipun memberikan kesan besar kepada pelabur kecil tetapi tidak setaraf dengan Bernie Madoff”. Cara ayat kedua ditulis meminimumkan perbezaan nyata dalam kes terbaharu. Penekanan yang diberikan dalam ayat tersebut tidak semestinya menghasilkan misinformasi atau disinformasi. Penekanan tersebut boleh dianggap sebagai antara cara untuk membuat interpretasi terhadap situasi yang sama.

Ternyata, naratif wujud dalam berita, disinformasi, misinformasi dan mal-informasi. Oleh itu, naratif mengandungi fakta terpilih yang menonjol dalam berita (atau apabila fakta dibuat-buat atau dibincangkan di luar konteks dalam komunikasi yang toksik). Satu laporan berita jenayah, yang bukan disinformasi, mungkin merasakan relevan untuk menyatakan bangsa atau kewarganegaraan mangsa dan pemangsa. Mungkin faktanya, orang yang kena tuduh ialah warga asing lelaki dan mangsanya pula ialah wanita warga tempatan; sama ada penting atau tidak untuk berita, fungsi kuasa penyiasatan oleh

6. Neale, S., 1977. Propaganda. Screen 18 – 3, hlm. 9 – 40.

wartawan, terutamanya ideologi, perspektif dan naratif penting dan menjadi sebab-akibat yang membuatkan wartawan memilih untuk menulis perkara tersebut atau tidak. Hal ini adalah antara sebab mengapakah 'semakan fakta' boleh menguntungkan, jika 'pemunggahan naratif' dilakukan bersama-sama untuk menilai struktur makna apabila fakta dan bukan fakta digunakan untuk tujuan tertentu. Terdapat pelbagai jenis naratif dalam kewartawanan dan kewujudannya tidak bermakna bidang tersebut akan hilang kelainannya apabila dibandingkan dengan naratif dalam bentuk komunikasi lain, seperti yang disenaraikan di bawah:

### 1. *Satira dan Parodi.*

Merangkumkan satira dan parodi dalam tipologi disinformasi dan misinformasi mungkin agak mengejutkan. Satira dan parodi boleh dianggap sebagai suatu bentuk seni. Namun, dalam dunia yang individunya banyak menerima maklumat melalui media sosial, terdapat kekeliruan apabila sesuatu tapak satira tidak dilihat sebagai sedemikian. Satu contoh adalah daripada *The Khabaristan Times*<sup>7</sup>, satu kolum satira dan tapak web yang merupakan sebahagian daripada tapak berita Pakistan Today<sup>8</sup>. Pada Januari 2017, tapak tersebut telah disekat di Pakistan dan berhenti untuk membuat sebarang penerbitan.

### 2. *Perkaitan Palsu*

Contoh perkaitan palsu adalah apabila tajuk berita tidak selari dengan kandungan. Contoh yang paling lazim ialah tajuk berita yang berbentuk klik umpan. Dalam percubaan untuk menarik perhatian audiens, penyunting menggunakan tajuk berita yang akan membuatkan pembaca klik dan membaca berita tersebut, walaupun pembaca mungkin berasa tertipu setelah membaca berita penuh. Satu contoh yang boleh dilihat dalam tapak web *The Political Insider*.<sup>9</sup> Hal ini juga boleh berlaku apabila visual dan kapsyen digunakan, terutamanya di tapak seperti Facebook, untuk memberikan satu tanggapan yang tidak disokong oleh teks. Namun, apabila individu menatal di akaun media sosial tanpa klik dan membaca artikel (yang selalu berlaku), visual dan kapsyen yang mengelirukan boleh mengelabui mata.

### 3. *Kandungan Mengelirukan*

Kandungan jenis ini menyalahgunakan maklumat untuk membingkaikan sesuatu isu atau individu dengan cara tertentu melalui pemotongan gambar, pemilihan petikan atau

7. Pakistan Today (2018), *Anthropologists Make Contact with Remote Cut-Off Tribe Still Thanking Raheel Sharif*. [dalam talian] p.khabaristan Today. Didapati di <https://www.pakistantoday.com.pk/2017/01/11/anthropologists-make-contact-with-remote-cut-off-tribe-still-thanking-raheel-sharif/> [accessed 06/04/2018].

8. Antara sumber yang boleh dijadikan rujukan telah ditulis oleh penyunting bersama buku panduan ini, Julie Posetti, bersama-sama Alice Mathews. Didapati di (TBA).

9. The Political Insider (2015), *First Time Voter Waited 92 Years to Meet Trump... What Happened Next is AMAZING!* [dalam talian]. Didapati di <https://thepoliticalinsider.com/first-time-voter-waited-92-years-to-meet-trump-what-happened-next-is-amazing/> [diakses pada 06/04/2018].

statistik secara selektif. Keadaan ini dipanggil sebagai Teori Pembingkaian<sup>10</sup>. Satu contoh yang pernah didedahkan di Rappler.com<sup>11</sup>. Visual ialah suatu alat yang berpengaruh untuk menyebarkan maklumat yang mengelirukan kerana otak jarang-jarang mengkritik visual<sup>12</sup>. Iklan berbayar atau dalaman yang menyerupai kandungan editorial juga terangkum dalam kategori ini jika tidak dinyatakan sebagai ditaja<sup>13</sup>.

#### 4. Salah Konteks

Antara sebab istilah ‘berita palsu’ tidak membantu adalah kerana kandungan tulen sering dilihat disebarkan semula di luar konteks sebenar. Sebagai contoh, satu imej dari Vietnam, yang ditangkap pada tahun 2007, disebarkan semula tujuh tahun kemudian, dan dikongsi seolah-olah gambar tersebut daripada kesan gempa bumi di Nepal pada tahun 2015<sup>14</sup>.

#### 5. Kandungan Penipuan

Terdapat isu apabila nama wartawan digunakan sebagai penulis artikel yang mereka tidak tulis, atau logo organisasi digunakan dalam video atau imej yang tidak berkaitan dengan mereka. Contohnya, sebelum Pilihan Raya Kenya 2017, BBC Africa mendapati video yang memasukkan logo BBC dan garis cengkam (strap line) disebarkan melalui WhatsApp<sup>15</sup>. BBC terpaksa membuat satu video yang dikongsi di media sosial untuk memberitahu orang ramai supaya tidak tertipu dengan video palsu yang disebarkan melalui Whatsapp tersebut.

#### 6. Kandungan yang Dimanipulasikan

Kandungan yang dimanipulasikan adalah apabila kandungan tulen dimanipulasikan untuk menipu. Contohnya di Afrika Selatan, terdapat imej Penyunting Kumpulan HuffPost Ferial Haffajee – dalam satu kes, sedang duduk di atas paha ahli perniagaan, Johan Rupert – yang membayangkan mereka mempunyai hubungan peribadi<sup>16</sup>.

#### 7. Kandungan yang Dibuat-buat

Kandungan seperti ini berbentuk teks, seperti tapak berita yang direka, WTOE5, tapak berita fantasi yang menyiarkan artikel bahawa Paus menyokong pencalonan Donald

10. Entman, R., Matthes, J. dan Pellicano, L. (2009). Nature, Sources, and Effects of News Framing dlm. K. Wahl-Jorgensen dan T. Hanitzsch (penyumbang), *Handbook of Journalism Studies*. [dalam talian]. New York: Routledge, pp.196 – 211. Didapati di <https://centreforjournalism.co.uk/sites/default/files/richardpendry/Handbook%20of%20Journalism%20Studies.pdf> [diakses pada 03/04/2018].

11. Punongbayan, J. (2017). *Has Change Really Come? Misleading Graphs and How to Spot Them*. Rappler.com. [dalam talian]. Didapati di <https://www.rappler.com/thought-leaders/20177731-duterte-change-fake-news-graphs-spot> [diakses pada 06/04/2018].

12. Lihat artikel oleh Hannah Guy dalam bahagian bacaan wajib pembelajaran ini.

13. Lihat Modul Tiga.

14. Pham, N. (2018). *Haunting 'Nepal Quake Victims Photo' from Vietnam*. BBC. [dalam talian] Didapati di <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-32579598> <https://www.rappler.com/thought-leaders/20177731-duterte-change-fake-news-graphs-spot> [diakses pada 06/04/2018].

15. BBC (2017). *Kenya Election: Fake CNN and BBC News Reports Circulate* [dalam talian]. Didapati di <http://www.bbc.co.uk/news/world-africa-40762796> [diakses pada 06/04/2018].

16. Haffajee, F. (2017). *Ferial Haffajee: The Gupta Fake News Factory and Me*. HuffPost South Africa. [dalam talian]. Didapati di [https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me\\_a\\_22126282/](https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me_a_22126282/) [diakses di 06/04/2018].

Trump sebagai presiden. Teks tersebut juga boleh berbentuk visual, seperti semasa grafik direka untuk memberikan maklumat tidak benar apabila undian terhadap Hillary Clinton boleh dilakukan melalui SMS<sup>17</sup>. Grafik ini disasarkan untuk komuniti minoriti di rangkaian sosial, sebelum Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat.

Umumnya, wartawan terutamanya, perlu menilai ‘elemen’ dalam ‘kecelaruan maklumat’ secara berasingan, iaitu antara ejen, mesej dan penterjemah. Dalam matriks ini, terdapat soalan bagi setiap elemen, ejen yang mencipta mesej mungkin berbeza daripada ejen yang menghasilkan mesej – yang juga mungkin berbeza daripada ejen yang menyebarkan mesej. Di samping itu, terdapat keperluan untuk memahami secara menyeluruh tentang siapakah ejen tersebut dan apakah yang membuatkan mereka bertindak sedemikian. Jenis mesej yang berbeza, yang disebarkan oleh ejen juga perlu difahami supaya kita boleh mengagak skala setiap satu dan memikirkan cara untuk menghadapinya. (Perbincangan, buat masa ini, banyak berfokus pada tapak web berita berbentuk teks, tetapi kandungan visual juga banyak tersebar dan lebih sukar untuk dikenal pasti dan dibetulkan).

Akhirnya, perlu difikirkan tentang tiga ‘fasa’ berbeza dalam ‘kecelaruan maklumat’, iaitu rekaan, produksi dan sebaran (Rajah 2). Hal ini penting kerana ejen yang menjadi dalang kepada kandungan tersebut lazimnya berlainan daripada penerbit dan penyebar.



17. Haltiwanger, J. (2016). Trump Trolls Tell Hillary Clinton Supporters They Can Vote Via Text. Elite Daily. Didapati di <https://www.elitedaily.com/news/politics/trump-trolls-hillary-clinton-voting-text-message/1680338> [diakses pada 23/03/2018].

Contohnya, motivasi dalang yang mencipta kempen disinformasi tajaan negeri berbeza daripada penghasut maya murahan yang diminta untuk menggunakan tema kempen tersebut dalam paparan spesifik di media sosial. Apabila mesej disebarkan, mesej tersebut boleh dihasilkan semula dan disebarkan semula tanpa henti, oleh orang yang berbeza dengan niat yang berbeza. Contohnya, satu paparan media sosial boleh disebarkan oleh beberapa komuniti, yang menyebabkan mesej tersebut dihidu dan disebarkan oleh media arus perdana (yang menjalankan operasi tanpa pemeriksaan rapi) dan disebarkan pula kepada komuniti lain. Nuansa ‘kecelaruhan maklumat’ hanya boleh difahami jika dianalisis dengan cara berikut.<sup>18</sup>

18. Nota daripada penyunting: Rajah lain yang boleh dibuat semula adalah seperti di bawah:

|                                                                   | Watak: kerajaan, psy-ops, parti politik, usahawan, firma PR, individu, media | Perisian yang Membolehkan  |
|-------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| <b>Cipta kandungan:</b> cth: cerita, komen, ‘likes’, video, meme. | Lazimnya dengan pengenalan yang dicuri atau palsu.                           | Permukaan yang interaktif. |
| <b>Sebar kandungan</b> seperti berkongsi dan meletakkan pautan.   | Menggunakan bots untuk membantu.                                             | Bot.                       |
| <b>‘Sunting’ kandungan:</b> ubah/ betulkan, kumpul dan uruskan.   | Menggodam dan bermain.                                                       | Algoritma.                 |

Jadual: Kerangka untuk tahap toksik – bagaimana integriti maklumat boleh dicemarkan.

(Sumber: Berger, G., 2017. Diakses melalui [https://en.unesco.org/sites/default/files/fake\\_news\\_berger.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/fake_news_berger.pdf) pada 22/04/2018)

Tapak yang menularkan cerita Paus yang menyokong calon presiden Donald Trump adalah antara contoh yang diketahui ramai<sup>19</sup>. Hal ini merupakan satu kajian kes yang sesuai digunakan untuk membincangkan fasa berbeza dalam ‘kecelaruan maklumat’ (Lihat Rajah 3).



**Rajah 3: Fasa dalam ‘kecelaruan maklumat’**



## Matlamat Modul

- Untuk menjadi pengguna yang lebih teliti apabila melihat maklumat yang dijumpai dalam talian, dengan berfikir tentang spektrum disinformasi dan misinformasi yang luas.
- Untuk berfikir secara kritis tentang individu (lazimnya orang yang tidak dikenali atau yang menyamar) yang mencipta maklumat sedemikian, format, cara diinterpretasi dan cara disebar.
- Untuk memahami kekompleksan ‘kecelaruan maklumat’, terutamanya kebolehan untuk membezakan antara mereka yang mencipta maklumat, format yang digunakan dan cara khalayak mungkin berkongsi mesej tersebut.

19. WTOE5News (2016). *Pope Francis Shocks World, Endorses Donald Trump for President, Releases Statement*. [dalam talian]. Didapati di <https://web.archive.org/web/20161115024211/http://wtoe5news.com/us-election/pope-francis-shocks-world-endorses-donald-trump-for-president-releases-statement/> [diakses pada 06/04/2018].

- ▶ Untuk memikirkan kesusahan menghadapi cabaran disinformasi dan misinformasi.
- ▶ Untuk melihat isu cara ‘kecelaruan maklumat’ memberikan kesan kepada demokrasi dan masyarakat terbuka – subjek dalam modul sebelum ini.



## Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, peserta sepatutnya boleh:

1. Menghargai cara topik ini dibincangkan dan dibentuk oleh ahli politik, media berita dan ahli akademik.
2. Memahami bagaimanakah kemudaratan dan kepalsuan sebagai satu cara untuk seseorang berfikir tentang ‘kecelaruan maklumat’.
3. Memahami jenis misinformasi dan disinformasi dan, mengaplikasikannya pada contoh lain.
4. Berfikir secara kritis tentang contoh disinformasi, dan memerihalkannya kepada individu yang menciptanya, rupa bentuk mesej dan cara yang mungkin diterjemahkan oleh audiens.
5. Menerangkan kepada seseorang tentang pentingnya memikirkan isu ini dengan teliti.



## Format Modul

Kuliah Teoretikal dan Bengkel Praktikal:

Slaid modul<sup>20</sup> ini direka bentuk untuk menjadi alat bantu mengajar bagi bengkel interaktif berdurasi panjang.

Namun, untuk tujuan kurikulum ini, teks di atas dicadangkan untuk menjadi asas bagi kuliah teoretikal. Latihan praktikal yang terkandung dalam slaid telah diekstrak untuk tutorial berdurasi 90 minit. Pendidik boleh menggunakan slaid, dan soalan perbincangan dan latihan yang terkandung di dalamnya.

20. Slaid boleh dimuat turun melalui [https://en.unesco.org/sites/default/files/fake\\_news\\_syllabus\\_-\\_model\\_course\\_1\\_-\\_slide\\_deck.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/fake_news_syllabus_-_model_course_1_-_slide_deck.pdf).

**Latihan 1:** Lihat Rajah 4 di bawah yang menerangkan tujuh jenis disinformasi dan misinformasi. Dalam kumpulan kecil atau bersama-sama pasangan, berikan contoh yang sesuai bagi kategori tersebut.



Rajah 4 Tujuh kategori ‘kecelaruan maklumat’. (Sumber: firstdraftnews.org)

**Latihan 2:** Lihat gambar rajah Venn (Rajah 1) yang menerangkan perbezaan antara misinformasi, disinformasi dan mal-informasi. Adakah anda bersetuju dengan penerangan tersebut? Adakah sesuatu yang sepatutnya turut ada dalam penerangan tersebut? Adakah anda ingin mempersoalkan apa-apa?

**Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran**

**A. Teoretikal**

| Kuliah                                                                                                                                 | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Pembentangan dan perbincangan di dalam kelas: Berkongsi pengetahuan tentang kes terkini berkaitan dengan disinformasi dan misinformasi | 90 minit   | 1                  |

## B. Praktikal

| Kuliah                                                                                                                                                                                                                                                                     | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Latihan 1: Lihat Rajah 4, yang menerangkan perbezaan disinformasi dan misinformasi, dan dalam kumpulan kecil atau secara berpasangan, cari contoh yang sesuai untuk kategori tersebut.                                                                                     | 45 minit   | 2                  |
| Latihan 2: Lihat Rajah 1 yang menerangkan perbezaan antara misinformasi, disinformasi dengan mal-informasi. Adakah anda bersetuju dengan penerangan tersebut? Apakah perkara yang sepatutnya turut ada dalam penerangan tersebut? Adakah anda ingin mempersoalkan apa-apa? | 45 minit   | 3                  |



### Tugasan yang Dicapangkan

Cipta satu papan cerita untuk sebuah video yang boleh digunakan oleh syarikat media sosial untuk suapan berita bagi mengajar pengguna tentang perkara yang perlu diteliti semasa menggunakan maklumat di tapak tersebut. Peserta boleh memasukkan contoh disinformasi dan misinformasi yang dibincangkan untuk modul ini bagi menekankan risiko 'like' dan kongsi, dan komen pada hantaran yang mereka tidak pasti sama ada benar atau tidak. Alat mudah untuk mereka bentuk papan cerita boleh didapati melalui <http://www.storyboardthat.com/>



### Bahan Bacaan

Slaid: [https://en.unesco.org/sites/default/files/fake\\_news\\_syllabus\\_-\\_model\\_course\\_1\\_-\\_slide\\_deck.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/fake_news_syllabus_-_model_course_1_-_slide_deck.pdf)



## Bahan Bacaan

- Berger, G., 2017. "Fake News and the Future of Professional and Ethical Journalism". Kertas kerja dalam Digital Europe Working Group Conference of the European Parliament anjuran Joint Extremism pada 6 September 2017. Didapati di [https://en.unesco.org/sites/default/files/fake\\_news\\_berger.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/fake_news_berger.pdf).
- Busby, M.I. Khan dan E. Watling, 2017. "Types of Misinformation during the UK Election" dlm. *First Draft News*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/misinfo-types-uk-election/>.
- Guy, H., 2017. "Why We Need to Understand Misinformation through Visuals" dlm. *First Draft News*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/understanding-visual-misinfo/>.
- Karlova, N.A. dan Fisher, K.E., 2012. "'Plz RT': A Social Diffusion Model of Misinformation and Disinformation for Understanding Human Information Behaviour" dlm. *Prosiding ISIC 2012* (Tokyo). Didapati di [https://www.hastac.org/sites/default/files/documents/karlova\\_12\\_isic\\_misdismodel.pdf](https://www.hastac.org/sites/default/files/documents/karlova_12_isic_misdismodel.pdf).
- Silverman, C., 2017. "This is How your Hyperpartisan Political News Get Made" dlm. *BuzzFeed News*. Didapati di <https://www.buzzfeed.com/craigsilverman/how-the-hyperpartisan-sausage-is-made?>
- Wardle, C. dan H. Derakhshan, 2017. *Information Disorder: Towards an Interdisciplinary Framework for Research and Policy-Making*. Council of Europe. Didapati di <https://firstdraftnews.com/resource/coe-report/>.
- Wardle, C. dan H. Derakhshan, 2017. "One Year on, We're Still Not Recognizing the Complexity of Information Disorder Online" dlm. *First Draft News*. Didapati di [https://firstdraftnews.org/coe\\_infodisorder/](https://firstdraftnews.org/coe_infodisorder/).
- Zuckerman, E., 2017. "Stop Saying Fake News, It's Not Helping" dlm. *My Heart's in Accra*. Didapati di <http://www.ethanzuckerman.com/blog/2017/01/30/stop-saying-fake-news-its-not-helping/>.

# PERUBAHAN INDUSTRI BERITA: TEKNOLOGI DIGITAL, PLATFORM SOSIAL DAN PENYEBARAN MISINFORMASI DAN DISINFORMASI

*Julie Posetti*



---

## MODUL 3

---



## Sinopsis

Era digital dianggap sebagai zaman keemasan bagi kewartawanan.<sup>1</sup> Era digital sememangnya memberikan akses kepada data penting yang membawa kepada keulungan kewartawanan penyiasatan<sup>2</sup>, model baharu pelaporan gabungan rentas sempadan dan akses kepada ilmu dan sumber, dengan hanya satu klik pada peranti tetikus. Ia juga memberikan satu cabaran berterusan dan memperlihatkan pertukaran struktur dalam industri berita. Bidang kewartawanan sedang menghadapi masalah yang besar,<sup>3</sup> mendepani ribut virtual daripada gabungan tekanan yang menyuap kecelaruan maklumat<sup>4</sup>. Hal ini termasuklah:

- ▶ Peningkatan propaganda berkomputer<sup>5</sup> dan menggunakan 'ketidakpercayaan sebagai senjata'.<sup>6</sup>
- ▶ Gangguan digital terhadap periklanan, yang menyebabkan runtuhnya model perniagaan tradisional untuk penerbitan berita, dan pengangguran besar-besaran.
- ▶ Kegagalan periklanan digital untuk memberikan sokongan kepada kewartawanan untuk menggantikan periklanan bercetak (Google dan Facebook ialah pengaut utama keuntungan untuk penjualan iklan digital).<sup>7</sup>
- ▶ Konvergen digital yang mengubah cara pembahagian tugas untuk penghasilan kandungan, produksi, penerbitan dan sebaran, yang meningkatkan tekanan untuk menemukan tarikh ajal, serta menyebabkan mereka yang terlibat kehilangan kerja.
- ▶ Ancaman secara dalam talian yang disasarkan kepada wartawan (terutamanya wanita), sumber mereka dan khalayak.<sup>8</sup>

1. Posetti, J. (2017). *Protecting Journalism Sources in the Digital Age* UNESCO, Paris. p. 104 <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002480/248054E.pdf> [diakses pada 01/04/2018]. (Memetik Pengarah ICIJ, Gerard Ryle).

2. Obermayer, B. & Obermaier, F. (2016). *The Panama Papers: Breaking the Story of How the Rich and Powerful Hide Their Money*. London: One World.

3. UNESCO (2018). *World Trends in Freedom of Expression and Media Development 2017/2018*. UNESCO, Paris. <http://unesdoc.unesco.org/images/0025/002597/259756e.pdf> [diakses pada 29/03/2018].

4. Wardle, C. & Derakhshan, H. (2017). *Council of Europe, Op Cit*. Nota: rakaman video perbincangan panel di Festival Kewartawanan Antarabangsa 2018, yang diadakan oleh pengarang bab ini, adalah sumber yang boleh digunakan oleh jurulatih untuk membincangkan modul ini. <https://www.journalismfestival.com/programme/2018/journalisms-perfect-storm-confronting-rising-global-threats-from-fake-news-to-censorship-surveillance-and-the-killing-of-journalists-with-impunity>.

5. Clarke, R. & Gyemisi, B. (2017). *Digging Up Facts about Fake News: The Computational Propaganda Project*. OECD. <http://www.oecd.org/governance/digging-up-facts-about-fake-news-the-computational-propaganda-project.htm> [diakses pada 01/04/2018].

6. UNESCO (2017). *States and Journalists Can Take Steps to Counter 'Fake News'*. UNESCO, Paris. <https://en.unesco.org/news/states-and-journalists-can-take-steps-counter-fake-news> [diakses pada 29/03/2018].

7. Kollwe, J. (2017). *Google and Facebook Bring in One-Fifth of Global Ad Revenue* The Guardian, 2 Mei 2017. <https://www.theguardian.com/media/2017/may/02/google-and-facebook-bring-in-one-fifth-of-global-ad-revenue> [diakses pada 29/03/2018].

8. Lihat Modul Tujuh.

- ▶ Platform media sosial yang menempatkan khlayak di hadapan dalam penemuan dan penyebaran<sup>9</sup>, dan menjadikan mereka rakan usaha sama dalam produksi berita (yang menawarkan banyak faedah tetapi menyahstabilkan legasi kuasa pengampang berita dan memberikan kesan kepada standard penentusahan<sup>10</sup>).
- ▶ Jangkaan khlayak terhadap berita ‘berdasarkan permintaan’, penyampaian bergerak dan keterlibatan ‘masa nyata’ di media sosial meningkatkan tekanan para profesional yang menghasilkan berita untuk berhadapan dengan sumber yang sedikit dalam putaran berita yang tidak akan berakhir.
- ▶ Apabila halangan untuk menerbitkan tidak wujud, penerbit berita terpaksa berusaha untuk memaut khlayak, memperkasakan sesiapa atau sebarang entiti untuk menghasilkan kandungan, memintas pengampang tradisional, dan bersaing untuk mendapatkan perhatian – termasuk ahli politik yang cuba untuk merendahkan kredibiliti laporan berita yang kritis.<sup>11</sup>
- ▶ Impak dan keuntungan terhadap buat kebanyakan media digital ‘start ups’, yang memenuhi kekosongan yang tercipta akibat kegagalan akhbar.
- ▶ Terhakisnya kepercayaan terhadap kewartawanan dan organisasi media arus perdana, sekali gus melenyapkan khlayak dan mengurangkan keuntungan sedia ada, serta menyebabkan tersebarinya ‘kecelaruan maklumat’.

Hasilnya, garisan yang membezakan antara fakta, hiburan, iklan, sesuatu yang direka dan fiksi semakin kabur. Dan, apabila disinformasi dan misinformasi diterbitkan, sistem penyebarannya yang bergantung pada perkongsian sesama rakan sebaya, yang lazimnya menyebabkan kandungan tersebut tular, membuatkan disinformasi dan misinformasi ini susah untuk ditarik baik, walaupun wartawan dan penyemak fakta lain berjaya membuktikan perkara tersebut tidak benar.

Modul ini akan menjelaskan kepada peserta tentang era digital yang menyaksikan keruntuhan kebanyakan model perniagaan komersial media berita, dan gabungan antara perubahan digital dengan kepesatan penggunaan media sosial, membenarkan penularan disinformasi dan misinformasi<sup>12</sup>. Modul ini juga akan membantu peserta untuk menganalisis maklum balas media terhadap ‘kecelaruan maklumat’ secara kritis.

9. Nielsen, R.K. & Schroeder, C.K. (2014). *The Relative Importance of Social Media for Accessing, Finding and Engaging with News* dalam *Digital Journalism*, 2(4): <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/21670811.2013.872420> [diakses pada 29/03/2018].

10. Posetti, J. & Silverman, C. (2014). “When Good People Share Bad Things: The Basics of Social Media Verification” dlm. Posetti (peny.), *Trends in Newsrooms 2014* (WAN-IFRA, Paris). [http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field\\_media\\_image\\_file\\_attach/WAN-IFRA\\_Trends\\_Newsrooms\\_2014.pdf](http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field_media_image_file_attach/WAN-IFRA_Trends_Newsrooms_2014.pdf) [diakses pada 29/03/2018].

11. Cadwalladr, C. (2017). *Trump, Assange, Bannon, Farage... Bound Together in An Unholy Alliance*, The Guardian, 28 Oktober 2017. <https://www.theguardian.com/commentisfree/2017/oct/28/trump-assange-bannon-farage-bound-together-in-unholy-alliance> [diakses pada 29/03/2018].

12. Posetti, J. & Silverman, C. (2014). *op cit*

Di samping itu, modul ini juga akan menghuraikan kepada peserta tentang amalan terbaik industri yang timbul, untuk menghadapi masalah ini.



## **Garis Panduan**

### **Perbincangan isu**

---

#### ***Struktur penyebab ‘kecelaruan maklumat’ yang memberikan kesan kepada industri berita***

##### **i. Meruntuhkan model perniagaan tradisional**

Pengurangan keuntungan daripada periklanan tradisional secara mendadak – dana yang menanggung bidang kewartawanan komersial selama lebih daripada dua abad – dan kegagalan periklanan digital untuk menghasilkan keuntungan yang cukup, telah membuatkan pelbagai eksperimen direka bentuk untuk menjamin perniagaan kewartawanan kekal. Namun, keruntuhan industri berita menjadi semakin mendadak dengan turunnya penghasilan akhbar, penstrukturan semula syarikat dan pemberhentian kerja ialah putaran biasa di dalam bilik berita era digital. Perubahan sikap pengguna dan kepesatan media sosial, di samping kehadiran peranti telefon mudah alih yang mampu milik turut menyaksikan khalayak keluar dari kepompong penggunaan produk berita tradisional kepada perkongsian maklumat sesama sendiri dan keadaan ini memberikan kesan terhadap keuntungan yang dikutip oleh syarikat media.

Kesan yang berkaitan dengan ‘kecelaruan maklumat’ termasuklah:

- ▶ Pengurangan sumber di bilik berita (kakitangan dan perbelanjaan), yang menyebabkan sumber dan maklumat tidak diteliti, dan mengurangkan pelaporan dari lapangan.
- ▶ Tekanan untuk menepati tarikh akhir, kurangnya kawalan kualiti terhadap proses dan kehilangan pekerja, sementara permintaan masih berterusan untuk menghasilkan kandungan untuk menyuap tapak web dan rangkaian media sosial.

- ▶ Kurangnya masa dan sumber untuk 'sekat dan imbang' (termasuk semakan fakta dan mensubedit).
- ▶ Kerbergantungan terhadap 'periklanan natif'<sup>13</sup>, yang susah untuk dibezakan, dan umpan klik yang berisiko membuatkan khalayak kurang percaya kepada media.

## ii. Transformasi digital bilik berita dan penceritaan

Dekad 2000, iaitu apabila berlakunya era digital yang mengegarkan dunia media<sup>14</sup>, dan mengubah corak, serta proses penghasilan berita, pengedaran dan bentuk penggunaannya. Keadaan ini membuka peluang dan cabaran sekali gus. Perubahan digital industri berita dan kemahiran kewartawanan boleh difahami sebagai suatu proses yang dipandu oleh perubahan sikap pengguna (cth: penyebaran kandungan sesama sendiri, akses berdasarkan permintaan) dan teknologi (seperti kepesatan platform media sosial, kehadiran realiti maya, kecerdasan buatan dan peningkatan akses melalui telefon pintar).<sup>15</sup> Oleh itu, terdapat suatu keperluan untuk membangunkan kemahiran digital secara berterusan.

Antara kesannya yang relevan dengan 'kecelaruan maklumat' termasuklah:

- ▶ Tumpuan media: ramai wartawan ditugaskan untuk menghasilkan kandungan bagi beberapa platform (dari 'mobile' ke cetak), yang mengurangkan masa untuk pelaporan secara proaktif dilakukan. Hal ini jauh berbeza daripada mod reaktif seperti penghasilan semula kandungan yang diberikan oleh syarikat perhubungan awam tanpa penelitian.
- ▶ Wartawan perlu mensubedit dan menerbitkan kandungan sendiri tanpa pemeriksaan yang sewajarnya.<sup>16</sup>
- ▶ Tarikh akhir untuk kandungan digital ialah sekarang dan keadaan ini meningkatkan risiko melakukan kesilapan.
- ▶ Penerbitan di ruang sosial didahulukan, apabila wartawan lazimnya akan memuat naik cerita di akaun peribadi atau akaun syarikat untuk memenuhi

13. 'Peiklanan Natif' ialah istilah yang digunakan oleh industri media untuk kandungan berbayar yang dibuat seperti laporan berita. Ia dianggap beretika jika label 'berbayar' diletakkan, tetapi kekhuatiran untuk kehilangan pembaca telah menyebabkan kurangnya ketelusan dalam beberapa kes.

14. Nielsen, R.K. (2012). *The Ten Years That Shook the Media World: Big Questions and Big Trends in International Media Developments* (Reuters Institute for the Study of Journalism, Oxford). [https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-09/Nielsen%20-%20Ten%20Years%20that%20Shook%20the%20Media\\_o.pdf](https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-09/Nielsen%20-%20Ten%20Years%20that%20Shook%20the%20Media_o.pdf) [diakses pada 29/03/2018].

15. Untuk analisis global secara mendalam tentang tren media digital, lihat Reuters Institute for the Study of Journalism's (RISJ) *Digital News Report*. Edisi 2018 boleh didapati di: <http://www.digitalnewsreport.org/survey/2018/overview-key-findings-2018/>.

16. Lihat kajian kes Australian Community Media (ACM): Robin, M. (2014). *Who Needs Subs? Fairfax Turns to Reporter-Only Model Crikey*. <https://www.crikey.com.au/2014/10/16/who-needs-subs-fairfax-turns-to-reporter-only-model/> [diakses pada 29/03/2018]. (Nota: kaedah ini terkandung dalam penerbitan daerah, pedalaman dan komuniti).

kehendak khalayak yang mahukan berita berdasarkan permintaan. Amalan ini termasuklah sembang Twitter secara langsung, video secara langsung Facebook, dan amalan kewartawanan lain yang tidak semestinya melibatkan pengawasan editorial (seperti siaran secara langsung) yang mendorong berlakunya pemikiran “terbit dahulu, semak kemudian”.

- ▶ Kebergantungan terhadap analisis data asas yang memfokuskan jumlah artikel yang diklik dan pelawat tapak web unik, dan bukannya “masa yang diberikan untuk tumpuan” dan “masa yang digunakan” (penanda aras yang lebih sesuai untuk kewartawanan berkualiti dan berbentuk panjang) untuk memberikan justifikasi terhadap harga iklan digital yang sememangnya sudah rendah.
- ▶ Amalan umpan klik (tajuk berita yang mengelirukan untuk memikat pembaca agar mengklik pautan) untuk meningkatkan trafik tetapi telah dikaitkan dengan penghakisan kepercayaan terhadap sifat profesional wartawan.
- ▶ Mengutamakan berita tular walaupun ia mungkin merendahkan kualiti dan ketepatan. Masalah ini, besar kemungkinan, diburukkan lagi oleh “pembelajaran seperti mesin”.
- ▶ Peningkatan unit semakan fakta di bilik berita, dan sebagai output kepada projek pembangunan media.

### iii. Tular: Bagaimanakah disinformasi tersebar dengan cepat dalam ekosistem baharu berita

#### (a) *Meningkatnya peranan khalayak*

Era digital melenyapkan sebarang halangan untuk menerbitkan<sup>17</sup> dan menandakan “perubahan alat penerbitan kepada mereka yang dahulunya dikenali sebagai khalayak,”<sup>18</sup> yang kini menjadi penerbit bersama kandungan, termasuk berita – suatu fungsi dan amalan yang dijelaskan sebagai ‘produsage’<sup>19</sup>. Pada mulanya, khalayak dikumpulkan melalui e-mel dan bilik bual sebelum platform media meningkatkan capaian mereka secara dramatik.

#### (b) *Kemunculan media sosial*

Di kebanyakan negara, pada akhir tahun 2000-an, Twitter dan Facebook menyertai Youtube sebagai tulang belakang media sosial, mempengaruhi

17. Gillmor, D. (2004). *We, the Media: Grassroots Journalism by the People, For the People* (O'Reilly). <http://www.authorama.com/we-the-media-8.html> [diakses pada 29/03/2018].

18. Rosen, J. (2006). *The People Formerly Known as the Audience*, PressThink Blog (27 Jun, 2006). [http://archive.pressthink.org/2006/06/27/ppl\\_frmr.html](http://archive.pressthink.org/2006/06/27/ppl_frmr.html) [diakses pada 29/03/2018].

19. Bruns, A. (2008). *Blogs, Wikipedia, Second Life, and Beyond: From Production to Produsage*. Peter Lang, New York. Sila lihat: Bruns, A. (2006), *Collaborative Online News Production*. Peter Lang, New York.

amalan dan identiti profesional wartawan (terutamanya yang berkaitan dengan penentusahan, keterlibatan khalayak dan pertempuran antara lingkungan awam dan peribadi yang berlaku di platform sosial<sup>20</sup>), dan penyebaran kandungan. Apabila kepercayaan menjadi asas kepada pembentukan rangkaian bagi individu, tindakan penyebaran kandungan sesama mereka yang berada dalam rangkaian tersebut (terutamanya di Facebook) dilihat sebagai mula mencabar kaedah tradisional penyebaran maklumat.

Pengguna mengumpul sendiri aliran kandungan – termasuk daripada perkhidmatan berita, wartawan dan penyedia maklumat yang boleh diharap – tanpa perantara. Akibatnya, penyebaran kandungan melalui ‘rangkaiannya kepercayaan’ (pengguna dan sesama sendiri), kandungan tidak tepat, palsu, fitnah dan propaganda yang dibuat seolah-olah seperti berita, semakin banyak dihasilkan. Penyelidik mendapati kandungan berbentuk emosi dan kandungan yang dikongsi oleh rakan atau ahli keluarga lebih kerap dikongsi semula di media sosial<sup>21</sup>.

Apabila wartawan dan organisasi media terlibat dalam platform ini dengan tujuan untuk mengumpul berita, keterlibatan dengan khalayak dan penyebaran kandungan (mereka perlu berada di ruang yang khalayaknya aktif), ‘buih tapisan’<sup>22</sup> dan ‘ruang gema’<sup>23</sup> terbentuk (walaupun ia mungkin tidak begitu kalis bunyi seperti yang dicadangkan). Keadaan ini mengurangkan pendedahan individu kepada pandangan alternatif dan maklumat yang ditentusahkan. Perkembangan ini meningkatkan risiko yang berkaitan dengan ‘kecelaruan maklumat’.

Antara kelebihan kepada kewartawan yang melibatkan khalayak termasuklah keupayaan untuk mendapatkan lebih banyak sumber, berusaha untuk sama-sama membuat penentusahan<sup>24</sup> (berguna untuk membetulkan misinformasi, menyangkal disinformasi dan menegur mereka yang berniat jahat), dan membina khalayak yang setia (disokong oleh keterlibatan secara langsung antara mereka yang berada dalam bidang kewartawanan dan pengguna).<sup>25</sup> Mereka juga memperkasakan khalayak untuk ‘bercakap’ agar kesalahan yang dibuat oleh wartawan boleh dibetulkan, atau menjadi

20. Posetti, J. (2009). *Transforming Journalism...140 Characters at a Time* Rhodes Journalism Review 29, September 2009. [http://www.rjr.ru.ac.za/rjrpdf/rjr\\_no29/Transforming\\_Journ.pdf](http://www.rjr.ru.ac.za/rjrpdf/rjr_no29/Transforming_Journ.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
21. Bakir, V. & McStay, A. (2017) *Fake News and the Economy of Emotions Digital Journalism* (Taylor and Francis) Julai, 2017. <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/21670811.2017.1345645> [diakses pada 29/03/2018].
22. Nota: Penapis buih ialah ruang yang didiami oleh individu berfikir sama, hasil daripada algoritma yang menyediakan kandungan yang ditentukan khas buat pengguna c.f. Pariser, E. (2012). *The Filter Bubble*. New York: Penguin dan Random House.
23. ‘Ruang gema’ merujuk kesan pengesahan bias oleh individu yang mempunyai pemikiran yang sama di platform media sosial dan Modul 5 mempunyai penerangan lanjut tentang pengesahan bias.
24. Garcia de Torres, E. (2017). “The Social Reporter in Action: An Analysis of the Practice and Discourse of Andy Carvin” dlm. *Journalism Practice*, 11(2–3). <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/2017512786.2016.1245110> [diakses pada 29/03/2018].
25. Posetti, J. (2010). *Aussie #Spill Breaks Down Barriers between Journalists, Audience* PBS Mediashift, 24 Mei 2010. <http://mediashift.org/2010/05/aussie-spill-breaks-down-wall-between-journalists-audience144/> [diakses pada 29/03/2018].

penyumbang bersama kepada penyelidikan. Rangkaian lingkungan awam ini turut membantu wartawan dan khalayak memintas kekangan dan penapisan (cth: lapisan 'pemutar cerita') yang boeh mengongkong akses kepada maklumat dan masyarakat terbuka.

Keterlibatan wartawan dengan khalayak dan sumber maklumat melalui saluran media sosial boleh juga dijadikan ciri baharu dalam kerangka kebertanggungjawapan yang boleh membantu pengaturan sendiri. Interaksi tersebut membenarkan wartawan untuk memberikan secara terbuka dan cepat terhadap kritikan tentang kerja mereka, membetulkan kesalahan berserta maklum balas serta-merta, dan meningkatkan ketelusan amalan mereka dengan membuat 'kandungan melalui proses'<sup>26</sup> tersebut.

Antara kelemahannya termasuklah:

- ▶ Berkemungkinan besar berlakunya peningkatan penularan disinformasi dan misinformasi kerana penyebarannya diperkuat oleh 'rangkaiannya kepercayaan'<sup>27</sup> dan reaksi yang dipengaruhi oleh emosi (cth: tercetus akibat pengesahan bias). (Lihat Modul 5)
- ▶ Kerajaan dan agensi lain boleh mengelak daripada diperhatikan dan dipersoalkan oleh media berita dan ditentusahkan jika berhubung secara terus dengan khalayak. Terdapat bukti penambahan manipulasi melalui kuasa media sosial oleh mereka yang ingin mempengaruhi keputusan pilihan raya dan polisi awam.<sup>28</sup>
- ▶ Maklumat sensasi berkecenderungan besar untuk dikongsi.<sup>29</sup>
- ▶ Kesukaran untuk menarik balik atau membetulkan disinformasi dan misinformasi apabila ditularkan – laporan yang menyangkal kepalsuan dan mendedahkan kebenaran tidak boleh menghapuskan kesan cerita yang direka bentuk, meme kejam, video propaganda yang dibuat menyerupai berita, atau kesalahan laporan disebabkan kegagalan untuk membuat penentusahan.

26. Posetti, J. (2013). "The 'Twitterisation' of Investigative Journalism" dlm. S., Tanner & N., Richardson (eds.), *Journalism Research and Investigation in a Digital World* (pp. 88 – 100): Oxford University Press. Didapati di <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=2765&context=lnpapers>.

27. 'Rangkaian kepercayaan' ialah rangkaian individu yang berkongsi maklumat dalam talian berasaskan hubungan berdasarkan kepercayaan (cth: keluarga dan kumpulan rakan) tanpa perantara, sesama sendiri. Penyelidikan menyatakan bahawa pengguna media sosial berkecenderungan untuk berkongsi maklumat yang diperoleh daripada 'rangkaiannya kepercayaan' meskipun ia mungkin tidak tepat atau ditentusahkan.

28. Freedom House (2017). *Freedom of the Net 2017: Manipulating Social Media to Undermine Democracy* Freedom House. <https://freedomhouse.org/report/freedom-net/freedom-net-2017> [diakses pada 29/03/2018]. Sila lihat Cadwalladr, C. (2018). I Made Steve Bannon's Psychological Warfare Tool: Meet the Data War Whistleblower, *The Guardian/Observer*: <https://www.theguardian.com/news/2018/mar/2017/data-war-whistleblower-christopher-wylie-faceook-nix-bannon-trump> [diakses pada 31/03/2018].

29. Kalsnes, B. & Larsson, O.A. (2017). "Understanding News Sharing across Social Media: Detailing Distribution on Facebook and Twitter" dlm. *Journalism Studies* (Taylor and Francis) Mac, 2017. <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/1461670X.2017.1297686?scroll=top&needAccess=true&journalCode=rjoszo> [diakses pada 29/03/2018].

- ▶ Permintaan untuk membuat siaran secepat mungkin di platform sosial boleh menyebabkan berlakunya perkongsian misinformasi dan disinformasi atau bahan daripada sumber palsu.<sup>30</sup>
- ▶ Tahap literasi media dan informasi, serta kemahiran untuk menentusahkan dalam masyarakat, yang rendah. Hal ini bermakna, dalam kebanyakan kes, pengguna media sosial tidak berkemampuan untuk menentukan kesahihan kandungan sebelum membuat perkongsian.
- ▶ Risiko negara memandang rendah terhadap kebebasan bersuara melalui penapisan yang tidak boleh dijustifikasikan dan penutupan sebagai maklum balas kepada masalah yang mendesak yang tersenarai di atas.
- ▶ Pembangunan ‘tapisan buih’ yang secara teoretikalnya mengesahkan bias dan mengurangkan pendedahan kepada maklumat berkualiti yang ditentusahkan.
- ▶ Risiko amalan kualiti kewartawanan yang lemah yang mengurangkan rasa hormat khlayak terhadap bidang kerja tersebut dan memberikan ‘kebenaran’ menyerang media berita oleh mereka yang hendak membuatkan pengkritik senyap.
- ▶ Risiko khlayak akan keliru tentang perkara yang boleh dianggap sebagai berita dan perbezaannya daripada disinformasi yang dibuat seolah-olah seperti berita.<sup>31</sup>
- ▶ Bilik berita yang tidak bersedia untuk menghadapi disinformasi dan keperluan pasukan editorial media sosial untuk mengemas kini strategi agar dapat menghadapi masalah tersebut.<sup>32</sup>

### (c) *Meningkatnya peranan platform*

Ketua Pengarang Guardian, Katherine Viner menyatakan bahawa “Facebook menjadi penerbit yang paling kaya dan berpengaruh dalam sejarah melalui penggantian penyunting kepada algoritma.”<sup>33</sup> Platform sosial digelar sebagai ‘pengampang baharu’<sup>34</sup> walaupun hakikatnya mereka tidak mahu bertanggungjawab terhadap sebarang kealpaan yang melibatkan penerbitan

30. Posetti, J. (2009). *Rules of Engagement for Journalists on Twitter* PBS Mediashift, 19 Jun 2009. <http://mediashift.org/2009/06/rules-of-engagement-for-journalists-on-twitter170/> [diakses pada 29/03/2018].

31. Nielsen, R.K. & Graves, L. (2017). “News You Don’t Believe”: Audience Perspectives on Fake News Reuters Institute for the Study of Journalism Factsheet (RISJ, Oxford). [https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-10/Nielsen%26Graves\\_factsheet\\_1710v3\\_FINAL\\_download.pdf](https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-10/Nielsen%26Graves_factsheet_1710v3_FINAL_download.pdf) [diakses pada 29/03/2018].

32. Elizabeth, J. (2017) *After a Decade, It’s Time to Reinvent Social Media in Newsrooms*, American Press Institute <https://www.americanpressinstitute.org/publications/reports/strategy-studies/reinventing-social-media/single-page/> [diakses pada 29/03/2018].

33. Viner, K. (2017). “A Mission for Journalism in A Time of Crisis” dlm. *The Guardian*, 17 November 2017. <https://www.theguardian.com/news/2017/nov/16/a-mission-for-journalism-in-a-time-of-crisis> [diakses pada 29/03/2018].

34. Bell, E. & Owen, T. (2017). “The Platform Press: How Silicon Valley Reengineered” dlm. *Journalism Tow Center for Digital Journalism*. [https://www.cjr.org/tow\\_center\\_reports/platform-press-how-silicon-valley-reengineered-journalism.php](https://www.cjr.org/tow_center_reports/platform-press-how-silicon-valley-reengineered-journalism.php) [diakses pada 29/03/2018].

tradisional – termasuk penentusahan dan kurasi – walaupun membuat keputusan untuk menapis kandungan yang secara tidak langsung menjejaskan kebebasan media.<sup>35</sup> Usaha platform tersebut untuk menghadapi masalah misinformasi dan disinformasi berubah dengan cepat tetapi rintangannya untuk (a) memberikan maklum balas yang berpatutan, dalam skala global, dan (b) bertanggungjawab terhadap impak sosial dan demokratik, seperti penerbit, memberikan risiko untuk mereka digunakan sebagai kilang ‘kecelaruan maklumat’ dan deraan dalam talian.

Fungsi algoritma Facebook dalam penyebaran berita, terutamanya di negara membangun diperhatikan sejak tahun 2016<sup>37</sup>, khususnya dalam konteks propaganda berkomputer, yang memberikan kesan pelbagai platform media sosial terbuka.<sup>38</sup> Namun, setelah memberikan komitmen dan mengambil tindakan bersama-sama organisasi berita dan ahli akademik dalam bidang kewartawanan untuk menghadapi krisis tersebut, termasuk tindakan untuk mengenal pasti kandungan yang boleh dipercayai dan mendedahkan hantaran palsu dan mengelirukan, Facebook berundur secara dramatik daripada menjalankan fungsi tersebut pada Januari 2018.<sup>39</sup> Besar kemungkinan, anjakan daripada sistem media sosial terbuka kepada tertutup yang melibatkan khalayak akan berlaku dan keadaan ini akan diikuti oleh implikasi baharu terhadap penyebaran berita dan kualiti kewartawanan yang mampan. Selain itu, terdapat juga risiko akan terhasilnya ‘penapis buih’ dan penuluran disinformasi.<sup>40</sup> Hal ini termasuklah isu dengan algoritma enjin pencarian Google, yang diakui oleh syarikat tersebut pada awal tahun 2018, mempunyai kecenderungan untuk menguatkan pengesahan bias. Semasa modul ini ditulis, Google menyatakan bahawa mereka sedang berusaha untuk mengatasi masalah tersebut: “Lazimnya, terdapat pelbagai perspektif yang ditawarkan oleh penerbit dan kami ingin memberikan peluang kepada pengguna untuk melihat dan mengakses perspektif tersebut dari pelbagai sumber.”<sup>41</sup>

35. Hindustan Times (2016). *Facebook Says Will Learn from Mistake Over Vietnam Photo*. <http://www.hindustantimes.com/world-news/facebook-says-will-learn-from-mistake-over-vietnam-photo/story-kwmb3jX6lKgmwaIGZeKlyN.html> [diakses pada 29/03/2018].

36. Posetti, J. (2017). “Fighting Back Against Prolific Online Harassment” dlm. *The Conversation*, 29 Jun 2017, <https://theconversation.com/fighting-back-against-prolific-online-harassment-in-the-philippines-80271> [diakses pada 29/03/2018].

37. Finkel, Casey & Mazur (2018). *op cit*

38. Grimme, C., Preuss, M., Adam, L., & Trautmann, H. (2017). *Social Bots: Human-Like by Means of Human Control?*. Big Data 5(4) <http://comprop.oii.ox.ac.uk/publishing/academic-articles/social-bots-human-like-by-means-of-human-control/> [diakses pada 29/03/2018].

39. Wang, S., Schmidt, C. & Hazard, O.L. (2018). “Publishers Claim They’re Taking Facebook’s Newsfeed Changes in Their Stride - Is the Bloodletting Still to Come?” dlm. *NiemanLab*. <http://www.niemanlab.org/2018/01/publishers-claim-theyre-taking-facebooks-news-feed-changes-in-stride-is-the-bloodletting-still-to-come/> [diakses pada 29/03/2018].

40. Alaphillipe, A. (2018). “Facebook’s Newsfeed Changes are Probably Going to be Great for Fake News” dlm. *The Next Web*. <https://thenextweb.com/contributors/2018/01/2018/facebook-news-feed-changes-probably-going-great-fake-news/> [diakses pada 29/03/2018].

41. Hao, K. (2018). Google is Finally Admitting it has a Filter Bubble Problem” dlm. *Quartz*. <https://qz.com/1194566/google-is-finally-admitting-it-has-a-filter-bubble-problem/> [diakses pada 29/03/2018].

### Kesan ‘kecelaruan maklumat’ kepada kewartawanan dan industri berita:

- ▶ Penghakisan kepercayaan terhadap jenama berita, kewartawanan dan wartawan yang berkongsi maklumat tidak tepat, direka sendiri atau mengelirukan.
- ▶ Gabungan pelaporan berkualiti yang mengandungi disinformasi dan kandungan berbayar menyerupai berita yang tidak dilabelkan sewajarnya, meningkatkan ketidakpercayaan.
- ▶ Tekanan terhadap model perniagaan bidang kewartawanan – khalayak mungkin tidak lagi merujuk kepada berita semasa krisis kerana berpendapat mereka tidak akan menyajikan maklumat untuk kepentingan awam yang boleh dipercayai dan ditentusahkan. Kepercayaan tersebut mengetepikan kesetiaan kepada jenama – sesuatu yang perlu untuk membina sebarang model perniagaan berita yang mampan.
- ▶ Melemahkan peranan wartawan sebagai ejen yang bertanggungjawab (cth: melalui kewartawanan penyiasatan) yang memberikan kesan kepada masyarakat, umumnya.
- ▶ Tindakan keras (kadang-kala dianggap sebagai mempunyai justifikasi untuk menghapuskan ‘berita palsu’) yang mengetepikan kebebasan akhbar dan hak kebebasan bersuara, termasuk penutupan internet, menyekat platform dan membuat penapisan.
- ▶ Pembuat maklumat palsu yang berniat jahat menyasarkan wartawan (terutamanya wartawan wanita) dengan membuat gangguan dalam talian untuk menjatuhkan kredibiliti pelaporan kritis, termasuk cubaan untuk memerangkap wartawan untuk menyebarkan disinformasi dan misinformasi.<sup>42</sup>

### Menampilkan Amalan Industri: Bagaimanakah organisasi berita membuat laporan tentang ‘berita palsu’ dan menentang ‘kecelaruan maklumat’

Masalah dan risiko yang digariskan di atas memerlukan amalan berjaga-jaga, komitmen kepada etika, standard yang tinggi untuk pelaporan dan penentusahan (termasuk teknik penentusahan bersama) terhadap maklumat dan sumber, termasuk penyangkalan secara aktif, dan pelaporan kreatif tentang masalah tersebut.

Berikut adalah antara contoh usaha yang dilakukan oleh organisasi berita dan wartawan untuk membuat pelaporan, melibatkan khalayak dalam literasi berita dan menentang disinformasi:

42. Lihat analisis lengkap di Modul Tujuh.

- ▶ *The Guardian's* menggunakan *Instagram Stories* untuk menghentikan penyebaran berita palsu. Mereka juga menggunakan video pendek yang direka khas untuk menarik minat khalayak muda. <https://www.instagram.com/p/BRd25kQBb5N/> (Sila lihat: Kuiz interaktif 'Berita Palsu' *The Guardian* <https://www.theguardian.com/theguardian/2016/dec/28/can-you-spot-the-real-fake-news-story-quiz>).
- ▶ *Rappler* yang menggunakan kewartawanan penyiasatan dan analisis data raya untuk mendedahkan rangkaian 'boneka' bersifat propaganda yang memberikan kesan kepada sistem demokrasi di Filipina (<https://www.rappler.com/nation/148007-propaganda-war-weaponizing-internet>).
- ▶ *The New York Times* menggunakan pelaporan yang menjelaskan masalah melalui pendekatan kajian kes: <https://www.nytimes.com/2016/11/20/business/media/how-fake-news-spreads.html>.
- ▶ Komitmen *Columbia Journalism Review* dalam amalan analisis reflektif terhadap masalah tersebut: [https://www.cjr.org/analysis/how\\_fake\\_news\\_sites\\_frequently\\_trick\\_big-time\\_journalists.php](https://www.cjr.org/analysis/how_fake_news_sites_frequently_trick_big-time_journalists.php).
- ▶ Panduan yang disediakan oleh *Guardian Australia* untuk wartawan menghadapi penafian tentang perubahan iklim: <https://www.theguardian.com/environment/planet-oz/2016/nov/08/tough-choices-for-the-media-when-climate-science-deniers-are-elected>.
- ▶ Gabungan usaha untuk menyangkal misinformation antara wartawan dan ahli akademik Jepun semasa pilihan raya nasional 2017, yang dibuat berdasarkan kejayaan besar projek pemerhatian pilihan raya CrossCheck di Perancis, pada tahun yang sama: <http://www.niemanlab.org/2017/10/a-snap-election-and-global-worries-over-fake-news-spur-fact-checking-collaborations-in-japan/>
- ▶ Di Amerika Syarikat, Electionland ialah contoh menarik kerjasama yang melibatkan pendidik dalam bidang kewartawanan dan pelajar: <https://projects.propublica.org/electionland/>.<sup>43</sup>
- ▶ Liputan global penyiasatan tentang skandal Cambridge Analytica (melibatkan *The Observer* and *The Guardian*, Channel 4 News dan *The New York Times*) dan cara penyampaian cerita kompleks ini oleh *Vox Media* yang memperkasakan ilmu: a. <https://www.vox.com/policy-and-politics/2018/3/21/201714128/cambridge-analytica-trump-russia-Mueller>, b. <https://www.vox.com/policy-and-politics/2018/3/23/2017151916/facebook-cambridge-nalytica-trump-diagram>.

43. Nota penyunting: CrossCheck and Electionland adalah sebahagian daripada inisiatif sementara dalam bentuk usaha sama, untuk menyangkal disinformasi semasa pilihan raya. Usaha sama sedemikian, yang muncul secara tiba-tiba, ialah fenomena yang menggantikan ketiadaan atau kelemahan atau isolasi daripada penubuhan insituti yang menyemak fakta.

- ▶ *The Quint* menggunakan kuasa khalayak untuk menentang penyebaran disinformasi dalam WhatsApp di India, dan cara kreatif mereka mengumpulkan kandungan yang ditentusahkan dalam aplikasi: <https://www.thequint.com/neon/satire/whatsapp-indian-elections-and-fake-propaganda-satire><sup>44</sup>

Jurulatih digalakkan untuk memberikan contoh lain daripada kawasan yang didiami pelajar, yang menggunakan bahasa tempatan.

Turut berguna ialah strategi yang digariskan oleh Profesor Charlie Beckett untuk meningkatkan amalan kewartawanan beretika di era ‘berita palsu’.

Menurut beliau, wartawan sepatutnya:

- ▶ Berhubung – mudah dihubungi dan ada di semua platform.
- ▶ Pembantu – bantu pengguna untuk mencari kandungan yang bagus di mana-mana sahaja.
- ▶ Jadi relevan – menggunakan bahasa pengguna dan ‘mendengar’ secara kreatif.
- ▶ Jadi pakar – ada nilai, wawasan, pengalaman dan konteks.
- ▶ Bercakap benar – menyemak fakta, seimbang, dan tepat.
- ▶ Bersifat kemanusiaan – menunjukkan empati, diversiti dan bersifat konstruktif.
- ▶ Telus – mendedahkan sumber, bertanggungjawab dan membenarkan diri sendiri dikritik.



## Matlamat Modul

- ▶ Untuk menghasilkan pemahaman antara peserta tentang sebab struktural yang melemahkan industri berita dan juga kesan daripada dorongan disinformasi dan misinformasi.
- ▶ Untuk membolehkan peserta menganalisis maklum balas industri berita dan fenomena ‘kecelaruan maklumat’ secara kritis.
- ▶ Untuk memahami dan mengkritik peranan platform untuk membangunkan dan mengekalkan krisis disinformasi
- ▶ Untuk mempelajari amalan terbaik daripada wartawan dan organisasi berita yang memberikan maklum balas berkesan kepada krisis tersebut.

44. Nota: Untuk penyelidikan yang melihat peranan aplikasi perbualan dalam penyebaran disinformasi, lihat: Bradshaw, S. & Howard, P. (2018). *Challenging Truth and Trust: A Global Inventory of Organized Social Media Manipulation*. Working Paper 2018.1. Oxford, UK: Project on Computational Propaganda: <http://compprop.oii.ox.ac.uk/wp-content/uploads/sites/93/2018/07/ct2018.pdf> [diakses pada: 20/8/18].



## Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, peserta sepatutnya berupaya untuk:

1. Menilai secara kritis sebab struktural dan kesan umum tindakan media berita melaporkan dan menyebarkan disinformasi.
2. Memahami dan mengkritik peranan teknologi dan ‘pengampang baharu’ (cth: platform) dalam penularan disinformasi dan misinformasi yang disampaikan seperti berita.
3. Mengenal pasti amalan terbaik dalam industri berita untuk ‘menangkap’ dan memerangi disinformasi.



## Format Modul

Modul ini direka bentuk untuk disampaikan secara bersemuka, atau dalam talian yang disampaikan dalam dua bahagian: Teoretikal dan Praktikal.

### Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

#### C. Teoretikal

#### D. Praktikal

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Jumlah Jam    | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|--------------------|
| <p>Kuliah interaktif dan sesi soal jawab yang disampaikan secara tradisional, atau melalui platform web yang membolehkan pelibatan dari jauh.</p> <p>Kandungan kuliah boleh diambil daripada teori dan contoh yang diberikan di atas.</p> <p>Namun, pensyarah digalakkan untuk memasukkan kajian kes yang relevan dari segi budaya tempatan dalam penyampaian modul ini.</p> <p>Hasil pembelajaran akan lebih bermakna jika kuliah dibuat secara perbincangan bersama-sama panel yang terdiri daripada wartawan, penyunting dan wakil daripada platform. Perbincangan tersebut boleh dikendalikan oleh pensyarah atau jurulatih yang terlibat secara langsung dengan peserta</p> | 60 – 90 minit | 1, 2, 3            |

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Jumlah Jam     | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|--------------------|
| <p>Satu bengkel/tutorial yang dikendalikan dalam susun atur kelas tradisional atau melalui platform e-pembelajaran seperti Moodle, kumpulan Facebook atau perkhidmatan lain yang membenarkan pelibatan dalam talian dari jauh. Bengkel/tutorial tersebut boleh mengadaptasikan format berikut.</p> <p>Tutorial tersebut dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 3 – 5 peserta. Setiap kumpulan patut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Diberikan kajian kes yang melibatkan liputan organisasi berita atau penyebaran tanpa sedar disinformasi/ misinformasi.</li> <li>Menilai bersama-sama bahan, mengkaji sumber maklumat dan konteks pelaporan yang salah (cth: Adakah ia berita tergegar?); bincang sebab mengapakah insiden tersebut mungkin berlaku (dengan memberikan tumpuan pada faktor struktural seperti pengurangan pekerja di bilik berita, dan peranan platform media sosial); bincang pengalaman sendiri jika pernah tertipu oleh disinformasi.</li> <li>Tulis kesimpulan sepanjang 250 patah perkataan bagi menganalisis mengapakah berita palsu diterbitkan. Kenal pasti tiga perkara yang boleh dilakukan oleh wartawan/ atau organisasi berita untuk mengelakkan daripada menerbitkan disinformasi. Perkara ini boleh dilakukan dengan menggunakan Google Docs atau alat lain yang membenarkan kerja dibuat bersama-sama. Tugasan ini perlu dihantar kepada pensyarah/tutor untuk dinilai.</li> </ol> | 90 – 120 minit | 1, 2, 3, 4         |



### Tugasan yang Dicadangkan

Laporan Kajian Kes (2000 patah perkataan). Kenal pasti tiga kajian kes (termasuk satu daripada negara/benua anda) yang melibatkan penyebaran, atau penyiasatan terhadap, kes disinformasi oleh organisasi berita. Susun semula setiap contoh (dengan membincangkan sebab dan kesan daripada penerbitan disinformasi/misinformasi tersebut) dan ekstrapolasi perkara yang dipelajari daripada setiap kajian kes (Nota:


peserta patut memilih contoh baharu – bukan yang diberikan atau dibincangkan dalam bengkel yang berkaitan dengan modul ini).



## **Bahan Bacaan**

- Bakir, V. & McStay, A. (2017). *Fake News and the Economy of Emotions* dalam Digital Journalism (Taylor and Francis). <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/21670811.2017.1345645> [diakses pada 29/03/2018].
- Bell, E. & Owen, T. (2017). *The Platform Press: How Silicon Valley Reengineered Journalism* Tow Center for Digital Journalism, 29 Mac 2017. [https://www.cjr.org/tow\\_center\\_reports/platform-press-how-silicon-valley-reengineered-journalism.php](https://www.cjr.org/tow_center_reports/platform-press-how-silicon-valley-reengineered-journalism.php) [diakses pada 29/03/2018].
- Ireton, C. (Ed) (2016). *Trends in Newsrooms 2016* (WAN-IFRA, Paris). [http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field\\_media\\_image\\_file\\_attach/WAN-IFRA\\_Trends\\_Newsrooms\\_2016.pdf](http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field_media_image_file_attach/WAN-IFRA_Trends_Newsrooms_2016.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
- Kalsnes, B. & Larsson, O.A. (2017). *Understanding News Sharing Across Social Media: Detailing Distribution on Facebook and Twitter* dalam Journalism Studies (Taylor and Francis). <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/1461670X.2017.1297686?scroll=top&needAccess=true&journalCode=rjos20> [diakses pada 29/03/2018].
- Nielsen, R.K. (2012). *The Ten Years That Shook the Media World: Big Questions and Big Trends in International Media Developments* (Reuters Institute for the Study of Journalism, Oxford). [https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-09/Nielsen%20-%20Ten%20Years%20that%20Shook%20the%20Media\\_o.pdf](https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/2017-09/Nielsen%20-%20Ten%20Years%20that%20Shook%20the%20Media_o.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
- McChesney, W. & Picard, V. (eds.) (2011). *Will the Last Reporter Please Turn Out the Lights: The Collapse of Journalism and What Can Be Done to Fix it*. The New Press, New York.
- Mitchell, A., Holcomb, J. & Weisel, R. (2016). *State of the News Media* Pew Research Centre. <http://assets.pewresearch.org/wp-content/uploads/sites/13/2016/06/30143308/state-of-the-news-media-report-2016-final.pdf> [diakses pada 29/03/2018].
- Posetti, J. (2009). *Transforming Journalism...140 Characters at a Time* Rhodes

- Journalism Review 29, [http://www.rjr.ru.ac.za/rjrpdf/rjr\\_no29/Transforming\\_Journ.pdf](http://www.rjr.ru.ac.za/rjrpdf/rjr_no29/Transforming_Journ.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
- Posetti, J. (2013). *The 'Twitterisation' of Investigative Journalism* dlm. S. Tanner & N. Richardson (eds.), *Journalism Research and Investigation in a Digital World* (pp. 88 – 100). Melbourne: Oxford University Press. <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=2765&context=lhapapers> [diakses pada 20/03/2018].
- Posetti, J. & Silverman, C. (2014). “When Good People Share Bad Things: The Basics of Social Media Verification in Posetti” (ed.), *Trends in Newsrooms 2014* (WAN-IFRA, Paris). [http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field\\_media\\_image\\_file\\_attach/WAN-IFRA\\_Trends\\_Newsrooms\\_2014.pdf](http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field_media_image_file_attach/WAN-IFRA_Trends_Newsrooms_2014.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
- Posetti, J. (Ed) (2015). *Trends in Newsrooms 2015* (WAN-IFRA, Paris). [http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field\\_media\\_image\\_file\\_attach/WAN-IFRA\\_Trends\\_Newsrooms\\_2015.pdf](http://www.wan-ifra.org/sites/default/files/field_media_image_file_attach/WAN-IFRA_Trends_Newsrooms_2015.pdf), (Lihat juga *Trends in Newsrooms 2014*) [diakses pada 29/03/2018].
- RISJ (2018). *Digital News Report 2018* (University of Oxford). <http://media.digitalnewsreport.org/wp-content/uploads/2018/06/digital-news-report-2018.pdf?x89475> [diakses pada 29/06/2018].
- Silverman, C. (2015). *Lies, Damn Lies and Viral Content*. Tow Center for Digital Journalism. [http://towcenter.org/wp-content/uploads/2015/02/LiesDamnLies\\_Silverman\\_TowCenter.pdf](http://towcenter.org/wp-content/uploads/2015/02/LiesDamnLies_Silverman_TowCenter.pdf) [diakses pada 29/03/2018].
- Society of Climate Change Reporters (2016). *Climate Change: A Guide to Information and Disinformation* <http://www.sej.org/initiatives/climate-change/overview> [diakses pada 29/03/2018].
- UNESCO (2017). *States and Journalists Can Take Steps to Counter 'Fake News'*. <https://en.unesco.org/news/states-and-journalists-can-take-steps-counter-fake-news> [diakses pada 29/03/2018].

The background of the entire page is a silhouette of a person sitting and reading a book. The person is positioned on the left side, facing right. The background behind the person is a warm, orange and red sunset sky. The title text is at the top, and the module number is at the bottom.

# **MEMBANTERAS DISINFORMASI DAN MISINFORMASI MELALUI LITERASI MEDIA DAN INFORMASI (MIL)**

*Magda Abu-Fadil*

---

# MODUL 4

---



## Sinopsis

Modul ini memperkenalkan pelajar kepada konsep Literasi Media dan Informasi<sup>1</sup> (*Media and Information Literacy* (MIL)) untuk memahami berita, sebagai cara untuk mengesan ‘kecelaruan maklumat’ dalam mesej yang ketara atau bawah sedar (subliminal). MIL ialah konsep payung yang digunakan oleh UNESCO untuk menekankan perkaitan antara kompetensi yang berkaitan dengan maklumat, umumnya, dan media, khususnya. Hal ini merangkumi literasi hak manusia (terutamanya kebebasan bersuara kerana setiap orang mempunyai hak untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan pendapat); literasi berita (termasuk literasi tentang standard dan etikaewartawanan); literasi periklanan; literasi komputer; memahami ‘ekonomi untuk mendapatkan perhatian’; literasi antarabudaya; literasi peribadi; dll. Hal ini termasuklah memahami cara komunikasi berinteraksi dengan identiti dan perkembangan sosial individu. MIL ialah suatu kemahiran hidup – perlu diketahui untuk membantu pembentukan identiti seseorang dan dapat membantu untuk menelusuri maklumat yang samar dan mengelak daripada terjatuh ‘ke dalam lombong yang terlindung akibat kabus tersebut’. MIL memaklumkan penggunaan, produksi, penemuan, penilaian dan perkongsian maklumat, dan membantu kita memahami diri sendiri dan orang lain dalam masyarakat maklumat.

Literasi berita ialah kebolehan khusus untuk memahami bahasa dan konvensi berita sebagai genre, dan mengenal pasti bagaimanakah ciri-ciri tersebut boleh dieksploitasi dengan niat jahat. Walau bagaimanapun, penting untuk diketahui bahawa literasi berita sahaja tidak mampu untuk membanteras disinformasi yang menyerupai berita kerana manusia berkomunikasi bukan sahaja dengan menggunakan fikiran, tetapi juga dengan hati. Oleh itu, MIL perlu meningkatkan kesedaran dalam kalangan individu tentang cara untuk memberikan maklum balas terhadap kandungan berita, dan kecenderungan mereka untuk mempercayai atau tidak maklumat, walaupun tidak mengandungi ciri genre berita.

Oleh itu, MIL patut memberikan individu suatu kefahaman tentang identiti sendiri – siapakah diri mereka, dan siapakah mereka pada suatu hari nanti, dan bagaimanakah MIL memberikan kesan terhadap keterlibatan mereka bersama-sama berita dan pelbagai jenis komunikasi lain. Modul ini bermatlamat untuk membantu peserta mengenal pasti dan membezakan antaraewartawanan dengan maklumat yang kononnya sebagai suatu bentukewartawanan. Pemerkasaan ini membolehkan individu menentukan identiti mereka, mengenal pasti dan menentang apabila mereka dimanipulasikan oleh perkara yang berkaitan dengan disinformasi yang menyerupai berita.

1. <https://en.unesco.org/themes/media-and-information-literacy> [diakses pada 16/06/2018]..

Peserta boleh mempelajari cara untuk membangunkan dan menggunakan kerangka kemahiran pemikiran kritis “Penilaian Reflektif Bertujuan”<sup>2</sup> yang merangkumi penggunaan analisis, interpretasi, penilaian, pengaturan sendiri, inferens dan penerangan.

Peserta akan melalui proses menganalisis berita bercetak, penyiaran (radio dan televisyen), dalam talian dan media sosial, merekonstruksi mesej kepada bahagian tertentu, dan mempelajari sumber dan kredibiliti sumber (atau kekurangannya).

Mereka juga mempelajari bahawa berita tulen bukanlah sains, tetapi terkandung dalam naratif yang walaupun pelbagai, lazimnya mematuhi kaedah profesional dan etika yang membantu mengurangkan kesalahan, dan sudah tentunya mengelak daripada perbuatan mereka-reka berita. Wartawan patut membuat laporan dan menguar-uarkan penipuan yang dibuat oleh pelbagai watak; mereka juga tidak patut menerima sebarang tuntutan yang dibuat sebagai fakta, atau membentangkannya tanpa memberikan sebarang penerangan yang memaklumkan khalayak tentang situasi sebenar.

Dalam modul ini, pelajar juga akan mempelajari cara mudah dan cepatnya wartawan dieksploitasi untuk menghasilkan cerita yang menunjukkan kredibiliti dan meyakinkan melalui keterangan yang tidak lengkap, mengelirukan atau dicipta.<sup>3</sup>

Bahan pembelajaran untuk modul ini memberikan tumpuan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan MIL dalam menangani misinformasi dan disinformasi, termasuk menggunakan kemahiran pemikiran kritis untuk mengesan ‘berita’ yang direka-reka. Bahan pembelajaran ini juga menekankan pentingnya peserta mengamalkan MIL dalam kehidupan harian mereka, serta membantu mereka melihat bagaimanakah MIL memperkukuh hak asasi mereka dan orang lain; dan pentingnya tidak mempromosikan dan menyebarkan penipuan.<sup>4</sup>

Pengajaran mengambil tempat di ruang pembelajaran yang dilengkapi dengan komputer dan sambungan internet. Peserta boleh menggunakan aplikasi perbualan melalui telefon pintar mereka semasa segmen praktikal dalam pengajaran ini. Internet diperlukan untuk mendapatkan akses kepada sumber dalam talian di luar kampus. Sementara itu, akses

2. Facione, P. (2010, kemas kini). “Critical Thinking: What it is and Why it Counts” [dalam talian] dlm. *Insight Assessment*. Didapati di <https://www.insightassessment.com/> [diakses pada 01/02/2018].

3. Untuk contoh ‘kewartawanan’ perhatikan: *Fluent in Journalese*, Philip B. Corbett. 17 Mac 2015. <https://afterdeadline.blogs.nytimes.com/2015/03/2017/fluent-in-journalese/>; “My ‘shameful secret’: I’ve Learnt to Love Clichéd Journalese”, Rob Hutton. 05 September 2013. Didapati di <https://www.telegraph.co.uk/culture/10288967/My-shameful-secret-ive-learnt-to-love-cliched-journalese.html> [kedua-duanya diakses pada 22/04/2018].

4. “Integrasi MIL dalam Pendidikan Kewartawanan Diselidik Contohnya oleh Van der Linde, F. 2010” dlm. *The Necessity of a Media Literacy Module within Journalism or Media Studies Curricula*. *Global Media Journal*, African Edition. Jilid 4, no. 2. Didapati di <http://globalmedia.journals.ac.za/pub/article/view/7>.

kepada intranet kampus (apabila modul ini ditawarkan pada peringkat pengajian tinggi) digunakan untuk mendapatkan akses kepada pustaka dan pusat maklumat berkaitan, dalam kampus.



## **Garis Panduan**

Misinformasi bertopengkan berita yang bermula semasa pilihan raya di Amerika Syarikat, Perancis, Kenya dan Jerman pada tahun 2016 dan 2017 hanya sebahagian kecil daripada cabaran maklumat kepada masyarakat – walaupun mungkin mempunyai potensi untuk memberikan kesan yang besar. Ingat, bagaimanakah stesyen televisyen dan pengguna media sosial mengikuti keajaiban yang berlaku di Mexico pada tahun 2017 semasa anggota penyelamat cuba membebaskan pelajar perempuan, #FridaSofia, yang terperangkap dalam timbunan batu selepas gempa bumi – dan kemudiannya mendapat tahu bahawa pelajar tersebut tidak wujud<sup>5</sup>. Cerita tersebut palsu, walaupun mungkin tidak disengajakan. Kewartawanan harus mengelak daripada melakukan kesilapan dan pemalsuan. Bukan semua perkara yang salah dalam berita ialah ‘berita palsu’ dari segi disinformasi, tetapi kedua-duanya menimbulkan masalah kepada masyarakat untuk memahami dunia.

Pengguna bukan sahaja memerlukan literasi media dan informasi yang sofistikated secara umumnya tetapi juga tahap pemahaman yang tinggi. Contohnya, mereka patut tahu bahawa berita tulen tidak semuanya “benar” (iaitu sesuatu yang cuma dijangka dalam interaksi manusia sesama sendiri dan dengan realiti dalam sesuatu masa). Peserta, dan terutamanya pelajar kewartawanan, patut tahu dan faham bahawa kewartawanan tidak sepatutnya mengekalkan perkara yang salah. Kemunculan ikan paus dan jerung di dalam kolam renang atau di belakang rumah seseorang selepas ribut taufan dan kesan lain daripada bencana alam yang dilaporkan oleh media sepatutnya menimbulkan persoalan: Betulkah? Berita yang gagal untuk menyampaikan fakta yang ditentusahkan kadangkala disebabkan oleh hasil kecuaihan pelaporan dan proses penerbitan yang tidak lengkap, tetapi juga mungkin disengajakan untuk menipu dan hal tersebut palsu. MIL diperlukan untuk mentafsir perbezaan dan membuat perbandingan kes-kes tersebut dengan berita profesional dan beretika.

Perbincangan masih lagi panjang. Peningkatan ucapan kebencian, xenofobia, dan serangan terhadap pendatang asing atau orang daripada agama ‘lain’, etnik, dan berlainan warna kulit, berdasarkan stereotaip yang terhasil melalui stastistik, retorik penduduk, dan

5. Campoy, A. (2017). “A Schoolgirl Trapped in Mexico’s Earthquake Rubble Won the World’s Hearts – Except She Did Not Exist” dlm. *Quartz*. Didapati di <https://qz.com/1084105/a-schoolgirl-trapped-in-mexicos-earthquake-rubble-won-the-worlds-hearts-except-she-didnt-exist/> [diakses pada 03/04/2018].

laporan media yang mengelirukan, yang gagal untuk memenuhi standard kewartawanan, menambah kepada gabungan toksik yang perlu dihadapi oleh MIL. Perkara ini akan menjadi semakin sukar kerana program komputer menggunakan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* (AI)) untuk mencipta simulasi manusia dalam video palsu dan/atau laporan audio yang tidak benar.<sup>6</sup>

Di sinilah hadirnya keperluan untuk memandu pelajar dan pengamal kewartawanan agar berfikir secara kritis tentang apa-apa yang mereka lihat dan dengar, daripada perbualan yang mudah kepada berita yang disebarkan secara meluas dalam media tradisional dan digital.

Selain jenis disinformasi dan misinformasi yang dikenal pasti oleh Wardle dan Derakhshan (2017)<sup>7</sup>, organisasi yang tidak berasaskan keuntungan yang berpusat di Brussels, European Association for Viewers' Interest (EAVI), dalam konteks Literasi Media untuk Rakyat, telah menghasilkan satu infografik, “Bukan Hanya Berita Palsu: Sepuluh Jenis Berita yang Mengelirukan” yang menyimpulkan perkara yang dihadapi oleh pengguna berita pada hari ini.<sup>8</sup> Sumber ini sangat berharga untuk pelajar dan pengamal kewartawanan.

Kertas penyelidikan Dr. Peter A. Facione yang dikemas kini, “Pemikiran Kritis dan Mengapakah Ia Penting”<sup>9</sup> boleh dijadikan landasan yang baik untuk menggerakkan dan membiasakan pelajar dengan jalan pemikiran, membuat keputusan, dan proses pemikiran individu dan berkumpulan secara berkesan. Penyelidikan ini lebih relevan pada era ‘pos-kebenaran’, ‘berita palsu’ dan ‘fakta alternatif’. Menerusi pendekatan ini, pemikiran kritis merangkumi:

- ▶ Sifat ingin mengetahui pelbagai isu.
- ▶ Prihatin untuk mengetahui dan kekal mengetahui.
- ▶ Berwaspada terhadap peluang untuk menggunakan pemikiran kritis.
- ▶ Percaya kepada proses pertanyaan bersebab.
- ▶ Yakin dengan kebolehan sendiri untuk berhujah.
- ▶ Berfikiran terbuka berkenaan dengan pandangan dunia (worldview) yang berbeza.

6. Edmund, C. (2017). “This AI Can Create a Video of Barack Obama Saying Anything”. [dalam talian]. World Economic Forum. Didapati di <https://www.weforum.org/agenda/2017/07/obama-speech-simulation-washington-university/>

7. Lihat Modul Dua.

8. EAVI. (2018). EAVI.eu. [dalam talian]. Didapati di <https://eavi.eu/beyond-fake-news-10-types-misleading-info>.

9. Facione, P. (2010, kemas kini). *Ibid. Critical Thinking*.

- ▶ Kefleksibelan untuk berfikir tentang alternatif dan pendapat.
- ▶ Memahami pendapat orang lain.
- ▶ Berfikiran adil untuk menilai hujah.
- ▶ Mengenal pasti dan menghadapi bias, prejudis, stereotaip atau kecenderungan egosentrik secara jujur.
- ▶ Cermat untuk menggantung, membuat atau menukar penilaian.
- ▶ Boleh mempertimbangkan semula dan menyemak pandangan apabila refleksi jujur mencadangkan suatu perubahan dibuat.

Menurut pelbagai penyelidikan, keterlibatan golongan muda di serata dunia, dengan peranti bergerak<sup>10</sup> bermakna mereka mendapat berita melalui mesin tersebut, iaitu melalui aplikasi perbualan (apps), media sosial dan kadangkala tapak web media tradisional dan blog<sup>11 12 13</sup>. Tidak ada satu pun cara yang boleh membezakan antara kewartawanan yang mempunyai reputasi baik, pelaporan amaturnya dan disinformasi, dalam sumber-sumber yang disebutkan di atas.

Satu lagi isu ialah bagaimanakah platform tersebut mengolah berita. Untuk Facebook, platform media sosial terbesar setakat ini, "... kewartawanan amat menyusahkan sejak hari pertama. Kini, dengan timbulnya masalah yang sukar diselesaikan, iaitu berita palsu dan perhubungan awam yang teruk, jelaslah Facebook akan berhenti menyiarkan berita tidak lama lagi", kata Frederic Filloux<sup>14</sup>. Namun, kita masih tidak boleh menjangkakan apa-apa yang akan berlaku. Sesetengah organisasi media akan terasa jika Facebook berhenti menyiarkan berita dengan mengatakan bahawa khalayak mereka terkesan, kerana platform tersebut menjadi pembuluh (*conduit*) bagi pengguna yang bergantung pada media sosial untuk mengikuti perkembangan terkini<sup>15</sup>. Namun, sesetengah penyokong MIL berharap bahawa tindakan tersebut akan menggalakkan golongan muda untuk mengembangkan horizon mereka dalam pencarian tentang perkara yang berlaku di serata dunia dan tidak bergantung semata-mata kepada media sosial yang dicemari maklumat, dan disuap melalui peranti yang sentiasa 'terpasang'. Pada masa yang sama,

10. *Children's Use of Mobile Phones*. (2015). [e-buku]. Tokyo: Mobile Society Research Institute, NTT Dotcom. Didapati di [https://www.gsma.com/publicpolicy/wp-content/uploads/2012/03/GSMA\\_Childrens\\_use\\_of\\_mobile\\_phones\\_2014.pdf](https://www.gsma.com/publicpolicy/wp-content/uploads/2012/03/GSMA_Childrens_use_of_mobile_phones_2014.pdf)

11. *Digital News Report* (2017). Reuters Institute for the Study of Journalism's (RISJ, Oxford). Didapati di [https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/Digital%20News%20Report%202017%20web\\_o.pdf](https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/Digital%20News%20Report%202017%20web_o.pdf).

12. Shearer, E. & Gottfried, J. (2017). *News Use across Social Media Platforms*. [e-book]. Washington DC: Pew Research Centre. Didapati di <http://www.journalism.org/2017/09/07/news-use-across-social-media-platforms-2017/>.

13. "Youth, Internet, and Technology in Lebanon: A Snapshot" (2017) dlm. *Social Media Exchange*. Didapati di <https://smex.org/youth-internet-and-technology-in-lebanon-a-snapshot/>.

14. Filloux, F. (2018). *The Monday Note*, 14 Januari 2018. Didapati di <https://mondaynote.com/facebook-is-done-with-quality-journalism-deal-with-it-afc2475f1f84>.

15. Lihat Modul Tiga.

terdapat cadangan bahawa Facebook mungkin akan menghasilkan berita sendiri dan bersaing dengan media yang lain<sup>16</sup>.

Dengan MIL, peserta boleh belajar untuk mengenal pasti bahawa berita tulen lazimnya dikonstruksi dan digunakan dalam kerangka naratif yang lebih besar yang memberikan makna kepada fakta, dan memberikan implikasi terhadap tanggapan yang lebih luas, ideologi dan identiti. Hal ini bermakna, kebolehan untuk membezakan antara percubaan wartawan untuk membuat interpretasi terhadap realiti dan penipuan yang mengeksploitasi format berita, di samping mencemari standard profesional dan penentusahan.

MIL juga boleh digunakan untuk memerangi stereotaip dan mempromosikan komunikasi silang budaya, dengan kebolehan bertutur berbilang bahasa sebagai faktor penting untuk mencapai sasaran tersebut. Ramai yang menyumbang kepada usaha MIL, dan sumber yang bagus boleh ditemukan di tapak web UNESCO<sup>17</sup>. Namun, masih banyak yang perlu dilakukan melalui kurikulum, dan dalam amalan, untuk mengurangkan kesan disinformasi dan misinformasi<sup>18</sup>.

Bagi mendapatkan kesan daripada modul ini, video, sebagai suatu bentuk edutainment bagi MIL boleh digunakan untuk menarik minat peserta. Format video yang dicadangkan ialah video pendek yang mempunyai kapsyen<sup>19</sup>, dan menyentuh isu mesej palsu, mencabar pelajar untuk mencari contoh bahan yang mengelirukan, dan membiasakan mereka untuk melihat sebarang kandungan, termasuk yang dibentangkan sebagai berita, dengan waspada.

Jurulatih juga harus membantu peserta untuk melihat semula kecenderungan mereka untuk menggunakan Google bagi mencari maklumat dan mengesyorkan pencarian yang lebih mendalam, termasuk menggunakan fungsi carian lanjut, silang semak beberapa sumber maklumat, dan memahami nilai pustaka dan pustakawan untuk membina literasi yang berkaitan bagi mencari dan menilai maklumat<sup>20</sup>. E-pustaka memudahkan pelajar bidang kewartawanan dan wartawan untuk mendapatkan akses kepada rujukan sarjana dan sumber lain untuk mendalami ilmu berkenaan dengan proses dan amalan untuk

16. "Is Facebook's Campbell Brown a Force to be Reckoned with? Or Is She Fake News?". Didapati di <https://www.nytimes.com/2018/04/21/technology/facebook-campbell-brown-news.html>.

17. Lihat <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/media-development/media-literacy/mil-as-composite-concept/> [diakses pada 22/04/2018].

18. Abu-Fadil, M. (2007). *Media Literacy: A Tool to Combat Stereotypes and Promote Intercultural Understanding*. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0016/001611/161157e.pdf> [diakses pada 01/04/2018].

19. Berikut ialah contoh video yang memaparkan nilai literasi media dalam konteks tembakan di Amerika Syarikat dari Vice Media: "Hoaxers Say Victims of Mass Shootings are 'Crisis Actors', Vice Select di Facebook". Didapati di <https://www.facebook.com/vicenews/videos/842904982564160/> [diakses pada 01/04/2018].

20. *15 Resources for Teaching Media Literacy*. ASCD. Didapati di <http://inservice.ascd.org/15-resources-for-teaching-media-literacy/>. [diakses pada 03/04/2018].

menilai secara kritis dan menentusahkan maklumat. Sumber lain juga turut membantu proses pembelajaran peserta untuk mengenali cebisan berita palsu, supaya tidak terkesan secara negatif dan berupaya menyangkalnya untuk menjalankan tugas-tugas kewartawanan<sup>21</sup>.

Keterlibatan sivik dengan pengguna media sosial yang menerima dan berkongsi disinformasi dan misinformasi juga ialah suatu kaedah yang bagus untuk wartawan dan pelajar bidang kewartawanan mempelajari cara untuk mencari, mengesan dan menyangkal kepalsuan secara efektif untuk diri sendiri dan komuniti. Jurulatih digalakkan untuk menggunakan latihan berkenaan dengan hal di atas untuk modul ini.

Kata-kata Pensyarah Kanan dan Penyelidik Media di Universiti Notre Dame – Lebanon, Rouba El Helou berguna apabila memikirkan betapa relevannya modul ini: “Membekalkan semua orang dengan kemahiran untuk mentafsirkan kod pelbagai mesej ialah cabaran yang memerlukan pelibatan pendidik media dan wartawan. Literasi media membantu orang mencari keseimbangan antara kepercayaan kepada sumber berita dengan keraguan yang perlu untuk mempersoalkan mereka.”



## **Matlamat Modul**

Modul ini bermatlamat untuk:

- ▶ Menggariskan kepentingan untuk memperoleh literasi yang diperlukan<sup>22</sup> dan kemahiran berkaitan<sup>23</sup> untuk memahami kewartawanan (dan pelbagai varian kewartawanan) dan pada masa yang sama mengesan kelemahan dalam bidang kewartawanan dan berita yang palsu dalam pelbagai media.
- ▶ Membekalkan peserta dengan kemahiran untuk menilai cara mereka menggunakan berita yang terdapat dalam spektrum media dan kemahiran untuk melihat cara disinformasi boleh dihasilkan dengan mudah.
- ▶ Mengajar peserta untuk menimbulkan keraguan yang sihat terhadap semua maklumat yang digunakan untuk menimbang kebenaran laporan, siaran, bahan, gambar, video, kandungan audio, infografik, dan statistik dalam konteks yang bersesuaian.

21. Satu contoh ialah Project Look Sharp, suatu inisiatif literasi media oleh Kolej Ithaca, yang mempunyai panduan literasi media, kit kurikulum dan kertas sebaran yang boleh dimuat turun. Didapati di [www.projectlooksharp.org](http://www.projectlooksharp.org). [diakses pada 23/03/2018].

22. Untuk maklumat berkaitan literasi media dan informasi, lihat UNESCO's Notions of MIL Didapati di <http://unesco.mil-for-teachers.unaoc.org/foreword/unifying-notions-of-media-and-information-literacy/> [accessed 22/4/2018].

23. Selain kemahiran pemikiran kritis yang dikenal pasti oleh Facione (2010), peserta digalakkan untuk sentiasa ragu-ragu, mempersoalkan semua perkara dan semak fakta daripada sumber.



## Hasil Pembelajaran

Pada akhir modul ini, pelajar akan berupaya untuk:

1. Membezakan antara fakta dengan fiksyen, serta menyedari kemungkinan adanya pelbagai naratif dan cerita dalam penulisan yang dipercayai.
2. Memahami cara cerita dipilih, pihak yang menghasilkan kandungan, kaedah yang digunakan untuk mencipta gambaran yang sebenar dan boleh dipercayai, cara bahasa digunakan, perkara yang ditekankan, perkara yang tidak dimasukkan, pihak yang menuturkannya, sejauh manakah pentingnya dan/atau boleh dipercayai, apakah agenda orang tersebut, apakah kesan yang telah/sedang/akan terjadi akibat penyiaran berita tersebut, dan cara orang lain melihat dan menggunakan berita tersebut.
3. Mengetahui tahap literasi media dan informasi dan kaitannya dengan diri mereka sebagai individu serta kaitannya dengan maklumat dan komunikasi.



## Format Modul

Modul ini terbahagi kepada dua sesi berdurasi 90 minit. Sesi pertama berbentuk teoretikal, manakala sesi kedua pula berbentuk praktikal.

Kaedahnya bergantung pada perbincangan tentang maksud MIL dan kepentingannya pada waktu disinformasi, misinformasi dan gangguan lain yang ditularkan melalui media tradisional dan media sosial. Bahan untuk kelas boleh diakses melalui internet, dan terdapat banyak sumber untuk penyelidikan dan latihan praktikal. Antara tapak web yang boleh digunakan termasuklah:

- ▶ UNESCO <http://en.unesco.org/> dan tapak literasi medianya melalui <https://en.unesco.org/themes/media-literacy>
- ▶ United Nations Alliance of Civilisations melalui <https://www.unaoc.org/>
- ▶ Kurikulum literasi media and informasi untuk Guru melalui <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/resources/publications-and-communication-materials/publications/full-list/media-and-information-literacy-curriculum-for-teachers/>
- ▶ Lima undang-undang MIL melalui <http://www.unesco.org/new/en/communication-and-information/media-development/media-literacy/five-laws-of-mil/>

- ▶ Common Sense Education melalui <https://www.commonsense.org/education/top-picks/media-news-and-information-literacy-resources-for-students>.
- ▶ EAVI Media and Literacy for Citizenship melalui <https://eavi.eu/beyond-fake-news-10-types-misleading-info/>
- ▶ The News Literacy Project melalui <http://www.thenewsliteracyproject.org/>, the Center for News Literacy at Stony Brook University melalui <http://www.centerfornewsliteracy.org>
- ▶ Mind over Media melalui <http://propaganda.mediaeducationlab.com/>
- ▶ The Digital Resources Center (Center for News Literacy) melalui <http://drc.centerfornewsliteracy.org/>
- ▶ Pusat Literasi Media dan Informasi, Universiti Rhode Island melalui <https://centermil.org/resources/>, to name a few

Jurulatih digalakkan untuk menambah sumber lain daripada negara dan benua mereka termasuk dalam bahasa sendiri.

Kelas yang digunakan perlu dilengkapi dengan komputer dan akses kepada internet untuk membenarkan jurulatih dan pelajar melihat tapak web organisasi yang terlibat dalam literasi media dan informasi, termasuk kajian kes media.

## Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

### A. Teoretikal

Jurulatih membentangkan bahan dan kajian kes berkenaan dengan MIL dan kaitannya dengan disinformasi dan misinformasi, yang diolah seperti berita.

| Pelan Modul                                                                                             | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Terangkan dan bincangkan MIL dan alat termasuk kerangka pemikiran kritis.                               | 45 minit   | 1+3                |
| Lihat dan bincang contoh terpilih yang relevan dengan tempat tinggal anda, dalam pelbagai format media. | 45 minit   | 1+2                |

## B. Praktikal

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Aktiviti Praktikal                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | 90 minit   |                    |
| <p><b>Aktiviti 1: Mengenali kewartawanan</b></p> <p>Kenal pasti berita muka hadapan dalam media tempatan. Setiap pelajar perlu menyelidik dan menilai cara berita yang sama dipaparkan di tiga saluran media berlainan.</p> <p>Bimbing perbincangan dengan meminta pelajar mengaplikasikan teknik pemikiran kritis. Mereka patut mengenal pasti naratif tersembunyi, termasuk pembungkian, pemilihan dan cara berita dipakejkan. Proses ini patut memberikan perhatian pada kehadiran konvensi berita (siapa, apa, bila, di mana, kenapa, bagaimana; penggunaan petikan langsung; kebergantungan pada pakar dan sumber autoritatif; imej yang menyokong, istilah stereotaip yang tipikal kepada wartawan termasuk tanda berita yang lain.)</p>                                                                                                                                                                                            | 45 minit   | 1 + 3              |
| <p><b>Aktiviti 2: Membentangkan disinformasi sebagai berita</b></p> <p>Tunjukkan contoh berita palsu kepada peserta dan bincangkan perkara yang boleh membuatkan orang percaya dan perkara yang menimbulkan keraguan dalam kalangan pembaca. Selepas itu, minta pelajar untuk memanipulasi cerita yang telah mereka baca dalam latihan sebelum ini, dengan mencipta cerita palsu, yang berlaku pada masa hadapan yang akan kelihatan seperti berita. (Satu lagi alternatif ialah meminta pelajar memilih topik sendiri untuk dijadikan bahan bagi disinformasi).</p> <p>Setelah selesai, pelajar akan membentuk kumpulan dan menilai perkara yang membuatkan cerita tersebut nampak seperti yang sebenar. Ujian penilaian juga perlu mengecam ciri-ciri berita yang dieksploitasi dalam penulisan tersebut.</p> <p>Kemudian, minta peserta berkongsi hasil dapatan dan pendapat mereka melalui pembentangan ringkas di hadapan kelas.</p> | 45 minit   | 1+2                |



## **Tugasan yang Dicapai**

Setiap individu perlu melihat bahan media sosial mereka dan mencari berita saintifik atau perubahan (cth: diet, penyakit berjangkit, impak pemanasan global kepada komuniti, keefisienan kereta elektrik berbanding kereta yang menggunakan minyak). Buat taksiran terhadap pencarian tersebut, pengesanan bias (jika aktif), dan reaksi emosional kepada cerita/perspektif berkenaan isu tersebut, dan lihat bagaimanakah ia berkaitan dengan isu MIL seperti pencarian, penilaian, keselamatan digital, hak, dan identiti, termasuk prinsip utama etika berita.

Kemudian, mereka patut memberikan maklumat yang diperoleh daripada penyelidikan mereka, iaitu tentang individu yang menghasilkan berita; bagaimanakah wartawan atau orang tersebut mengetahui perkara yang disiarkan, dan jika dia mendapat sebarang faedah atau keuntungan apabila menyebarkannya; semak semula data, statistik dan infografik. Jika boleh, pelajar juga digalakkan menggunakan pustaka universiti untuk menentusahkan maklumat. Mereka akan menulis dapatan mereka dalam penulisan kritikan media sebanyak 1500 patah perkataan, dengan menganalisis kekuatan, kelemahan, kegagalan dan maklumat yang tidak dimasukkan dalam kandungan tersebut.



## **Bahan Tambahan**

Artikel yang mengandungi slaid, gambar dan video tersenarai di bawah. Jurulatih digalakkan untuk mencipta slaid sendiri termasuk gambar dan video yang relevan dengan konteks dan keadaan negara sendiri.



## **Bahan Bacaan**

Abu-Fadil, M. & Grizzle, A. (2016). *Opportunities for Media and Information Literacy in the Middle East and North Africa*. Didapati di <https://milunesco.unaoc.org/wp-content/uploads/MIL-Mena-2016-english.pdf> [diakses pada 05/01/2018].

*A Lexicon for the Digital Age*. (2017). The Unesco Courier, [dalam talian] (Julai – September 2017). Didapati di <https://en.unesco.org/courier/2017-july-september/lexicon-digital-age> [diakses pada 06/04/2018].

Facione, P. (2010). *Critical Thinking: What It Is and Why It Counts*. [dalam talian]. Insight Assessment. Didapati di <https://www.insightassessment.com/> [diakses pada 05/01/2018].

Gray, J., Bounegru, L. & Venturini, T. (2017). “What Does Fake News Tell Us About Life in the Digital Age? Not What You Might Expect” dlm. NiemanLab. [dalam talian]. Didapati di <http://www.niemanlab.org/2017/04/what-does-fake-news-tell-us-about-life-in-the-digital-age-not-what-you-might-expect/> [diakses pada 06/04/2018].

Stephens, B. (2017). *The Dying Art of Disagreement*. The New York Times. [dalam talian]. Didapati di <https://www.nytimes.com/2017/09/24/opinion/dying-art-of-disagreement.html> [diakses pada 06/04/2018].

### Bacaan Tambahan

---

Lytvynenko, J. (2018). *Here's How a Canadian Imam Got Caught Up in Fake News about Houston*. BuzzFeed. [dalam talian]. Didapati di [https://www.buzzfeed.com/janeltyvynenko/toronto-imam-caught-up-in-fake-news?bftw&utm\\_term=.hazw9B5rr#.acEgmYE66](https://www.buzzfeed.com/janeltyvynenko/toronto-imam-caught-up-in-fake-news?bftw&utm_term=.hazw9B5rr#.acEgmYE66) [diakses pada 06/04/2018].

Mulrooney Eldred, S. (2017). “In an Era of Fake News, Students Must Act Like Journalists: Schools Rarely Require News Literacy, But it’s More Important Than Ever” dlm. *Science News*. [dalam talian]. Didapati di <https://www.sciencenewsforstudents.org/article/era-fake-news-students-must-act-journalists> [diakses pada 06/04/2018].

Rusbridger, A., Neilsen, R. dan Skjeseth, H. (2017). *We Asked People from All Over the World How Journalists Should Cover Powerful People Who Lie. Here is What They Said*. Institut Pengajian Kewartawanan Reuters, Universiti Oxford. Didapati di <https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/risj-review/we-asked-people-all-over-world-how-journalists-should-cover-powerful-people-who-lie> [diakses pada 12/06/2018].

Vesey-Byrne, J. (2017). “Bikini Designer Exposes Why You Shouldn’t Trust Everything You See on Instagram” dlm. *The Independent*. [dalam talian]. Didapati di: <https://www.indy100.com/article/bikini-designer-instagram-before-after-karina-irby-7934006?amp> [diakses pada 06/04/2018].

# SEMAKAN FAKTA 101

*Alexios Mantzarlis*



---

# MODUL 5

---



## Sinopsis



Daripada ahli politik hingga pegawai pemasaran, kumpulan advokasi hingga dan jenama – semua ingin meyakinkan orang lain bahawa mereka mempunyai insentif untuk memutarbalikkan, membesar-besarkan atau mengelirukan fakta. Modul ini akan membekalkan peserta dengan kaedah untuk mengesan dakwaan yang perlu disemak faktanya dan menilai bukti secara kritis, selaras dengan norma dan standard etika.



## Garis Panduan

### Sejarah dan maksud semakan fakta sebagai suatu tanggungjawab dalam kewartawanan

Senator Amerika Syarikat di New York dan Duta ke India dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (1927 – 2003), Daniel Patrick Moynihan, pernah berkata, “Dengarlah pendapat yang diberikan oleh semua orang, bukan fakta tentang dirinya.”<sup>1</sup>

Istilah ‘semakan fakta’ mempunyai dua makna dalam kewartawanan. Secara tradisional, penyemak fakta bekerja di bilik berita untuk membaca pruf dan menentusahkan fakta yang didakwa oleh wartawan dalam artikel mereka. Tugas semakan fakta bertujuan untuk menilai kekukuhan pelaporan yang dibuat, menyemak fakta dan angka sekali lagi, dan bertindak untuk mengawal kualiti kandungan yang dihasilkan oleh saluran berita sebelum disiarkan. Dalam dunia kewartawanan moden, amalan ini bermula – sekurang-kurangnya di Barat – dengan majalah mingguan utama Amerika Syarikat seperti *TIME* pada tahun 1920.<sup>2</sup>

Kegawatan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan organisasi berita di seluruh dunia semenjak abad ke-21<sup>3</sup> bermaksud jabatan semakan fakta menjadi mengecil, digabungkan dengan meja penyuntingan kopi, atau dibubarkan terus. Pada hari ini, hanya majalah mingguan elit seperti *The New Yorker* di Amerika Syarikat atau *Der Spiegel* di Jerman yang masih menggaji penyemak fakta khusus.<sup>4</sup>

1. Moynihan, D. & Weisman, S. (2010). *Daniel Patrick Moynihan*. New York: PublicAffairs.

2. Scriber, B. (2016). “Who Decides What’s True in Politics? A History of the Rise of Political Fact-checking” [dalam talian] dlm. Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/who-decides-whats-true-politics-history-rise-political-fact-checking> [diakses pada 28/03/2018].

3. Lihat Modul Tiga.

4. Bloyd-Peshkin, S. & Sivek, S. (2017). “Magazines Find There’s Little Time to Fact-Check Online” [dalam talian] dlm. *Columbia Journalism Review*. Didapati di <https://www.cjr.org/b-roll/magazine-fact-checking-online.php> [diakses pada 28/03/2018].

Semakan fakta yang dibincangkan dalam modul ini memfokuskan berita yang diterbitkan dan menjadi relevan kepada masyarakat umum dan bukan yang belum diterbitkan. Bentuk semakan fakta sedemikian bertujuan untuk memastikan ahli politik dan tokoh masyarakat bertanggungjawab untuk bercakap benar dalam sebarang kenyataan yang dibuat. Penyemak fakta, dalam hal ini, akan mencari sumber utama yang boleh dipercayai dan yang boleh mengesahkan atau menyangkal dakwaan yang telah dibuat kepada umum.

Semakan fakta selepas sesuatu berita diterbitkan perlu diberikan perhatian, terutamanya (tetapi bukan secara eksklusif) kepada iklan politik, ucapan kempen dan manifesto parti. Antara projek terawal yang menjurus kepada semakan fakta berbentuk politik termasuklah Factcheck.org, projek Pusat Dasar Awam Annenberg, University of Pennsylvania, yang dilancarkan pada tahun 2003, dan Channel 4 Fact Check, yang dilancarkan pada tahun 2005. Pada dekad ini, semakan fakta menjadi semakin relevan dan tersebar di seluruh dunia.

Terdapat dua waktu yang amat signifikan dalam perkembangan amalan kewartawanan. Gelombang pertama dimulakan oleh pemenang Hadiah Pulitzer 2009 untuk pelaporan nasional, yang diberikan kepada PolitiFact, satu projek semakan fakta yang dilancarkan setahun sebelum itu oleh St Petersburg Times (sekarang dikenali sebagai *Tampa Bay Times*) di Florida. Pendekatannya yang berstruktur membuatkan khalayak jelas tentang semakan fakta politik – dan mengetahui peranannya sebagai satu alat dalam kewartawanan yang bertujuan untuk memastikan tokoh masyarakat bertanggungjawab terhadap kata-kata yang dikeluarkan – dan pada masa yang sama, memberikan inspirasi kepada banyak projek di seluruh dunia.<sup>5</sup>

Gelombang kedua projek semakan fakta muncul rentetan peningkatan ‘berita palsu’ pada peringkat global. Istilah tersebut disalahgunakan, dan ia menerangkan cerita sensasi yang difabrikasi dan mencapai jumlah khalayak yang besar dengan menggunakan algoritma media sosial untuk kepentingan diri. Setelah hal ini menjadi jelas pada tahun 2016, infrastruktur maklumat dalam talian lebih mudah untuk menyerap disinformasi dan misinformasi, serta semakin banyak kumpulan yang mula menumpukan perhatian pada semakan fakta.

Gelombang kedua ini lazimnya memberikan perhatian pada semakan fakta yang didakwa oleh masyarakat umum seperti menyangkal olokan yang tular. Menyangkal ialah subset kepada semakan fakta dan memerlukan kemahiran khusus yang dilihat sama

5. Mantzarlis, A. (2017). “In its First Decade, Politifact Helped Define Political Fact-Checking Far beyond Washington, D.C.” [dalam talian] dlm. Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/its-first-decade-politifact-helped-define-political-fact-checking-far-beyond-washington-dc> [diakses pada 28/03/2018].

seperti penentusahan (terutamanya untuk kandungan yang dijana oleh pengguna yang dikenali sebagai *User Generated Content* (UGC) – lihat Rajah Venn di bawah). Modul ini memberikan perhatian pada semakan fakta seperti yang ditakrifkan, sementara modul seterusnya akan membincangkan penentusahan kandungan dan sumber digital.<sup>6</sup>



Rajah 5 Perbezaan antara penyemakan fakta dengan penentusahan.

### *Contoh organisasi yang menyemak fakta di seluruh dunia*

Menurut Duke Reporter's Lab, terdapat 137 projek semakan fakta yang aktif di 51 negara, pada Disember 2017.<sup>7</sup>

Walaupun Amerika Syarikat mempunyai pasaran terbesar untuk semakan fakta, kerja inovatif dan bermakna dalam bidang ini dijalankan di tempat lain. Para jurulatih digalakkan untuk memahirkkan diri dengan projek seperti Afrika Check (Afrika Selatan, Senegal, Nigeria dan Kenya), Chequedo (Argentina), Les Decodeurs (Perancis), Fakstik (Norway) dan Full Fact (United Kingdom).

6. Lihat Modul Enam.

7. Stencel, M. (2017). "Fact-Checking Booms as Numbers Grow by 20 Percent" [dalam talian] dlm. *Duke Reporters Lab*. Didapati di <https://reporterslab.org/big-year-fact-checking-not-new-u-s-fact-checkers/> [diakses pada 28/03/2018].

Bagi jurulatih yang ingin menumpukan perhatian pada negara atau lingkungan tertentu, sumber berikut mungkin membantu:

- ▶ **Brazil:** “Fact-Checking Booms in Brazil”, sebuah artikel oleh Kate Steiker-Ginzberg untuk Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/fact-checking-booms-brazil>.
- ▶ **Eropah:** “The Rise of Fact-Checking Sites in Europe” satu laporan oleh Lucas Graves dan Federica Cherubini untuk Reuters Institute di Universiti Oxford. Didapati di <http://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/our-research/rise-fact-checking-sites-europe#overlay-context=>
- ▶ **Jepun:** “A New Fact-Checking Coalition is Launching in Japan” sebuah artikel oleh Masato Kajimoto untuk Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/new-fact-checking-coalition-launching-japan>
- ▶ **Korea Selatan:** “What’s Behind South Korea’s Fact-Checking Boom? Tense Politics and the Decline of Investigative Journalism,” sebuah artikel oleh Boyoung Lim untuk Poynter. Didapati di <http://www.poynter.org/2017/whats-behind-south-koreas-fact-checking-boom-tense-politics-and-the-decline-of-investigative-journalism/463655/>
- ▶ **Amerika Latin:** “Lack of Access to Information is Driving Latin America’s Fact-Checking Boom” sebuah artikel oleh Ivan Echt untuk Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/lack-access-information-driving-latin-americas-fact-checking-boom>.
- ▶ **Amerika Syarikat:** *Deciding What’s True: The Rise of Political Fact-Checking in American Journalism*, sebuah buku oleh Lucas Graves atau ulasannya oleh Brad Scriber di Poynter. Didapati di <https://www.poynter.org/news/who-decides-whats-true-politics-history-rise-political-fact-checking>.

### *Kaedah dan etika untuk menyemak fakta*

Menyemak fakta bukanlah sesuatu yang amat sukar. Menyemak fakta ialah suatu analisis teliti yang dipandu oleh soalan: “Bagaimanakah kita mengetahui perkara tersebut?” Pada masa yang sama, semakan fakta bukanlah semakan ejaan. Tidak ada buku panduan berbentuk kamus yang mempunyai fakta, atau perisian mudah yang akan memeriksa dokumen dan menyatakan jika sesuatu kesilapan dinyatakan sebagai fakta.

Secara umumnya, semakan fakta merangkumi tiga fasa:

1. **Mencari dakwaan yang boleh disemak faktanya** dengan melihat rekod legislatif, saluran media dan media sosial. Proses ini termasuk menentukan dakwaan masyarakat umum yang (a) boleh disemak faktanya (b) patut disemak faktanya.
2. **Mencari fakta** dengan mencari bukti terbaik berkenaan dengan dakwaan yang dibuat.
3. **Membetulkan rekod** dengan menilai dakwaan tersebut berdasarkan bukti, lazimnya dengan menggunakan skala kebenaran.

Organisasi menyemak fakta yang boleh dipercayai dengan cara menerangkan proses yang dilakukan menggunakan kaedah biasa. Jurulatih mungkin boleh membincangkan perkara berikut dengan pelajar:

1. Laman Africa Check “How We Work” (boleh diakses melalui <https://africacheck.org/about-us/how-we-work/>) juga infografik di bahagian ‘Materials’.
2. Chequeado’s “Metodo” (boleh diakses dalam bahasa Sepanyol melalui <http://chequeado.com/metodo/>).
3. “Metodologia” dan “Come funzioniamo” oleh Pagella Politica (boleh diakses dalam bahasa Itali melalui <https://pagellapolitica.it/progetto/index>).
4. “The Principles of PolitiFact” oleh PolitiFact (boleh diakses melalui <http://www.politifact.com/truth-o-meter/article/2013/nov/01/principles-politifact-punditfact-and-truth-o-meter/>).

The International Fact-Checking Network (IFCN)<sup>8</sup> juga membangunkan satu kod prinsip yang boleh dijadikan panduan oleh penyemak fakta untuk menjalankan kerja harian.

Organisasi menyemak fakta memohon untuk menjadi penandatangan yang ditentusahkan daripada kod prinsip IFCN. Hal ini memerlukan penilaian luar yang menyemak keberkesanan pelaksanaan standard tersebut. Jurulatih mungkin perlu membiasakan diri mereka dengan kod dan mencari penilaian yang dibuat terhadap organisasi untuk menyemak fakta di negara mereka<sup>9</sup> dan membincangkan sama ada pelajar lebih cenderung untuk mempercayai penyemak fakta tersebut atau tidak.

---

8. Pengarangnya, Alexios Mantzarlis, mengetuai International Fact Checking Network

9. Didapati di <https://www.poynter.org/international-fact-checking-network-fact-checkers-code-principles> [diakses pada: 28/03/2018].

Prinsip ini diketengahkan untuk membantu pembaca membezakan semakan fakta yang baik dengan semakan fakta yang tidak baik. Untuk contoh misinformasi yang menyamar sebagai semakan fakta, jurulatih mungkin ingin berkongsi artikel berikut:

- ▶ “These Fake Fact-Checkers are Peddling Lies about Genocide and Censorship in Turkey” (*Poynter*). Didapati di <https://www.poynter.org/news/these-fake-fact-checkers-are-peddling-lies-about-genocide-and-censorship-turkey>
- ▶ “In the Post-Truth Era Sweden’s Far-Right Fake Fact Checker was Inevitable.” (*The Guardian*). Didapati di <https://www.theguardian.com/media/2017/jan/19/in-the-post-truth-era-swedens-far-right-fake-fact-checker-was-inevitable>

### ***Perkara yang mempengaruhi fakta***

Sebelum mendalami aspek praktikal semakan fakta, pelajar perlu sedar akan batasannya, termasuk batasan kepada diri sendiri.

Sesetengah pengulas mengumumkan bahawa kita telah memasuki era “selepas kebenaran” (*post-truth*) atau “selepas fakta” (*post-fact*). Istilah ini dipaparkan pada tajuk utama seluruh dunia pada tahun 2016 dan dipilih sebagai “Perkataan Tahunan” oleh *Kamus Bahasa Inggeris Oxford* dan Persatuan Bahasa Jerman. Hujah yang diberikan oleh penyokong “selepas kebenaran” ialah politik dan media terlalu polarisasi dan berpuak dan keadaan ini menyebabkan masyarakat menolak sebarang fakta yang mereka tidak persetujuan mentah-mentah.

Hal ini tidak sama dengan beberapa penyelidikan yang mendapati apabila fakta dibetulkan dengan merujuk autoriti atau seseorang yang dianggap berkredibiliti oleh khalayak, mereka (secara purata) menjadi lebih maklum. Jurulatih boleh membaca dan membincangkan penyelidikan berikut bersama-sama pelajar:

- ▶ Swire, B., Berinsky, A.J., Lewandowsky, S. & Ecker, U.K.H. (2017). “Processing Political Misinformation: Comprehending the Trump Phenomenon” (1 Mac 2017). Didapati di <http://rsos.royalsocietypublishing.org/content/4/3/160802> [diakses pada 28/03/2018].
- ▶ Nyhan, B. & Zeitzoff, T. (2018). “Fighting the Past: Perceptions of Control, Historical Misperceptions, and Corrective Information in the Israeli- Palestinian Conflict”. Didapati di <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/pops.12449/abstract>. [diakses pada 28/03/2018].
- ▶ Wood, T. & Porter, E. (2016). “The Elusive Backfire Effect: Mass Attitudes’ Steadfast Factual Adherence” (5 Ogos 2016). Didapati di <https://ssrn.com/abstract=2819073>. [diakses pada 28/03/2018].

Pada masa yang sama, ia terlalu mudah untuk mencadangkan bahawa fakta ialah pencirian sempurna dunia dan semua manusia bersifat rasional, iaitu menerima fakta baharu tanpa mengambil kira kepercayaan sebelum ini dan menjadi pilihan peribadi. Setiap orang mempunyai kognitif dan bias lain – pada dasarnya menjadi halangan mental – yang boleh mempengaruhi cara maklumat baharu diserap. Perkara ini penting diberikan perhatian kerana perkara ini bukan sahaja berlaku kepada orang lain, tetapi juga kepada diri sendiri.

Jurulatih patut membincangkan bias-bias berikut di dalam kelas.

**Pengesahan bias** [Daripada Encyclopaedia Britannica – <http://www.britannica.com/topic/confirmation-bias> [diakses pada 28/03/2018]: Kecenderungan untuk memproses maklumat dengan melihat, atau membuat interpretasi maklumat yang konsisten dengan kepercayaan yang sedia ada. Pendekatan bias dalam membuat keputusan ini adalah tidak disengajakan dan lazimnya membuatkan seseorang tidak mengendahkan maklumat yang tidak konsisten. Kepercayaan sedia ada boleh meliputi jangkaan seseorang terhadap sesuatu situasi dan ramalan terhadap sesuatu hasil. Manusia cenderung untuk memproses maklumat untuk menyokong kepercayaan sendiri, terutamanya apabila maklumat itu sangat penting atau relevan kepada diri mereka.

**Penaakulan bermotivasi** [Dari Discover Magazine — <http://blogs.discovermagazine.com/intersection/2011/05/05/what-is-motivated-reasoning-how-does-it-work-dan-kahan-answers/#.WfHrl4ZrzBI> [diakses pada 28/03/2018]. Penaakulan bermotivasi merujuk kecenderungan luar sedar individu untuk menyesuaikan pemprosesan maklumat dengan kesimpulan yang menepati suatu pengakhiran atau matlamat. Sila ambil contoh ini. Pada tahun 1950-an, pakar psikologi meminta subjek eksperimen, pelajar daripada dua kolej Ivy League, untuk menonton filem yang memaparkan satu set keputusan pengadil yang kontroversi, yang dibuat semasa perlawanan *American Football* antara pasukan dari kolej-kolej tersebut. Pelajar dari setiap kolej berkecenderungan untuk menerima keputusan pengadil sebagai betul apabila memihak kepada kolej mereka berbanding dengan jika memihak kepada kolej pihak lawan. Penyelidik membuat kesimpulan bahawa emosi untuk menyatakan rasa setia mereka kepada institusi masing-masing membentuk apa-apa yang mereka tonton dalam rakaman tersebut.

**Heuristik tersedia** [Daripada Oxford University Press *A Dictionary of Psychology* — <http://www.oxfordreference.com/view/10.1093/acref/9780199534067.001.0001/acref-9780199534067-e-830> [diakses pada 28/03/2018]. Heuristik tersedia ialah frekuensi atau kebarangkalian sesuatu acara berlaku dinilai berdasarkan kekerapan acara tersebut diingati oleh seseorang. Keadaan ini boleh membuatkan orang melihat dakwaan yang tidak benar sebagai benar kerana mereka mudah untuk mengingatnya

semula. Dalam satu eksperimen yang dikendalikan oleh Liza Fazio di University Vanderbilt, individu yang diminta mengulangi dakwaan “sari ialah kilt” enam kali, didapati lebih mempercayainya apabila dibandingkan dengan individu yang mengulangi frasa tersebut sebanyak satu kali sahaja. Kewartawanan boleh menjadi vektor bagi maklumat yang tidak benar untuk dipercayai, apabila pelaporan tidak dibuat dengan kritis. Liputan media terhadap konspirasi berkenaan dengan tempat kelahiran Barack Obama, misalnya, mungkin memainkan peranan untuk menyebarkan kepercayaan bahawa bekas presiden tersebut sebenarnya tidak dilahirkan di Hawaii.

Semakan fakta sendiri ialah instrumen yang tidak sempurna. Sesuatu boleh menjadi 100% tepat, tetapi masih tidak memasukkan konteks yang penting<sup>10</sup>. Fakta ialah sesuatu yang dibina, disusun dan disusun semula dalam struktur naratif yang lebih luas yang boleh menggambarkan kepentingan berbeza untuk fakta asas yang sama. Semakan fakta yang tidak sesuai digunakan untuk menutup interpretasi alternatif atau pengunderaitan satu siri fakta yang boleh memberikan kesan kepada naratif dan kecenderungan individu, atau untuk menghentikan perbincangan yang rasional.



## Matlamat Modul

- ▶ Untuk menambah baik pengetahuan amalan terbaik untuk semakan fakta pada peringkat global.
- ▶ Untuk meningkatkan kesedaran terhadap bias kognitif yang boleh mempengaruhi pemahaman terhadap fakta.
- ▶ Untuk menambah baik kemahiran menganalisis secara kritis.



## Hasil Pembelajaran

1. Pemahaman terhadap semakan fakta sebagai suatu bentuk kewartawanan serta etika dan metodologi amalan tersebut.
2. Suatu pemahaman tentang soalan yang perlu ditanya semasa menilai kualiti bukti.
3. Menambah baik kapasiti untuk membezakan antara dakwaan yang boleh disemak faktanya daripada pendapat dan hiperbola.
4. Konsep asas tentang bias kognitif yang boleh mempengaruhi pemahaman terhadap fakta.

10. Lihat contoh Yanofsky, D. (2013). “The Chart Tim Cook Doesn’t Want You to See”. Didapati di <https://qz.com/122921/the-chart-tim-cook-doesnt-want-you-to-see/> [diakses pada 28/03/2018].



## Format Modul

Bahagian teoretikal pembelajaran ini melihat:

1. Sejarah dan semantik.
2. Metodologi dan etika.
3. Perkara yang mempengaruhi fakta.

Bahagian praktikal merangkumi dua aktiviti:

1. Mencari dakwaan yang boleh disemak faktanya.
2. Mencari fakta.

Tugasan pula tertumpu pada membetulkan rekod.

### Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

---

#### E. Teoretikal

| Pelan Modul                     | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|---------------------------------|------------|--------------------|
| Sejarah dan semantik            | 20 minit   | 1                  |
| Metodologi dan etika            | 20 minit   | 1                  |
| Perkara yang mempengaruhi fakta | 20 minit   | 4                  |

#### B. Praktikal

| Pelan Modul                                                    | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| <b>Aktiviti 1:</b> Mencari dakwaan yang boleh disemak faktanya | 30 minit   | 3                  |
| <b>Aktiviti 2:</b> Mencari Fakta                               | 1 jam      | 2                  |

## i) Mencari dakwaan yang boleh disemak

Menyemak fakta tertumpu pada dakwaan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu fakta atau angka yang mana kebenarannya boleh ditentusahkan secara objektif. Penyemakan fakta tidak menilai kebenaran pendapat dan ramalan, hiperbola, satira dan lawak jenaka.

**Aktiviti 1:** Pelajar diminta untuk membaca petikan ucapan oleh empat tokoh masyarakat di bawah, dan tanda dengan warna kenyataan berbentuk fakta (HIJAU) yang mungkin boleh disemak faktanya, pendapat yang tidak boleh disemak faktanya (MERAH) dan bahagian yang mungkin boleh atau tidak disemak faktanya (JINGGA). Selepas pelajar menghantar petikan yang telah ditanda, lihat setiap satu dan bincangkan perkara yang membuatkan sesuatu dakwaan boleh disemak faktanya.



### PANDUAN

**Merah** – Kenyataan yang tidak boleh disemak faktanya.

**Kuning** – Kenyataan yang mungkin boleh atau tidak boleh disemak faktanya.

**Hijau** – Kenyataan yang boleh disemak faktanya.

### *Mantan Presiden Chile, Michelle Bachelet*

Walaupun kita telah mencapai sedikit kemajuan ke arah tersebut, kita sedar bahawa satu lagi ancaman terhadap ekosistem marin perlu dihadapi – plastik. Tahun demi tahun, 8 juta tan plastik dijumpai di laut, dan kekal di sana selama beberapa ratus tahun dan memberikan kesan negatif yang besar. Untuk mengatasi masalah tersebut, kami terlibat dalam kempen di bawah program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Laut Bersih. Sementara itu, pada peringkat lokal, kami akan membentangkan draf akta untuk mengharamkan penggunaan plastik di kota pesisiran pantai dalam masa 12 bulan. Undang-undang tersebut membenarkan rakyat untuk menyumbang kepada pemuliharaan laut. Kita akan menjadi negara pertama di Amerika yang melaksanakan undang-undang seperti ini dan menyeru kepada negara lain untuk mengambil tanggungjawab yang sama. Di samping itu, kini sudah hampir 30 tahun Protokol Montreal tentang Bahan yang Menipiskan Lapisan Ozon diguna pakai, yang telah membantu pemulihannya. Pada ulang tahun ke-30 ini, saya ingin mengumumkan bahawa negara saya telah meratifikasi Perubahan Kigali 2016 kepada Protokol Montreal, yang mensasarkan untuk mengelakkan 0.5c daripada pemanasan global. Chile, sesungguhnya, menjadi salah sebuah negara pertama yang bersetuju dengan perjanjian baharu ini. Namun, bukan itu sahaja. Dengan terciptanya rangkaian

taman di Patagonia, kita juga telah menambah 4.5 juta hektar kawasan hijau, kaya dengan biodiversiti, yang akan dilindungi oleh negara untuk kegunaan awam.

#### *Mantan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma*

Struktur ekonomi global pada masa ini terus mendalamkan lagi jurang yang wujud di antara global utara dengan global selatan. Sementara ada yang seronok dengan faedah daripada globalisasi, kebanyakan orang di sekeliling dunia masih hidup dalam kemiskinan dan kelaparan, tanpa sebarang harapan untuk memperbaiki cara kehidupan mereka. Malah, di negara membangun, terdapat jurang yang besar antara yang miskin dengan kaya dan keadaan ini menjadi suatu kebimbangan yang serius. Kita memerlukan sokongan politik dan komitmen daripada pemimpin global untuk menghadapi cabaran dan halangan yang terbentuk akibat daripada struktur ekonomi global yang tidak berubah, jika kita ingin mencapai matlamat dan impian Agenda 2030. Hubungan kuasa politik yang tidak adil dan tidak sama rata wujud dengan nyata di Afrika. Misalnya, benua kita kaya dengan sumber mineral, tetapi masih terdapat sejumlah negara yang belum membangun.

#### *Mantan Menteri Luar Jerman, Sigmar Gabriel*

Kita telah memberikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu keperluan untuk memenuhi mandatnya tetapi kini angka menceritakan kisah lain.

Program Makanan Dunia menerima kurang daripada 50% dana untuk memerangi krisis kelaparan dunia. Program Pembangunan Dunia menerima hanya 15% daripada sumbangan sebagai sukarela, bayaran yang tidak terikat pada hari ini, pada tahun 2011 masih 50%. Dan, program bantuan PBB lain juga turut menerima nasib yang sama.

Mereka yang berkuasa di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak mungkin menghabiskan masa untuk memberikan surat rayuan untuk mencari dana yang diperlukan berbanding dengan mengorganisasikan bantuan yang berkesan. Kita harus mengubah haluan. Kita perlu memberikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dana yang sesuai, dan kebebasan. Sebagai pulangan, cara dana tersebut digunakan perlu lebih telus dan efisien.

Jerman, ingin terus memberikan bantuan kewangan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sebagai penyumbang keempat terbesar dan lebih daripada itu, contohnya salah sebuah penyumbang bantuan kemanusiaan di seluruh dunia, kami ingin terus memberikan input yang besar.

### CEO Facebook, Mark Zuckerberg

Facebook ialah sebuah syarikat yang idealistik dan optimistik. Sepanjang penubuhannya, kami menumpukan perhatian pada kebaikan yang wujud daripada menghubungkan orang. Semakin lama, Facebook menjadi wadah yang berkuasa untuk menghubungkan seseorang dengan insan tersayang, memberikan ruang untuk suara mereka didengari, membina komuniti dan perniagaan. Baru-baru ini, kita melihat pergerakan #metoo dan March of Our Lives, dianjurkan, sekurang-kurangnya sebahagian daripada itu, di Facebook. Selepas Taufan Harvey, sebanyak \$20 juta dikutip untuk bantuan, dan lebih daripada 70 juta perniagaan kecil menggunakan Facebook untuk membangunkan dan mencipta pekerjaan.

### (ii) Mencari Fakta

**Aktiviti 2:** Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan. Minta setiap kumpulan memilih dakwaan “hijau” yang tersenarai di atas untuk disemak faktanya (atau pilih daripada senarai anda sendiri).

Minta kumpulan tersebut untuk mencari bukti yang menyokong atau menyangkal dapatan mereka. Sebelum itu, galakkan mereka untuk menilai sumber yang mereka temukan dengan menggunakan perimeter berikut.

**Proksimiti:** Berapa dekatkah bukti dengan fenomena tersebut? *Cth: Satu organisasi berita yang melaporkan statistik pengangguran lazimnya tidak dekat dengan data – dan oleh itu tidak mempunyai nilai – berbanding dengan badan statistik nasional yang sememangnya mengukur angka pengangguran.*

**Kepakaran:** Apakah kelayakan yang menunjukkan kualiti individu yang memberikan bukti tersebut? *Cth: Pengarang buku yang mempunyai PhD dalam sesuatu bidang dan sering dirujuk dalam bidang tersebut.*

**Kerapian:** Bagaimanakah bukti tersebut diperoleh? *Cth: Data tentang keganasan terhadap wanita sering dikutip dalam survei.<sup>11</sup> Hal ini boleh menyebabkan generalisasi*

11. Lihat indikator (48) Statistik Gender PBB. Didapati di <https://genderstats.un.org/#/downloads>.

yang dibuat tidak sah, dan perbandingan pada peringkat antarabangsa sukar untuk dilakukan kerana kesudian wanita untuk memberikan maklum balas dan mengkonsepsikan gangguan seksual yang mungkin berbeza mengikut negara. Keadaan ini bukan untuk merendahkan betapa seriusnya keganasan terhadap wanita, tetapi untuk menyokong sebarang dakwaan yang diselidik dengan rapi.

**Ketelusan:** Apakah yang anda tahu tentang bukti? *Cth:* Suatu penyelidikan saintifik telah menerbitkan semua data yang mana kesimpulannya dimuatkan dalam talian untuk diamati oleh penyelidik lain.

**Kebolehpercayaan:** Wujudkah rekod prestasi yang boleh dinilai? *Cth:* Transparency International telah menerbitkan Indeks Persepsi terhadap Korupsi untuk lebih daripada 20 tahun. Hal ini telah memberikan banyak masa kepada pakar untuk mengenal pasti batasannya.<sup>12</sup>

**Konflik kepentingan:** Adakah terdapat kepentingan peribadi atau personal kepada sumber apabila bukti dipersembahkan sedemikian? *Cth:* Penyelidikan tentang faedah pasta kepada kesihatan yang dibuat bersama dan ditaja oleh pembuat pasta.<sup>13</sup>

Jurulatih boleh mencetak jadual berikut dan minta pelajar menggunakannya untuk membuat penilaian terhadap setiap sumber.

|                     | Lemah | Sederhana | Kuat |
|---------------------|-------|-----------|------|
| Proksimiti          |       |           |      |
| Kepakaran           |       |           |      |
| Kerapian            |       |           |      |
| Ketelusan           |       |           |      |
| Kebolehpercayaan    |       |           |      |
| Konflik Kepentingan |       |           |      |

12. Hough, D. (2016). "Here's This Year's (Flawed) Corruption Perception Index. Those Flaws Are Useful". *The Washington Post*. Didapati di [https://www.washingtonpost.com/news/monkey-cage/wp/2016/01/27/how-do-you-measure-corruption-transparency-international-does-its-best-and-thats-useful/?utm\\_term=.7ff90ea2890f](https://www.washingtonpost.com/news/monkey-cage/wp/2016/01/27/how-do-you-measure-corruption-transparency-international-does-its-best-and-thats-useful/?utm_term=.7ff90ea2890f) [diakses pada 23/03/2018].

13. Ini adalah satu contoh yang benar. Lebih banyak di <http://www.healthnewsreview.org/2016/07/study-really-find-pasta-opposite-fattening/> [diakses pada 23/03/2018].



## Tugasan yang Dicapadangkan

### Membetulkan rekod

---

Tulis laporan semakan fakta (lebih kurang 1200 perkataan) berdasarkan bukti yang dinilai dalam tutorial. Buat kesimpulan kebenaran relatif kenyataan yang dipilih.

Mereka patut membangunkan skala pengkadaran untuk menilai dakwaan yang disemak faktanya. Contohnya, PolitiFact menyediakan pengkadaran berikut:

Benar: Kenyataan ini tepat dan tidak ada perkara yang penting tertinggal.

Kebanyakannya benar: Kenyataan tepat tetapi maklumat tambahan perlu dijelaskan.

Separuh benar: Kenyataan separa tepat tetapi tidak memasukkan perincian penting atau di luar konteks.

Kebanyakannya Salah: Kenyataan ini mengandungi sedikit elemen kebenaran tetapi tidak mengendahkan fakta kritikal yang boleh memberikan tanggapan berbeza.

Salah: Kenyataan tidak tepat.

Penipu Besar: Kenyataan tidak tepat dan dakwaan yang tidak masuk akal.

Skala pengkadaran tidak semestinya linear seperti yang digunakan oleh PolitiFact, yang mana secara progresif pengkadaran tersebut menjadi semakin teruk, iaitu daripada Benar kepada Penipu Besar. Contohnya *El Sabueso* di Mexico<sup>14</sup> menggunakan pengkadaran seperti “ia tidak boleh dibuktikan” bagi dakwaan yang tidak mempunyai bukti atau “boleh dibahaskan” bagi dakwaan yang kebenarannya bergantung pada kaedah yang dipilih. Galakkan pelajar untuk menjadi kreatif dengan skala sebagai suatu cara untuk mendalami kepelbagaian kategori yang boleh diberikan kepada satu kenyataan fakta. Bergantung pada masa dan sumber yang ada, jurulatih juga mungkin mahu meminta pelajar untuk menyediakan semakan fakta dalam format yang bukan sahaja boleh digunakan untuk teks. Meme, video pendek, GIF, Snapchat – semuanya mempunyai potensi untuk dijadikan alat untuk membanteras kepalsuan. Selain itu, satu penyelidikan menyatakan bahawa semakan fakta yang sama lebih berkesan apabila dipersembahkan sebagai video lawak jenaka berbanding dengan artikel.<sup>15</sup>

14. AnimalPolitico (2015). Didapati di <http://www.animalpolitico.com/blogueros-blog-invitado/2015/01/28/el-sabueso-un-proyecto-para-vigilar-el-discurso-publico/> [diakses pada 6/04/2018].

15. Young, D., Jamieson, K., Poulsen, S. dan Goldring, A. (2017). Fact-Checking Effectiveness as a Function of Format and Tone: Evaluating Factcheck.Org and Flackcheck.Org.” dlm. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 95(1), pp. 49-75.

Jurulatih boleh merujuk artikel *Poynter* berikut untuk melihat beberapa contoh format kreatif:

Mantzaris, A. (2016). “Fact-checkers Experiment with Snapchat, GIFs and Other Stuff *Millennials*”. Boleh didapati di <https://www.poynter.org/news/fact-checkers-experiment-snapchat-gifs-and-other-stuff-millennials> [diakses pada 28/03/2018].

Mantzaris, A. (2016). “How (and Why) to Turn a Fact Check into a GIF”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/how-and-why-turn-fact-check-gif> [diakses pada 28/03/2018].



## **Bahan Bacaan**

Selain bacaan yang disenaraikan, Poynter mempunyai bahagian semakan fakta khas yang terdapat di <http://www.poynter.org/channels/fact-checking> yang dikemas kini beberapa kali seminggu. Berikut ialah beberapa sumber terkini yang berguna yang diambil daripada laman tersebut.

Poynter (2018). “How to Fact-Check a Politician’s Claim in 10 Steps”. Didapati di <https://factcheckingday.com/articles/5/how-to-fact-check-a-politicians-claim-in-10-steps>. [diakses pada 06/04/2018].

Van Ess, H. (2017). “The Ultimate Guide to Bust Fake Tweeters: A Video Toolkit in 10 Steps”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/ultimate-guide-bust-fake-tweeters-video-toolkit-10-steps>. [diakses pada 06/04/2018].

Mantzaris, A. (2015). “5 Things to Keep in Mind When Fact-Checking Claim about Science”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/5-things-keep-mind-when-fact-checking-claims-about-science>. [diakses pada 06/04/2018].

Mantzaris, A. (2016). “5 Tips for Fact-Checking Claims about Health”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/5-tips-fact-checking-claims-about-health>. [diakses pada 06/04/2018].

Mantzaris, A. (2015). “5 Tips for Fact-Checking Datasets”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/5-tips-fact-checking-datasets>. [diakses pada 06/04/2018].

Mantzaris, A. (2015). *5 studies about fact-checking you may have missed last month* (Poynter). Didapati di <https://www.poynter.org/news/5-studies-about-fact-checking-you-may-have-missed-last-month>. [diakses pada 06/04/2018].

- Mantzarlis, A. (2017). “Repetition Boosts Lies — But It Could Help Fact-Checkers Too”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/repetition-boosts-lies-could-help-fact-checkers-too>. [diakses pada 06/04/2018].
- Mantzarlis, A. (2017). “French and American Voters Seem to Respond to Fact-checking in a Similar Way”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/french-and-american-voters-seem-respond-similar-way-fact-checking>. [diakses pada 06/04/2018].
- Funke, D. (2017). “Where There’s a Rumour, There’s an Audience. This Study Sheds Light on Why Some Take Off”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/where-theres-rumor-theres-audience-study-sheds-light-why-some-take>. [diakses pada 06/04/2018].
- Funke, D. (2017). “Want to be a Better Online Sleuth? Learn to Read Webpages Like a Fact-checker”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/want-be-better-online-sleuth-learn-read-webpages-fact-checker>. [diakses pada 06/04/2018].
- Funke, D. (2017). “These Two Studies Found That Correcting Misperceptions Works. But it’s Not Magic”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/these-two-studies-found-correcting-misperceptions-works-its-not-magic>. [diakses pada 06/04/2018].
- Mantzarlis, A. (2017). “What Does the “Death of Expertise” Mean for Fact-Checkers?”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/what-does-death-expertise-mean-fact-checkers>. [diakses pada 06/04/2018].
- Mantzarlis, A. (2017). “Journalism Can’t Afford for Corrections to be the Next Victim of the Fake News Frenzy. Didapati di <https://www.poynter.org/news/journalism-cant-afford-corrections-be-next-victim-fake-news-frenzy>. [diakses pada 06/04/2018].
- Mantzarlis, A. (2016). “Should Journalists Outsource Fact-Checking to Academics?”. Didapati di <https://www.poynter.org/news/should-journalists-outsource-fact-checking-academics>. [diakses pada 06/04/2018].

## **Buku**

---

Ball, J. (2017). *Post-Truth: How Bullshit Conquered the World*. London: Biteback Publishing.

Gladstone, B. (2017). *The Trouble with Reality: A Ruminaton on Moral Panic in Our Time*. New York: Workman Pu.

Graves, L. (2016). *Deciding What's True: The Rise of Political Fact-Checking Movement in American Journalism*. New York: Columbia University Press.

## **Sumber dalam Talian**

---

Pelan pengajaran permainan kad main berperanan bersempena dengan Hari Semakan Fakta Antarabangsa (direka bentuk untuk pelajar berumur 14 – 16 tahun) boleh didapati di <http://factcheckingday.com/lesson-plan>. Laman web tersebut turut mengandungi kertas tip, pautan kepada kursus dalam talian untuk pelajar universiti dan senarai bacaan tentang fakta dan semakan fakta.

# **PENENTUSAHAN MEDIA SOSIAL: MENILAI SUMBER DAN KANDUNGAN VISUAL**

*Tom Trewinnard and Fergus Bell*

---

## **MODUL 6**



## Sinopsis

Modul ini direka bentuk untuk membantu peserta mengenal pasti dan menentusahkan sumber asal maklumat digital dalam talian. Modul ini akan memperkenalkan pelbagai strategi untuk menentukan keaslian sumber, gambar dan video, terutamanya Kandungan Dijana Pengguna (*User Generated Content* (UGC)) yang dikongsi melalui media sosial.

Pada akhir modul ini, peserta sepatutnya mengetahui jenis-jenis kandungan palsu dan mengelirukan yang sering dikongsi semasa berlakunya kejadian berita gempar di platform seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube<sup>1</sup>. Kandungan sedemikian kadangkala diambil dan disiarkan oleh organisasi berita yang boleh dipercayai, tetapi kemudiannya mencemarkan nama baik mereka. Kandungan tersebut juga kadangkala disebar dan diberikan penekanan di rangkaian sosial oleh wartawan, yang adakalanya menjadi sasaran bagi mereka yang berniat jahat dan ingin mempengaruhi perbincangan awam<sup>2</sup>, dengan menggunakan kredibiliti wartawan sebagai sumber yang boleh dipercayai<sup>3</sup>.

Peserta diminta untuk menguji naluri mereka dengan senario dan contoh dunia sebenar, sebelum cuba untuk menggunakan teknik penyiasatan asas dan strategi untuk menentusahkan kandungan, termasuk:

- ▶ Mengetahui dan mengkredit sumber asal, sesuai dengan prinsip etika yang memandu penggunaan jurnalistik bagi Kandungan Dijana Pengguna (UGC).<sup>4</sup>
- ▶ Mengetahui dan tidak mengambil kira akaun palsu atau *bot*.<sup>5</sup> <sup>6</sup>
- ▶ Memastikan kandungan visual telah diatributkan kepada sumber asal dengan tepat.
- ▶ Menentusahkan bahan rakaman dan masa kandungan dimuat naik.
- ▶ Membuat geolokasi gambar dan video.

1. Alejandro, J. (2010). *Journalism in the Age of Social Media*. Reuters Institute Fellowship. Didapati di <http://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/sites/default/files/research/files/Journalism%2520in%2520the%2520Age%2520of%2520Social%2520Media.pdf> [diakses pada 22/04/2018].

2. Paulussen, S. & Harder, R. (2014). "Social Media References in Newspapers" dlm. *Journalism Practice*, 8(5), pp. 542 – 551.

3. Modul Tujuh mempunyai penjelasan lanjut dan cara menangani masalah ini

4. Lihat panduan *Online News Association's UGC Ethics*. Didapati di <https://ethics.journalists.org/topics/user-generated-content/> [diakses pada 18/4/2018].

5. Woolley, S.C. & Howard, P.N. (2017). *Computational Propaganda Worldwide: Executive Summary*. Samuel Woolley & Philip N. Howard (eds.), Working Paper 2017.11. Oxford, UK: Project on Computational Propaganda. [comprop.oii.ox.ac.uk](http://comprop.oii.ox.ac.uk). Didapati di <http://comprop.oii.ox.ac.uk/wp-content/uploads/sites/89/2017/06/CaseStudies-ExecutiveSummary.pdf> [diakses pada 22/04/2018].

6. Joseph, R. (2018). *Guide. How to Verify a Twitter Account*. Africa Check. Didapati di <https://africacheck.org/factsheets/guide-verify-twitter-account/> [diakses pada 6/04/2018].

Kebolehan untuk mengenal pasti dan menentusahkan kandungan asal membolehkan wartawan untuk meminta kebenaran menyiarkan Kandungan Dijana Pengguna (UGC), sesuai dengan kehendak etika dan perundangan.



## Garis Panduan

Dua penulis, Bill Kovach dan Tom Rosenstiel, dalam *The Elements of Journalism*<sup>7</sup> menyatakan: “Akhirnya, bidang penentusahan ialah perkara yang membezakan kewartawanan daripada hiburan, propaganda, fiksiyen, atau seni ... Kewartawanan sahaja yang memberikan fokus untuk memastikan perkara yang berlaku adalah benar...”. Dengan semangat ini, modul ini akan melihat “disiplin penentusahan” pada masa ini.

Media sosial telah mengubah amalan kewartawanan. Keterlibatan khalayak pada masa sebenar telah memperlihatkan peningkatan kandungan daripada sumber khalayak, dan selain tugas melapor, penentusahan juga boleh dilakukan oleh khalayak<sup>8</sup>. Sebagai asas kewartawanan, disiplin menentusahkan<sup>9</sup>, kaedah menentusahkan kandungan dan sumber perlu sentiasa dikemas kini untuk mencerminkan kesan daripada teknologi digital yang sentiasa berubah, sikap dalam talian, dan amalan pengumpulan berita. Contohnya, semasa Arab Spring, konsep ‘penentusahan terbuka’ – suatu proses penentusahan masa sebenar yang melibatkan kerjasama umum – mula tercetus. Namun, masih terdapat perbalahan dalam proses ini kerana adanya risiko disinformasi yang akan menjadi tular, apabila maklumat tersebut dikongsi dalam forum awam semasa usaha untuk menentusahkan maklumat langkah demi langkah dilakukan (cth: wartawan berkongsi maklumat yang belum ditentusahkan dengan niat untuk mendapatkan sokongan umum bagi proses penentusahan).<sup>10</sup>

Pada hari ini, pengalaman saksi dan kandungan visual adalah antara alat yang paling penting dan menarik perhatian untuk digunakan oleh wartawan atau penerbit berita bagi menulis cerita yang berimpak tinggi. Dalam senario berita tergejolak, faktor yang paling kritikal ialah kepantasan melakukan penentusahan maklumat daripada media sosial.<sup>11</sup>

7. Kovach, B., & Rosenstiel, T. (2014). *The Elements of Journalism: What Newspeople Should Know and the Public Should Expect*. New York: Crown Publishers.

8. Carvin, A. (2012). *Distant Witness: Social Media's Journalism Revolution*. New York: CUNY Journalism Press.

9. Kovach, B. & Rosenstiel, T. (2014). *Op cit*

10. Posetti, J. & Silverman, S. (2014). “When Good People Share Bad Things: The Basics of Social Media Verification” dlm. *Mediashift*, 24 Julai 2014. Didapati di <http://mediashift.org/2014/07/goodwhen-good-people-share-bad-things-the-basics-of-social-media-verification/> [diakses pada 22/04/2018].

11. Brandtzaeg, P., Lüders, M., Spangenberg, J., Rath-Wiggins, L. & Følstad, A. (2015). “Emerging Journalistic Verification Practices Concerning Social Media” dlm. *Journalism Practice* 10(3), pp. 323 – 342.

Wartawan perlu mencari banyak maklumat bagi mendapatkan sumber, maklumat dan gambar yang penting. Peningkatan jumlah kandungan visual (gambar, video, GIF) yang dimuat naik di platform sosial, berpunca daripada tiga faktor utama:

- ▶ Pertambahan telefon pintar berkamera di serata dunia<sup>12</sup>
- ▶ Pertambahan akses kepada data peranti yang murah (dan di sesetengah tempat, percuma)
- ▶ Peningkatan rangkaian sosial global dan platform sosial bagi penghantaran mesej yang memudahkan seseorang untuk menyiarkan tulisan mereka dan mengumpulkan khalayak.

Dalam kebanyakan senario berita tergepar, penjelasan pertama, gambar dan rakaman video yang muncul daripada insiden – protes, keretapi terbabas, ribut taufan, atau serangan pengganas – lazimnya diterbitkan oleh saksi, orang yang terlibat, atau orang yang berdekatan yang mempunyai telefon pintar. Teknik untuk menentusahkan kandungan, berbeza dan bergantung pada sumber yang dimiliki oleh bilik berita, norma dan standard, dan amalan wartawan itu sendiri. Modul ini akan memperkenalkan kepada pelajar kaedah amalan terbaik, serta alat dan sumber dalam talian. Namun, seperti teknologi, alatnya turut mengalami perubahan dengan pantas.<sup>13</sup>

Garis panduan umum untuk penentusahan yang diberikan oleh Kovach dan Rosenstiel (2014) yang digunakan<sup>14</sup>:

- ▶ Sunting dengan rasa ragu-ragu.
- ▶ Simpan senarai semak yang tepat.
- ▶ Jangan membuat sebarang andaian – jangan dikelirukan oleh pengeksploitasian tanda-tanda yang dikaitkan dengan “kebenaran”<sup>15</sup>.
- ▶ Berhati-hati dengan sumber yang tidak bernama.

Anda berada pada posisi yang boleh menentusahkan seseorang sebagai sumber jika dapat mengenal pasti sumber asal maklumat dan imej, dan melakukan suatu sistem semakan terhadap sumber dan kandungan yang dikongsi, asalkan semakan yang dibuat memberikan hasil yang sepatutnya<sup>16</sup>.

12. Lihat Slaid 5 Laporan *Tren Internet Mary Meeker*. Didapati di <https://www.slideshare.net/kleiner-perkins/internet-trends-v1> [diakses pada 22/04/2018].

13. Schifferes, S., Newman, N., Thurman, N., Corney, D., Göker, A. & Martin, C. (2014). "Identifying and Verifying News through Social Media" dlm. *Digital Journalism* 2(3), pp. 406 – 418.

14. Kovach & Rosenstiel (2014). *Op cit*.

15. Zimmer, B. (2010). "Truthiness" dlm. *The New York Times*. Didapati di <https://www.nytimes.com/2010/10/2017/magazine/2017FOB-onlanguage-t.html> [diakses pada 15/04/2018].

16. Bell, F. (2015). *Verification: Source vs Content* [online] Medium. Didapati di <https://medium.com/1st-draft/verification-source-vs-content-b67d6eed3ado> [diakses pada 22/04/2018].

Semakan ini ialah ulangan kerja yang mungkin dilakukan oleh wartawan jika mereka berada di tempat kejadian dan menemu bual saksi. Seorang wartawan boleh mengendalikan temu bual secara peribadi yang akan meneliti penjelasan saksi, membuat susulan terhadap maklumat penting, dan membuat kesimpulan terhadap kebolehpercayaan, berdasarkan semakan fakta. Naluri juga boleh menjadi panduan sampingan – termasuk mencari petunjuk kepada sikap. Proses mengesahkan sumber secara digital harus mencapai suatu rumusan, walaupun wartawan tidak berupaya untuk bercakap terus dengan orang tersebut atau pada waktu sebenar.<sup>17</sup>

Kebanyakan bilik berita yang besar mempunyai pasukan dan teknologi tinggi, atau agensi yang memberikan perkhidmatan khusus untuk mencari kandungan berita secepat mungkin,<sup>18</sup> dan pada masa yang sama cuba mendapatkan hak penerbitan dan penyiaran, serta menentusahkan kandungan sebelum diterbitkan. Kebanyakan bilik berita yang kecil dan wartawan individu tidak mempunyai sumber sedemikian<sup>19</sup>, dan bergantung pada metodologi sistematik sendiri untuk menentukan kebolehpercayaan.<sup>20</sup>

Mengapakah penentusahan sumber dan kandungan visual sangat penting? Ringkasnya, dua faktor tersebut menghasilkan kewartawanan yang cemerlang. Dalam dunia digital pada hari ini, perbuatan mencipta dan menyebarkan berita palsu mudah berlaku sehingga sukar untuk dikesan kerana berjaya meyakinkan pembaca. Terdapat banyak kes apabila wartawan profesional dan bilik berita merosakkan reputasi mereka dengan berkongsi atau menerbitkan semula maklumat yang mengelirukan dan gambar atau maklumat yang palsu. Kadangkala, mereka juga membuat interpretasi yang salah terhadap kandungan yang bersifat satira, dan berkongsi kandungan berita tersebut sebagai fakta.<sup>21</sup>

Masalah ini semakin rumit kesan pertambahan jumlah kandungan visual dalam talian, yang boleh dikeluarkan daripada konteks sebenar dan dikitar semula untuk berita akan datang, seperti yang dilihat berlaku di serata dunia dengan olokan yang menipu ahli politik dan wartawan profesional.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah yang boleh digunakan untuk menyemak kredibiliti sumber yang mempunyai cerita untuk diberitahu, atau mempunyai

17. Kovach & Rosenstiel (2014). *Op cit*.

18. Diakopoulos, N., De Choudhury, M. & Naaman, M. (2012). *Finding and Assessing Social Media Information Sources in the Context of Journalism Conference on Human Factors in Computing Systems - Proceedings*, pp. 2451 – 2460. Didapati di: <http://www.nickdiakopoulos.com/wp-content/uploads/2011/07/SRSR-diakopoulos.pdf> [diakses pada 22/04/2018].

19. Schifferes, S., Newman, N., Thurman, N., Corney, D., Goker, A.S. & Martin, C. (2014). "Identifying and Verifying News through Social Media: Developing a User-Centred Tool for Professional Journalists" dlm. *Digital Journalism* 2(3), pp. 406 – 418. Didapati di [http://openaccess.city.ac.uk/30717/IDENTIFYING\\_AND\\_VERIFYING\\_NEWS\\_THROUGH\\_SOCIAL\\_MEDIA.pdf](http://openaccess.city.ac.uk/30717/IDENTIFYING_AND_VERIFYING_NEWS_THROUGH_SOCIAL_MEDIA.pdf) [diakses pada 22/04/2018].

20. Brandtzaeg, P.B., Lüders, M., Spangenberg, J., Rath-Wiggins, L., & Følstad, A. (2016). "Emerging Journalistic Verification Practices Concerning Social Media" dlm. *Journalism Practice* 10(3), 323 – 342.

21. Deutsche Welle (2018). *Germany's Bild Falls for Hoax and Unleashes Fake News Debate* (22/02/2018). Didapati di <http://www.dw.com/en/germanys-bild-falls-for-hoax-unleashes-debate-on-fake-news/a-42704014> [diakses pada 22/04/2018].

kandungan berita untuk dikongsi. Soalan penting yang patut ditanya, sesetengahnya secara terus, dan sesetengahnya terjawab dengan menggunakan bukti yang diperoleh melalui penyiasatan. Alat penentusahan boleh digunakan untuk menentukan tempat sumber membuat hantaran, tetapi penyegitigaan secara manual boleh dilakukan dengan cara menganalisis sejarah media sosial untuk mencari petunjuk yang boleh membuktikan sama ada mereka berada di tempat tersebut pada masa tertentu. Menyemak sejarah interaksi mereka bersama-sama dengan orang lain dan menyemak kandungan yang dipaut kepada hantaran juga membantu proses penentusahan manual dan membantu menyingkirkan maklumat yang dikongsi oleh bot.

Menyunting dengan rasa ragu-ragu penting tetapi kebanyakan individu yang berkongsi acara atau berita dan cerita tidak berniat untuk menipu – mereka sekadar berkongsi pengalaman mereka. Kesilapan maklumat yang berlaku mungkin tanpa niat jahat. Sebaliknya, kesilapan mungkin berlaku kerana individu tersebut tidak mengingati dengan tepat perkara yang berlaku atau memilih untuk menokok tambah cerita. Keadaan ini juga berlaku jika anda berpeluang untuk melakukan temu bual bersemuka secara peribadi, seperti yang sering terjadi dalam laporan dan kenyataan dari tempat kejadian jenayah atau kemalangan, apabila penjelasan saksi atau mangsa mungkin berbeza.

Sungguhpun tidak mungkin untuk menentukan secara pasti asal usul kandungan visual, terdapat beberapa tanda yang boleh dikenal pasti melalui proses penentusahan yang mudah dengan bertanya:

- ▶ Adakah kandungan berita tersebut palsu, atau telah diambil daripada pelaporan sebelum ini dan digunakan semula dengan cara yang mengelirukan?
- ▶ Adakah kandungan ini telah dimanipulasi secara digital dalam apa-apa cara sekalipun?<sup>22</sup>
- ▶ Bolehkah masa dan tempat gambar/video diambil ditentukan dengan menggunakan metadata yang ada?
- ▶ Bolehkan masa dan tempat gambar/video diambil ditentukan dengan menggunakan petunjuk visual dalam kandungan berita?

Untuk melihat tanda amaran dengan efisien, bentuk kandungan visual yang palsu atau mengelirukan perlu difahami:

- ▶ **Masa salah/tempat salah:** bentuk kandungan yang mengelirukan yang paling biasa berlaku ialah visual lama yang dikongsi semula bersama-sama

---

22. "Student survivors of the mass shooting at a school in Parkland, Florida, USA, who organised a successful national protest for gun control, featured in manipulated images spread on partisan social media channels". Didapati di [https://www.buzzfeed.com/janelytynenko/here-are-the-hoaxes-and-conspiracies-still-going-around?utm\\_term=.euy6NPpay#jhezYvV44](https://www.buzzfeed.com/janelytynenko/here-are-the-hoaxes-and-conspiracies-still-going-around?utm_term=.euy6NPpay#jhezYvV44). [diakses pada 22/04/2018].

dakwaan baharu dan sebab ditunjukkan. Penularan, dalam kes ini, lazimnya disebabkan oleh perkongsian kandungan berita secara tidak sengaja yang mudah disangkal, namun sukar untuk ditarik balik.<sup>23</sup>

- **Kandungan dimanipulasi:** kandungan yang telah dimanipulasi secara digital dengan menggunakan perisian penyuntingan gambar atau video.
- **Kandungan yang dibuat:** kandungan asli yang telah dicipta dan dikongsi dengan tujuan untuk mengelirukan.<sup>24</sup>

Dalam modul ini, pelajar akan diperkenalkan dengan alat dan teknik asas untuk mempelajari dan mempraktikkan penentusahan sumber dan kandungan (slaid, termasuk nota jurulatih, dan bacaan tambahan telah disediakan) seperti yang berikut:<sup>25</sup>

**Analisis Akaun Facebook:** Alat dalam talian daripada Intel Techniques<sup>26</sup> boleh digunakan untuk menganalisis akaun Facebook sumber bagi mendapatkan lebih maklumat tentang mereka.

**Analisis Akaun Twitter:** Panduan daripada Africa Check boleh digunakan untuk mendapatkan lebih maklumat tentang sumber, iaitu dengan menganalisis sejarah sosial dan seterusnya mengenali pasti sama ada bot yang bersembang.<sup>27</sup>

**Pencarian Imej Balikan:** Dengan menggunakan Google Reverse Image Search<sup>28</sup>, TinEye<sup>29</sup> atau RevEye<sup>30</sup>, anda boleh menyemak sama ada sesuatu imej dikitar semula untuk menyokong dakwaan atau kejadian baharu. Pencarian Imej Balikan membenarkan anda melihat jika satu atau lebih pangkalan data imej (dengan berbilion-bilion imej) mengandungi versi awal imej tersebut. Jika pencarian imej balikan menunjukkan imej tersebut wujud sebelum kejadian yang didakwa, keadaan ini menunjukkan bahawa berkemungkinan besar imej tersebut dikitar semula daripada kejadian terdahulu. Jika pencarian imej balikan tidak membuahkan hasil, hal ini tidak bermakna imej tersebut bersifat asli, dan anda masih perlu melakukan semakan lanjut.

23. Video yang kononnya membuktikan Lapangan Terbang Antarabangsa Bengaluru di India banjir sebenarnya video banjir yang berlaku di lapangan terbang di Mexico yang diguna semula. Didapati di <https://www.thequint.com/news/webqoof/fake-video-claiming-bengaluru-airport-was-flooded-is-from-mexico> [diakses pada 22/04/2018].

24. Kecerdasan buatan dan perkakasan penyuntingan video yang canggih membuatkan semakin sukar untuk mengenali pasti video palsu, seperti rakaman video Barack Obama ini. Didapati di <https://www.youtube.com/watch?v=AmUC4m6w1wo> [diakses pada 03/04/2018].

25. Ambil maklum bahawa perkakasan berita terus mengalami perubahan dan jurulatih, bersama pelajar boleh mencari dan mencuba teknologi dan teknik tersebut.

26. Didapati di <https://inteltechniques.com/osint/facebook.html>. [diakses pada 03/04/2018].

27. Joseph (2018). Op cit

28. How to do a Google Reverse Image Search: <https://support.google.com/websearch/answer/1325808?hl=en> [diakses pada 22/04/2018].

29. Didapati di <https://www.tineye.com/> [diakses pada 22/04/2018].

30. Didapati di <http://squobble.blogspot.co.uk/2009/12/chromeeye-tineye-extension-for-google.html> [diakses pada 22/04/2018].

**Alat Lihat Data Youtube:** Pencarian video balikan untuk kegunaan umum masih tiada – tetapi alat seperti Alat Lihat Data Youtube milik Amnesty<sup>31</sup>, In VID<sup>32</sup> dan NewsCheck<sup>33</sup> boleh mengesan imej kecil video (thumbnails) untuk video Youtube dan pencarian imej balikan boleh membongkar sama ada versi awal video tersebut pernah dimuat naik sebelum ini. (alat turut menunjukkan waktu dimuat naik).

**Alat Lihat EXIF:** EXIF ialah metadata yang terlampir bersama-sama dengan kandungan visual. Alat tersebut mempunyai julat besar poin data yang dicipta oleh kamera digital dan kamera telefon semasa visual tersebut ditangkap. Antara maklumat yang terakam termasuklah masa dan tarikh, lokasi metadata, data peranti, dan maklumat penataan lampu. Metadata EXIF adalah sangat berguna dalam proses penentusahan, tetapi batasan utamanya ialah rangkaian sosial mengeluarkan metadata daripada kandungan visual. Hal ini bermakna, imej yang dikongsi di Twitter atau Facebook tidak akan mempamerkan data EXIF. Walau bagaimanapun, jika anda boleh menghubungi individu yang memuat naik visual tersebut dan memperoleh fail imej yang asli, anda boleh menggunakan data EXIF untuk menentusahkan kandungan. Namun, data EXIF boleh diubah suai, oleh itu, semakin lanjut diperlukan.

Peserta akan diperkenalkan dengan perkara asas hingga kepada teknik lanjutan, dengan sumber tambahan untuk pembacaan dan penyediaan kajian kes. Antara teknik tersebut termasuklah:

- ▶ **Geolokasi:** Geolokasi ialah proses untuk menentukan tempat video atau imej dirakam. Perkara ini boleh menjadi mudah jika terdapat metadata yang mencukupi: data EXIF daripada telefon bimbit lazimnya mendedahkan koordinat, dan kandungan sosial (di Instagram, Facebook dan Twitter, contohnya) kadangkala diletakkan geotag (tetapi, perlu diketahui, metadata sedemikian boleh disunting dan mengelirukan anda). Sering kali geolokasi memerlukan rujuk silang ciri visual dan tanda tempat daripada kandungan dengan imej satelit, imej pandangan jalan raya dan kandungan visual yang boleh didapati daripada sumber lain (seperti kandungan visual lain yang dihantar di Twitter, Instagram, Facebook dan Youtube).
- ▶ **Pengesahan Cuaca:** Sumber seperti WolframAlpha<sup>34</sup> boleh mendedahkan data sejarah cuaca, yang membenarkan kita untuk menyemak sama ada

31. *How to use Amnesty's YouTube Data Viewer*. Didapati di [https://firstdraftnews.org/curriculum\\_resource/youtube-data-viewer/](https://firstdraftnews.org/curriculum_resource/youtube-data-viewer/) [diakses pada 22/04/2018].

32. Perkakasan penentusahan video InVid boleh didapati di <http://www.invid-project.eu/tools-and-services/invid-verification-plugin/> [diakses pada 22/04/2018].

33. *About NewsCheck*. Didapati di <https://firstdraftnews.org/launching-new-chrome-extension-newscheck/> [diakses pada 22/04/2018].

34. Perkakasan WolframAlpha didapati di <https://www.wolframalpha.com/examples/science-and-technology/weather-and-meteorology/> [diakses pada 22/04/2018].

cuaca yang dilihat dalam kandungan visual disahkan oleh rekod tersebut. (cth: Adakah video ini menunjukkan cuaca sedang hujan sedangkan sumber data meteorologi menyatakan hari tersebut tidak hujan?)

- ▶ **Analisis Bayang-bayang:** Suatu cara untuk menyiasat ketulenan gambar atau video adalah dengan menyemak ketekalan bayang-bayang yang boleh dilihat (cth: adakah bayang-bayang tersebut berada di tempat yang sepatutnya, dan adakah tekal dengan sumber cahaya yang relevan?)
- ▶ **Forensik Imej:** Sesetengah perkakasan boleh mengesan ketaktekalan dalam metadata imej yang mungkin bermakna sudah dimanipulasikan. Kesahan teknik ini bergantung pada konteks dan aplikasi, tetapi perkakasan seperti Forensically<sup>35</sup>, Photo Forensics<sup>36</sup> dan IziTru<sup>37</sup> boleh mengesan klon dan menganalisis tahap kesilapan yang boleh memberikan maklumat berguna.



## Matlamat Modul

- ▶ Untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan Kandungan Dijana Pengguna (UGC) yang dikongsi melalui rangkaian sosial dalam kewartawanan kontemporari, termasuk risiko dan perangkap yang berkaitan apabila bergantung padanya.
- ▶ Untuk mendapat pemahaman yang mendalam tentang kepentingan untuk mendapatkan akses dan maklumat daripada sumber utama dalam cerita dan proses untuk mendapatkannya.
- ▶ Untuk meningkatkan pemahaman tentang perlunya untuk menentusahkan kandungan UGC dan menyingkirkan pelbagai jenis kandungan palsu dan mengelirukan.
- ▶ Untuk meningkatkan kesedaran tentang kaedah asas untuk menentusahkan imej dan video, dan menyangkal kandungan visual palsu.



## Hasil Pembelajaran

1. Pemahaman mendalam terhadap peranan UGC dalam kewartawanan kontemporari.
2. Memahami kepentingan untuk menentusahkan kandungan digital.

35. Wagner, J. (2015). *Forensically, Photo Forensics for the Web*. [Blog] 29a.ch.Didapati di <https://29a.ch/2015/08/16/forensically-photo-forensics-for-the-web> [diakses pada 22/04/2018].

36. Perkakasan *fotoforensics* boleh didapati di <http://fotoforensics.com/> [diakses pada 22/04/2018].

37. Perkakasan *Izitru* boleh didapati di <https://www.izitru.com/> [diakses pada 22/04/2018].

3. Kesedaran terhadap, dan pemahaman teknikal, tentang cara menggunakan alat untuk menentukan sumber asal.
4. Kebolehan mengambil tindakan yang paling asas untuk menentukan gambar dan kandungan video.
5. Kesedaran tentang adanya teknik lanjutan dan metadata yang boleh digunakan dalam proses penentusahan.
6. Kesedaran tentang perlunya kebenaran untuk menggunakan UGC dan kandungan dalam talian lain dan pengetahuan tentang cara untuk melakukannya.



## **Format Modul**

Modul ini disampaikan dalam kuliah berbentuk teoretikal sepanjang 60 minit dan demonstrasi praktikal yang dibahagikan kepada tiga bahagian, selama 120 minit. Namun, subjek ini berbentuk praktikal dan memerlukan bengkel interaktif yang lebih panjang, dengan latihan praktikal sebagai tambahan kepada demonstrasi yang dilakukan.

**Teoretikal:** Dengan menggunakan nota di atas, reka satu kuliah yang membincangkan penentusahan sebagai sebahagian daripada kaedah kewartawanan yang diperlukan dalam era digital meskipun sentiasa berubah.

**Praktikal:** Sesi praktikal 120 minit meliputi demonstrasi interaktif dan bengkel. Sesi praktikal boleh dibahagikan kepada tiga bahagian.

Pendidik patut menggunakan nota di atas dan slaid yang boleh dimuat turun daripada pautan berikut. Sila ambil maklum bahawa terdapat nota tambahan untuk jurulatih yang terlampir bersama-sama slaid:

- i. **Mengenal pasti dan menentukan sumber.** Menyemak sejarah sosial sumber: [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_one.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_one.pdf)
- ii. **Asas penentusahan imej.** Jenis imej palsu biasa dan langkah asas penentusahan: [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_two.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_two.pdf)
- iii. **Penentusahan lanjutan.** Pendekatan analisis kandungan, termasuk analisis metadata dan geolokasi: [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_three.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_three.pdf).

## Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

### A. Teoretikal

| Pelan Modul                                                        | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|--------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Kuliah: Latar belakang dan teori penentusahan serta evolusi kaedah | 1 jam      | 1, 2, 6            |

### B. Praktikal

| Pelan Modul                                                     | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|-----------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| i. Penentusahan sumber – sosial (latihan)                       | 30 minit   | 2, 3               |
| ii. Pencarian imej balikan (demonstrasi dan latihan)            | 15 minit   | 2, 3, 4            |
| iii. Menganalisis video (demonstrasi)                           | 30 minit   | 2, 3, 4            |
| iv. Pengenalan kepada jenis metadata yang berbeza (demonstrasi) | 15 minit   | 2, 5               |
| v. Geolokasi (demonstrasi dan latihan)                          | 20 minit   | 2, 4, 5            |
| vi. Cuaca, bayang-bayang dan forensik imej (demonstrasi)        | 10 minit   | 2, 4, 5            |



### Tugasan yang Dicapangkan

- ▶ Peserta perlu mereka bentuk satu aliran kerja penentusahan sumber menggunakan contoh dalam slaid 8, pada slaid pertama. Peserta perlu menunjukkan peranan sebenar, tempat kerja atau organisasi media yang mereka kenali.
- ▶ Pilih akaun media sosial seorang yang popular dan minta peserta menggunakan alat yang telah didemonstrasikan untuk menentukan sama ada akaun tersebut tulen, dan mengenal pasti akaun lain yang berkaitan yang tidak tulen.

- Pilih dan kongsi fail imej dengan kelas dan minta mereka kenal pasti maklumat tertentu dengan menggunakan alat lihat EXIF dalam talian dan alat Pencarian Imej Balikan untuk memberitahu anda sumber asal imej tersebut.



## Bahan

### Slaid

---

1. [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_one.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_one.pdf).
2. [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_two.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_two.pdf).
3. [https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco\\_fake\\_news\\_curriculum\\_verification\\_digital\\_sources\\_three.pdf](https://en.unesco.org/sites/default/files/unesco_fake_news_curriculum_verification_digital_sources_three.pdf).



## Bacaan

### Penentusahan Sumber

---

- Ayala lacucci, A. (2014). *Case Study 3.1: Monitoring and Verifying During the Ukrainian Parliamentary Election, Verification Handbook*. European Journalism Centre. Didapati di <http://verificationhandbook.com/book/chapter3.1.php>. [diakses pada 04/04/2018].
- Bell, F. (2015). *Verification: Source vs. Content, First Draft News*. Didapati di <https://medium.com/1st-draft/verification-source-vs-content-b67d6eed3ado>. [diakses pada 04/04/2018].
- Carvin, A. (2013). *Distant Witness*, CUNY Journalism Press. Didapati di <http://press.journalism.cuny.edu/book/distant-witness-social-media-the-arab-spring-and-a-journalism-revolution/>. [diakses pada 04/04/2018].
- Toler, A. (2017). *Advanced Guide on Verifying Video Content*. Didapati di <https://www.bellingcat.com/resources/how-tos/2017/06/30/advanced-guide-verifying-video-content/>. [diakses pada 04/04/2018].
- Trewinnard, T. (2016). *Source Verification: Beware the Bots, First Draft News*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/source-verification-beware-the-bots/>. [diakses pada 04/04/2018].

## Video

---

*Real or Fake: How to Verify What You See on the Internet.* (2015). France24.

Didapati di <https://www.youtube.com/watch?v=Q8su4chuU3M&feature=youtu>  
[diakses pada 04/04/2018].

Knight, W. (2018). *The Defense Department has Produced the First Tools for*

*Catching Deepfakes*, MIT Technology Review. Didapati di [https://www.](https://www.technologyreview.com/s/611726/the-defense-department-has-produced-the)

[technologyreview.com/s/611726/the-defense-department-has-produced-the-first-tools-for-catching-deepfakes/](https://www.technologyreview.com/s/611726/the-defense-department-has-produced-the-first-tools-for-catching-deepfakes/) [diakses pada 23/08/2018].

## Saksi di Media

---

Brown, P. (2015). *A Global Study of Eyewitness Media in Online Newspaper Sites.*

Eyewitness Media Hub. Didapati di [http://eyewitnessmediahub.com/uploads/](http://eyewitnessmediahub.com/uploads/browser/files/final%20Press%20Study%20-%20eyewitness%20media%20hub.pdf)  
[browser/files/final%20Press%20Study%20-%20eyewitness%20media%20](http://eyewitnessmediahub.com/uploads/browser/files/final%20Press%20Study%20-%20eyewitness%20media%20hub.pdf)  
[hub.pdf](http://eyewitnessmediahub.com/uploads/browser/files/final%20Press%20Study%20-%20eyewitness%20media%20hub.pdf). [diakses pada 04/04/2018].

Hermida, A. (2013). *#JOURNALISM*. Digital Journalism, 1(3), pp. 295 – 313.

Koettl, C. (27 Januari 2016). *Citizen Media Research and Verification: An Analytical*

*Framework for Human Rights Practitioners*. Centre of Governance and Human Rights, University of Cambridge. Available at [https://www.repository.cam.](https://www.repository.cam.ac.uk/handle/201810/253508)

[ac.uk/handle/201810/253508](https://www.repository.cam.ac.uk/handle/201810/253508). [diakses pada 04/04/2018].

Kuczerawy, A. (16 Disember 2016). *Pants on Fire: Content Verification Tools*

*and Other Ways to Deal with the Fake News Problem*. Available at [https://](https://revealproject.eu/pants-on-fire-content-verification-tools-and-other-ways-to-deal-with-the-fake-news-problem/)  
[revealproject.eu/pants-on-fire-content-verification-tools-and-other-ways-to-](https://revealproject.eu/pants-on-fire-content-verification-tools-and-other-ways-to-deal-with-the-fake-news-problem/)  
[deal-with-the-fake-news-problem/](https://revealproject.eu/pants-on-fire-content-verification-tools-and-other-ways-to-deal-with-the-fake-news-problem/) [diakses pada 22/01/2018].

Novak, M. (t.th.). *69 Viral Images from 2016 That Were Totally Fake*. Didapati

di [https://gizmodo.com/69-viral-images-from-2016-that-were-totally-](https://gizmodo.com/69-viral-images-from-2016-that-were-totally-fake-1789400518)  
[fake-1789400518](https://gizmodo.com/69-viral-images-from-2016-that-were-totally-fake-1789400518). [diakses pada 12/11/2017].

Online News Association: UGC Ethics Guide. Didapati di [https://ethics.journalists.](https://ethics.journalists.org/topics/user-generated-content/)

[org/topics/user-generated-content/](https://ethics.journalists.org/topics/user-generated-content/) [diakses pada 18/4/2018].

Pierre-Louis, K. (2017). *You're Probably Terrible at Spotting Faked Photos.*

Didapati di <https://www.popsoci.com/fake-news-manipulated-photo>. [diakses  
pada 12/11/2017].

Rohde, D. (2013). *Pictures That Change History: Why the World Needs*

*Photojournalists*. The Atlantic. Didapati di [https://www.theatlantic.com/](https://www.theatlantic.com/international/archive/2013/12/pictures-that-change-history-why-the-world-needs-photojournalists/282498/)  
[international/archive/2013/12/pictures-that-change-history-why-the-world-](https://www.theatlantic.com/international/archive/2013/12/pictures-that-change-history-why-the-world-needs-photojournalists/282498/)  
[needs-photojournalists/282498/](https://www.theatlantic.com/international/archive/2013/12/pictures-that-change-history-why-the-world-needs-photojournalists/282498/). [diakses pada 03/04/2018].

- Shapiro, I., Brin, C., Bédard-Brûlé, I. & Mychajlowcz, K. (2013) *Verification as a Strategic Ritual: How Journalists Retrospectively Describe Processes for Ensuring Accuracy*. *Journalism Practice*, 7(6).
- Smidt, J.L., Lewis, C. & Schmidt, R. (2017). *Here's A Running List of Misinformation about Hurricane Irma*. Didapati di <https://www.buzzfeed.com/janelytvynenko/irma-misinfo/>. [diakses pada 23/10/2017].
- Wardle, C. (2015). 7/7: *Comparing the Use of Eyewitness Media 10 Years on*. Didapati di <https://firstdraftnews.com:443/77-comparing-the-use-of-eyewitness-media-10-years-on/>. [diakses pada 12/11/2017].
- Wardle, C., Dubberley, S., & Brown, P. (2017). *Amateur Footage: A Global Study of User-Generated Content in TV and Online News Output*. Didapati di <http://usergeneratednews.towcenter.org/how-when-and-why-ugc-is-integrated-into-news-output/>. [diakses pada 23/10/2017].
- Zdanowicz, C. (2014). *"Miracle on the Hudson" Twitpic Changed his Life*. Didapati di <http://www.cnn.com/2014/01/15/tech/hudson-landing-twitpic-krums/index.html>. [diakses pada 12/11/2017].

## **Pencarian Imej Balikan**

---

- First Draft News. *Visual Verification Guide - Photos* -. Didapati di [https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2017/03/FDN\\_verificationguide\\_photos.pdf?x47084](https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2017/03/FDN_verificationguide_photos.pdf?x47084). [diakses pada 06/11/2017].
- First Draft News. *Visual Verification Guide - Video* -. Didapati di [https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2017/03/FDN\\_verificationguide\\_videos.pdf?x47084](https://firstdraftnews.org/wp-content/uploads/2017/03/FDN_verificationguide_videos.pdf?x47084). [diakses pada 06/11/2017].
- Suibhne, E. (2015). *Baltimore "Looting" Tweets Show Importance of Quick and Easy Image Checks*. Didapati di <https://medium.com/1st-draft/baltimore-looting-tweets-show-importance-of-quick-and-easy-image-checks-a713bbcc275e>. [diakses pada 06/11/2017].
- Seitz, J. (2015). *Manual Reverse Image Search with Google and TinEye*. Didapati di <https://www.bellingcat.com/resources/how-tos/2015/05/08/manual-reverse-image-search-with-google-and-tineye/>. [diakses pada 06/11/2017].

## Alat Lihat Data Youtube

---

First Draft News. (t.th.). *Using YouTube Data Viewer to Check the Upload Time of a Video*. Didapati di <https://firstdraftnews.com:443/resource/using-youtube-data-viewer-to-check-the-upload-time-of-a-video/>. [diakses pada 13/11/2017].

Toler, A. (2017). *Advanced Guide on Verifying Video Content*. Didapati di <https://www.bellingcat.com/resources/how-tos/2017/06/30/advanced-guide-verifying-video-content/>. [diakses pada 13/11/2017].

## Analisis Metadata

---

Honan, M. (2012). *How Trusting in Vice Led to John McAfee's Downfall*. Didapati di <https://www.wired.com/2012/12/how-vice-got-john-mcafee-caught/>. [diakses pada 03/04/2018].

Storyful. (2014). *Verifying Images: Why Seeing is Not Always Believing*. Didapati di <https://storyful.com/blog/2014/01/23/verifying-images-why-seeing-is-not-always-believing/>. [diakses pada 13/11/2017].

Wen, T. (2017). *The Hidden Signs That Can Reveal A Fake Photo*. Didapati di <http://www.bbc.com/future/story/20170629-the-hidden-signs-that-can-reveal-if-a-photo-is-fake>. [diakses pada 12/11/2017].

## Analisis Kandungan

---

Ess, H. van. (2017). *Inside the Trenches of An information War*. Medium. Didapati di <https://medium.com/@henkvaness/how-to-date-a-mysterious-missile-launcher-78352ca8c3c3>. [diakses pada 03/04/2018].

Farid, H. (2012a). *Image Authentication and Forensics | Fourandsix Technologies - Blog - A Pointless Shadow Analysis*. Didapati di <http://www.fourandsix.com/blog/2012/9/4/a-pointless-shadow-analysis.html>. [diakses pada 03/04/2018].

Farid, H. (2012b). *Image Authentication and Forensics | Fourandsix Technologies - Blog - The JFK Zapruder Film*. Didapati di <http://www.fourandsix.com/blog/2012/9/11/the-jfk-zapruder-film.html>. [diakses pada 03/04/2018].

Farid, H. (t.th.-c). *Photo Forensics: In the Shadows - Still Searching - Fotomuseum Winterthur*. Didapati di [http://www.fotomuseum.ch/en/explore/still-searching/articles/26425\\_photo\\_forensics\\_in\\_the\\_shadows](http://www.fotomuseum.ch/en/explore/still-searching/articles/26425_photo_forensics_in_the_shadows). [diakses pada 03/04/2018].

First Draft News. (2016). *Watch Eliot Higgins Demonstrate Advanced Verification Techniques at #FDLive*. Didapati di <https://firstdraftnews.com:443/watch-eliot-higgins-discuss-advanced-verification-and-geolocation-techniques-at-fdlive/>. [diakses pada 03/04/2018].

Higgins, E. (24 Julai 2015). *Searching the Earth: Essential Geolocation Tools for Verification*. Didapati di <https://medium.com/1st-draft/searching-the-earth-essential-geolocation-tools-for-verification-89d96obb8fba>. [diakses pada 03/04/2018].

### Sumber dalam Talian

---

*First Draft Interactive: Geolocation Challenge*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/resource/test-your-verification-skills-with-our-geolocation-challenge/>. [diakses pada 03/04/2018].

*First Draft Interactive: Observation Challenge*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/resource/test-your-verification-skills-with-our-observation-challenge/>. [diakses pada 03/04/2018].

*First Draft Online Verification Course*. Didapati di <https://firstdraftnews.org/learn/>. [diakses pada 03/04/2018].

# MEMBANTERAS PENGANIAYAAN DALAM TALIAN: APABILA WARTAWAN DAN SUMBER MENJADI SASARAN

*Julie Posetti*

---

## MODUL 7



Era media sosial menyaksikan peningkatan dramatik masalah disinformasi dan misinformasi<sup>1</sup> yang mengganggu-gugat kredibiliti bidang kewartawanan dan maklumat yang boleh dipercayai. Akibatnya, wartawan dan penerbit dalam talian, serta sumber mereka yang cuba untuk menentusahkan atau berkongsi maklumat dan komen, sengaja menjadi sasaran. Risiko tersebut akan terus mengganggu-gugat kepercayaan terhadap bidang kewartawanan, serta keselamatan wartawan dan sumber mereka.

Dalam sesetengah kes, wartawan menjadi sasaran untuk tindakan ‘astroturfing’<sup>2</sup> dan ‘hasut maya’<sup>3</sup> – cubaan sengaja untuk “mengelirukan, memberikan maklumat yang salah, membingungkan, atau membahayakan wartawan”<sup>4</sup> melalui perkongsian maklumat yang direka untuk mengalih perhatian dan menyalaharahkan mereka, atau sesiapa yang berpotensi untuk menjadi sumber. Selain itu, wartawan juga mungkin menjadi sasaran tipu daya sumber mereka, untuk berkongsi maklumat yang tidak tepat, lalu memberikan interpretasi yang salah terhadap fakta, atau apabila didedahkan sebagai palsu, memusnahkan kredibiliti wartawan (dan organisasi berita yang berkaitan). Dalam kes lain, mereka menghadapi ancaman digital yang direka untuk sengaja mendedahkan sumber, melanggar privasi dan mendedahkan sumber mereka kepada pelbagai risiko, atau memberikan akses kepada data yang belum diterbitkan.

Terdapat juga fenomena kerajaan menubuhkan ‘pasukan kebencian digital’ untuk menghentikan komen yang kritis dan mematahkan kebebasan bersuara<sup>5</sup>. Selain itu, terdapat masalah gangguan dan keganasan (kadangkala dilabelkan sebagai ‘hasut maya’<sup>6</sup>) yang serius dan lazimnya bersifat ‘pembenci perempuan’ yang dialami oleh wanita. Keadaan ini memperlihatkan wartawan, sumber mereka, atau individu yang memberikan komen, menghadapi penganiayaan dalam talian, dakwaan palsu tentang kelakuan mereka, identiti mereka yang disalahgambarkan, atau ancaman untuk mengapa-apakan,

1. Untuk definisi, lihat: Wardle, C. & Derakhshan, H. (2017). *Information Disorder: Toward an Interdisciplinary Framework for Research and Policymaking* (Council of Europe). Didapati di <https://rm.coe.int/information-disorder-toward-an-interdisciplinary-framework-for-research/168076277c> [diakses pada 30/03/2018].
2. ‘Astroturfing’ ialah istilah yang diterbitkan daripada jenama rumput tiruan yang digunakan untuk melitupi permukaan luar bagi menghasilkan pemandangan seperti rumput sebenar. Dalam konteks disinformasi, ia melibatkan penyebaran disinformasi yang menyasarkan khalayak dan wartawan dengan niat untuk melencongkan atau mengelirukan mereka, terutamanya dalam bentuk ‘bukti’ seperti sokongan palsu untuk seseorang, idea atau polisi. Sila lihat juga definisi oleh Technopedia: <https://www.techopedia.com/definition/13920/astroturfing> [diakses pada 20/03/2018].
3. Coco, G. (2012). *Why Does Nobody Know What Trolling Means? A Quick Reference Guide for the Media* di Vice.com. Didapati di [https://www.vice.com/en\\_au/article/ppqk78/what-trolling-means-definition-UK-newspapers](https://www.vice.com/en_au/article/ppqk78/what-trolling-means-definition-UK-newspapers) [diakses pada 30/03/2018].
4. Posetti, J. (2013). “The ‘Twitterisation’ of Investigative Journalism” dlm. S. Tanner & N. Richardson (eds.), *Journalism Research and Investigation in a Digital World* (pp. 88 – 100). Melbourne: Oxford University Press. Didapati di <http://ro.uow.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=2765&context=hlapapers> [diakses pada 30/03/2018].
5. Riley, M., Etter, L. & Pradhan, B. (2018) *A Global Guide to State-Sponsored Trolling*. Bloomberg: Didapati di <https://www.bloomberg.com/features/2018-government-sponsored-cyber-militia-cookbook/> [diakses pada 21/07/2018].
6. Nota: Penggunaan istilah ‘hasut maya’ untuk aplikasi yang berkaitan dengan internet merujuk tindakan yang merangkumi usikan lembut, membuat muslihat dan mendorong, serta penipuan dengan sengaja. Walau bagaimanapun, ia sering kali digunakan sebagai istilah untuk meliputi semua tindakan yang berkaitan dengan penganiayaan dalam talian.

yang direka untuk memalukan mereka dan mengganggu-gugat keyakinan, mencemarkan nama baik, mengalih perhatian, dan yang paling utama, menghentikan pelaporan<sup>7</sup>. Sementara itu, di kebanyakan tempat, penderaan fizikal digunakan untuk menyekat pelaporan kritis secara berterusan dan menjadi semakin bahaya apabila ditokok tambah dengan hasutan dan ugutan dalam talian.

Wartawan boleh menjadi mangsa kempen disinformasi, tetapi mereka juga boleh mematahkannya semula. Selain menguatkan pertahanan digital, ramai yang mendedahkan serangan ini dan penyerangnya secara proaktif. Selain inisiatif Literasi Media dan Informasi bersama NGO, media berita juga memainkan peranan untuk mengajar orang ramai bahawa kewartawanan patut dihargai dan dilindungi.



## Garis Panduan

### Perbincangan Isu

#### i) *Mengenal Pasti dan Memberikan Maklum Balas terhadap ‘Hasut Maya’ dan ‘Astroturfing’<sup>8</sup>*

Fenomena ini termasuk mereka-reka watak dan kejadian untuk menipu wartawan dan khalayak, termasuk kempen media sosial yang dirancang untuk menyerupai reaksi natural daripada orang awam. Mungkin susah bagi seseorang untuk membezakan antara berita gempar dengan keterangan saksi yang munasabah daripada kandungan palsu atau yang sengaja ditambah dengan maklumat yang tidak tepat. Kadangkala, perkara tersebut dilakukan untuk mengelirukan atau menjejaskan kredibiliti wartawan dan pemberi komen dalam talian, yang kerjanya memperdaya dengan cara berkongsi disinformasi.

Antara contoh sikap ini termasuklah:

- ▶ Mereka-reka jumlah mangsa yang cedera akibat bencana dan serangan penganas (lihat contoh pengeboman di Manchester<sup>9</sup>) untuk memperdayakan orang dengan cara berkongsi kandungan yang berpotensi merosakkan reputasi dan/atau kredibiliti individu, termasuk wartawan, yang mungkin ditag dalam proses penyebarannya.
- ▶ Penerbitan kandungan yang seolah-olah mempunyai nilai berita yang dihasilkan

7. Sebagai contoh, lihat: <https://www.independent.co.uk/news/world/americas/twitter-maggie-haberman-new-york-times-quits-social-media-jack-dorsey-a8459121.html>

8. Penerangan tentang ‘astroturfing’ yang berguna untuk tujuan pengajaran, pautan ini bernilai: <https://youtu.be/Fmh4RdlwswE>.

9. Contoh pengeboman di Manchester. Didapati di <https://www.theguardian.com/technology/2017/may/26/the-story-behind-the-fake-manchester-attack-victims> [diakses pada 30/03/2018].

oleh watak rekaan seperti ‘Perempuan Gay di Damascus’<sup>10</sup>. Pada tahun 2011, media di serata dunia heboh melaporkan penangkapan seorang pemblog dari Syria yang dikatakan lesbian – penulis tersebut sebenarnya ialah pelajar Amerika Syarikat yang berada di luar negara. Wartawan, Jess Hill, ditugaskan oleh Australian Broadcasting Corporation untuk menyediakan laporan bagi program PM. Menurut beliau, nilai dan kaedah penentusahan tradisional mengelakkan program beliau daripada menyebarkan berita palsu. “Kami tidak melaporkan penangkapannya, kerana satu alasan mudah – kami tidak menjumpai sesiapa pun yang pernah berjumpa dengan beliau secara peribadi. Tiada saudara-mara, mahupun rakan peribadi. Kami mengambil masa dua hari untuk mencari orang, meminta kenalan dari Syria untuk memperkenalkan kami kepada sesiapa yang mungkin mempunyai hubungan dengan beliau, tetapi setiap petunjuk menemukan jalan buntu. Disebabkan kami tidak menemukan sesiapa yang pernah berjumpa dengan beliau, hal ini menimbulkan keraguan, jadi kami tidak melaporkannya... Agensi berita yang terburu-buru untuk melaporkan cerita tersebut tidak membuat kerja asas mereka, iaitu kembali kepada sumber. Mereka membuat laporan berdasarkan entri blog.”<sup>11</sup>

Antara dorongan lain termasuklah keinginan untuk melencongan atau mengalih perhatian wartawan daripada melakukan penyiasatan dengan mengalakkan pertanyaan sia-sia yang mengganggu usaha membuat pelaporan, terutamanya yang memberikan kesan menghentikan pencarian kebenaran.

Antara contoh lencongan sedemikian termasuklah:

- ▶ Cubaan untuk merangka semula dakwaan tentang jumlah orang yang menghadiri pelantikan Donald Trump pada Januari 2017 sebagai fakta alternatif.<sup>12</sup>
- ▶ Propaganda kontemporari semasa perang, cth: Taliban melaporkan maklumat peperangan yang palsu dan mengelirukan kepada wartawan di Afghanistan<sup>13</sup>.
- ▶ Set data yang mengandungi maklumat yang ditentusahkan yang bernilai untuk kepentingan awam telah diberikan kepada wartawan, tetapi telah dicemarkan dengan disinformasi di dalamnya.

Baru-baru ini, propaganda berkomputer<sup>14</sup> telah meningkatkan risiko wartawan untuk

10. Young, K. (2017). *How to Hoax Yourself: The Case of the Gay Girl in Damascus, 9 November 2017 dlm. The New Yorker*. Didapati di <https://www.newyorker.com/books/page-turner/how-to-hoax-yourself-gay-girl-in-damascus> [diakses pada 30/03/2018].

11. Posetti, J. (2013). *Op cit*

12. NBC News (2017). Video: <https://www.nbcnews.com/meet-the-press/video/conway-press-secretary-gave-alternative-facts-860142147643> [diakses pada 30/03/2018].

13. Cunningham, E. (2011). “In Shift, Taliban Embrace New Media” dlm. *GlobalPost*. Didapati di <https://www.pri.org/stories/2011-05-21/shift-taliban-embrace-new-media> [diakses pada 30/03/2018].

terpaksa berhadapan dengan ‘astroturfing’ dan ‘hasut maya’. Keadaan ini melibatkan penggunaan bot untuk menyebarkan disinformasi dan mesej propaganda yang telah disasarkan dengan tepat, dalam skala yang direka untuk memperlihatkan seolah-olah ia bergerak secara natural<sup>15</sup>. Pada masa yang sama, teknologi AI digunakan untuk mencipta video ‘palsu asli’<sup>16</sup> dan kandungan pelbagai format yang direka untuk mencemarkan nama baik orang yang disasarkan, termasuk wartawan, dan terutamanya wartawan wanita.

Antara contoh amalan tersebut termasuklah:

- ▶ Tapak berita bebas Rappler.com dan kakitangannya, yang kebanyakannya ialah wanita, dijadikan sasaran dalam kempen penganiayaan dalam talian yang prolifrik. “Di Filipina, penghasut maya berbayar, penaaakulan yang salah, lonjakan dalam logik, meracuni maklumat – adalah antara teknik propaganda yang membantu mengubah pendapat umum terhadap isu utama.”<sup>17</sup> (lihat perbincangan lanjut di bawah)
- ▶ Satu keluarga kaya yang dituduh memiliki syarikat utama negara dan ahli politik di Afrika Selatan, melantik firma perhubungan awam UK, Bell Pottinger untuk mencipta kempen propaganda yang terperinci. Mereka menyebarkan mesej melalui empayar disinformasi yang melibatkan tapak web, media, tentera Twitter berbayar yang menjadikan wartawan, ahli perniagaan dan ahli politik sebagai sasaran melalui mesej yang kesat dan menganiaya, serta imej yang disunting menggunakan Photoshop, yang direka untuk memalukan dan menghentikan penyiasatan terhadap pemilikan tersebut<sup>18</sup>. Editor tersohor, Ferial Haffajee telah dijadikan sasaran dalam kempen ancaman dalam talian pada masa itu yang memperlihatkan imejnya dimanipulasi untuk mencipta tanggapan palsu tentang sikap beliau, termasuk penggunaan tanda pagar #presstitute<sup>19</sup>

14. Woolley, S. & Howard, P. (2017). *Computational Propaganda Worldwide: Executive Summary*, Kertas Kerja No. 2017.11 (Oxford University). Didapati di <http://compprop.oii.ox.ac.uk/wp-content/uploads/sites/89/2017/06/Casestudies-ExecutiveSummary.pdf> [diakses pada 30/03/2018].

15. Nota: Pelaporan cetek tentang kempen bot semasa pilihan raya umum UK 2017 menekankan kepayahan untuk membuat laporan tentang isu tersebut. C.F. Dias, N. (2017). “Reporting on a New Age of Digital Astroturfing” dlm. *First Draft News*. Didapati di <https://firstdraftnews.com/digital-astroturfing/> [diakses pada 29/03/2018].

16. Istilah palsu asli (*deepfake*) ialah kata gembeling daripada perkataan ‘pembelajaran dalam’ (*deep learning*) dan ‘palsu’ (*fake*). Ia melibatkan teknologi AI untuk mencipta kandungan palsu, yang kadangkala berbentuk pornografi, dan amat susah dikesan. Ia digunakan dalam serangan siber untuk mencemarkan nama baik orang, termasuk wartawan. Lihat: Cuthbertson, A. (2018). “What is ‘Deepfake’ Porn? AI Brings Face-swapping to Disturbing New Level” dlm. *Newsweek*. Didapati di <http://www.newsweek.com/what-deepfake-porn-ai-brings-face-swapping-disturbing-new-level-801328> [diakses pada 17/06/2018].

17. Ressa, M. (2016). *Propaganda War: Weaponising the Internet*, Rappler. Didapati di <https://www.rappler.com/nation/48007-propaganda-war-weaponizing-internet> [diakses pada 30/03/2018].

18. Dosir ekstensif tentang empayar berita palsu Gupta boleh didapati di <https://www.timeslive.co.za/news/south-africa/2017-09-04-the-guptas-bell-pottinger-and-the-fake-news-propaganda-machine/> [diakses pada 30/03/2018].

19. Haffajee, F. (2017). *Ferial Haffajee: The Gupta Fake News Factory and Me*. HuffPost South Africa. [dalam talian]. Didapati di [https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me\\_a\\_22126282/](https://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me_a_22126282/) [diakses pada 06/04/2018].

- ▶ Kes wartawan, Rana Ayyub, menyebabkan lima pelapor khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat saranan kepada Kerajaan India untuk memberikan perlindungan kepadanya, berikutan tersebarinya disinformasi yang disasarkan untuk menutup laporan kritis, yang telah dibuat oleh beliau. Wartawan bebas tersebut telah menjadi mangsa akibat kombinasi disinformasi tentang beliau di media sosial, termasuk video ‘palsu asli’ yang mencadangkan beliau membuat filem pornografi, serta ugutan rogol dan bunuh.<sup>20</sup>
- ▶ Kes wartawan Finland, Jessikka Aro, yang dibincangkan dalam ‘Ancaman Keselamatan Digital dan Strategi Perlindungan’ dalam seksyen ii) modul ini.

Modul lain dalam buku panduan ini membincangkan secara khusus teknik penentusahan secara teknikal yang juga penting untuk membolehkan peserta mengenal pasti niat jahat sesetengah pengguna dalam talian yang mencipta, mengedar dan mensasarkan wartawan dengan disinformasi dan misinformasi, sebagai suatu corak penganiayaan.

Persoalan kritis untuk ditambah dalam kaedah teknikal untuk menentusahkan maklumat:

1. Adakah terdapat niat jahat di sebalik perkongsian atau ‘tag’ tersebut?
2. Apakah faedah yang diperoleh oleh individu yang berkongsi hantaran tersebut?
3. Apakah akibat yang mungkin berlaku kepada saya/kredibiliti profesional/institusi berita atau majikan jika saya berkongsi?
4. Adakah saya telah berusaha untuk memastikan identiti/pertalian/kebolehpercayaan/motivasi individu (cth: adakah mereka ingin menyebarkan disinformasi untuk mengaut untung daripada kandungan yang diperoleh secara haram tanpa justifikasi untuk kepentingan umum)?
5. Adakah ini manusia atau bot?<sup>21</sup>
6. Jika anda menerima ‘lambakan data’ daripada tukang adu, patutkah anda menentusahkan kandungan sendiri, sebelum menerbitkan keseluruhan data tersebut? Adakah kemungkinan data tersebut ditokok tambah dengan disinformasi atau misinformasi yang dicipta untuk mengelirukan atau menjejaskan nama baik seseorang?

20. “UN Experts Call on India to Protect Journalist Rana Ayyub from Online Hate Campaign”. Didapati di <http://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/DisplayNews.aspx?NewsID=23126&LangID=E>; [diakses pada 17/08/2018; Lihat juga Ayyub, R. (2018). *In India, Journalists Face Slut-Shaming and Rape Threats*. Didapati di <https://www.nytimes.com/2018/05/22/opinion/india-journalists-slut-shaming-rape.html> [diakses pada 17/06/2018].

21. Sebagai contoh, lihat <https://botcheck.me>.

## ii) Ancaman Keselamatan Digital dan Strategi Pelindungan

Wartawan, pejuang hak manusia dan pemblog/aktivis media sosial semakin mudah menjadi mangsa serangan siber, dan data atau sumber mereka mungkin dikompromi oleh watak yang berniat jahat, termasuk melalui pemancing data, serangan perisian hasad, dan perdayaan identiti.<sup>22</sup>

### Contoh amalan tersebut:

Wartawan penyiasatan yang pernah menerima anugerah, Jessikka Aro, yang bekerja untuk jabatan penyiaran awam YLE di Finland, telah menjadi sasaran kempen ‘hasut maya’ terancang sejak tahun 2014. Beliau pernah menerima ancaman keselamatan digital, termasuk menjadi mangsa pemancing data dan ‘doxing’<sup>23</sup>. Penghasut maya telah mendedahkan maklumat peribadi dan menyebarkan disinformasi tentang beliau, serta membuatkan aplikasi mesej dan peti masuk beliau penuh dengan mesej bersifat marah. “Saya pernah menerima panggilan telefon bahawa ada seseorang membuat tembakan. Kemudian, seseorang menghantar teks kepada saya, dan mendakwa beliau ialah ayah saya yang telah meninggal dan sedang ‘memerhatikan’ saya”, katanya.<sup>24</sup> Aro juga menyatakan penghargaan kepada editor yang melindungi wartawan daripada diancam dan menggesa wartawan untuk menyiasat dan mendedahkan propaganda.

Oleh itu, penting bagi wartawan untuk berwaspada terhadap ancaman berikut:

### 12 ancaman utama keselamatan digital<sup>25</sup>

- ▶ Pengawasan bertujuan dan pengawasan besar-besaran
- ▶ Perisian dan perkakasan yang dieksploitasi tanpa pengetahuan mangsa
- ▶ Serangan pemancing data<sup>26</sup>
- ▶ Serangan oleh domain palsu

22. Daripada Technopedia: Perdayaan ialah amalan palsu atau berniat jahat apabila komunikasi dihantar daripada sumber yang tidak dikenali yang menyamar sebagai sumber yang dikenali oleh penerima. Perdayaan melalui e-mel ialah bentuk amalan yang paling lazim. E-mel perdayaan juga mungkin mengandungi ancaman lain seperti Trojan atau virus lain. Program tersebut boleh menyebabkan kerosakan komputer yang signifikan dengan mencetuskan aktiviti yang tidak dijangka, capaian jauh, memadam fail dan banyak lagi. Didapati di <https://www.techopedia.com/definition/5398/spoofing> [diakses pada 29/03/2018].

23. Daripada Technopedia: *Doxing* ialah proses mendapatkan kembali, menggodam dan menerbitkan maklumat orang lain seperti nama, alamat, nombor telefon dan maklumat kad kredit. *Doxing* mungkin menasarkannya individu secara khusus atau organisasi. Terdapat banyak alasan mengapa *doxing* dilakukan, tetapi sebab yang popular ialah pemaksaan. *Doxing* ialah slanga yang terbentuk daripada perkataan “doc” kerana dokumen sering didapatkan kembali dan dikongsi. Penggodam membangunkan pelbagai cara untuk *dox*, tetapi kaedah paling lazim adalah dengan mendapatkan e-mel mangsa dan kemudian mendedahkan kata laluan untuk membuka akaun dan mendapatkan lebih banyak maklumat personal. Didapati di <https://www.techopedia.com/definition/29025/doxing> [diakses pada 29/03/2018].

24. Aro, J. (2016). “The Cyberspace War: Propaganda and Trolling as Warfare Tools” dlm. *European View. Sage Journals*, Jun 2016, Jilid 15, Isu 1. Didapati di <http://journals.sagepub.com/doi/full/10.1007/s12290-016-0395-5> [diakses pada 20/07/2018].

25. Posetti, J. (2015). *New Study: Combatting the Rising Threats to Journalists’ Digital Safety* (WAN-IFRA). Didapati di <https://blog.wan-ifra.org/2015/03/27/new-study-combatting-the-rising-threats-to-journalists-digital-safety> [diakses pada 30/03/2018].

26. King, G. (2014). *Spear Phishing Attacks Underscore Necessity of Digital Vigilance*, CPJ. Didapati di <https://cpj.org/blog/2014/11/spear-phishing-attacks-underscore-necessity-of-dig.php> [diakses pada 29/03/2018].

- ▶ Serangan Man-in-the-Middle (MitM)<sup>27</sup>
- ▶ Serangan Nafi Khidmat (DoS) dan Penyebaran Nafi Khidmat (DDoS)<sup>28</sup>
- ▶ Merosakkan tapak web
- ▶ Akaun pengguna dikompromi
- ▶ Ugutan, ancaman dan pendedahan secara paksa rangkaian dalam talian
- ▶ Kempen disinformasi dan memburuk-burukkan.
- ▶ Rampasan hasil kerja kewartawanan, dan
- ▶ Penyimpanan dan penapisan data

Untuk strategi pertahanan, lihat: *Membina Keselamatan Digital untuk Kewartawanan*.<sup>29</sup>

Untuk implikasi kepada sumber rahsia dan tukang adu yang berinteraksi dengan wartawan dan penerbit media lain, lihat: *Melindungi Sumber Kewartawanan dalam Zaman Digital*.<sup>30</sup>

## Menenal Pasti dan Menguruskan Gangguan dan Keganasan dalam Media

“Saya pernah digelar sebagai pelacur kotor, Gipsi tidak guna, Yahudi, Muslim yang jalang, parasit Greek, penghijrah yang menjijikkan, psiko bodoh, penipu, pembenci yang berat sebelah. Mereka kerap menyuruh saya pulang, bunuh diri. Jika tidak, mereka akan menembak saya, memotong lidah, mematahkan jari saya satu per satu. Mereka sering mengugut untuk merogol saya secara berkumpulan dan melakukan penyeksaan seksual.”<sup>31</sup> Ini ialah kata-kata wartawan Sweden yang terkenal, Alexandra Pascalidou, yang memberikan keterangan di hadapan sesi Suruhunjaya Kesatuan Eropah di Brussels, pada tahun 2016, tentang pengalaman dalam talian yang dilaluinya.

27. Definisi ‘Man in the Middle Attack’ (MITM) yang diberikan oleh Technopedia: “Suatu bentuk memasang telinga yang mana komunikasi antara dua pengguna dipantau dan diubah suai oleh pihak yang tidak diberikan keizinan. Lazimnya, penyerang memasang telinga secara aktif dan memintas sekat pertukaran mesej utama dan menyiarkan semula mesej tersebut dengan menggantikan kunci yang diminta dengan kunci sendiri.” Didapati di <https://www.techopedia.com/definition/4018/man-in-the-middle-attack-mitm> [diakses pada 29/03/2018].

28. Lihat definisi di Technopedia: <https://www.techopedia.com/definition/24841/denial-of-service-attack-dos> b. <https://www.techopedia.com/definition/10261/distributed-denial-of-service-ddos> [diakses pada 29/03/2018].

29. Henrichsen, J. et al. (2015). *Building Digital Safety for Journalism* (UNESCO) Paris. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0023/002323/232358e.pdf> [diakses pada 30/03/2018].

30. Posetti, J. (2017). *Protecting Journalism Sources in the Digital Age* (UNESCO). Paris. Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002480/248054E.pdf> [diakses pada 30/03/2018].

31. Posetti, J. (2016). “Swedish Journalist Alexandra Pascalidou Describes Online Threats of Sexual Torture and Graphic Abuse” dlm. *The Sydney Morning Herald*, 24/11/2016. Didapati di <http://www.smh.com.au/lifestyle/news-and-views/swedish-broadcaster-alexandra-pascalidou-describes-online-threats-of-sexual-torture-and-graphic-abuse-20161124-gswuww.html> [diakses pada 30/03/2018].

Penganiayaan dalam talian yang menasaskan wartawan dan komentator wanita yang meningkat secara global membuatkan PBB (termasuk UNESCO<sup>32</sup>) dan agensi lain mengenal pasti masalah ini, dan membuat panggilan untuk tindakan dan penyelesaian.

Organisation for Security and Co-operation in Europe (OSCE) telah menaja penyelidikan yang menjelaskan impak penganiayaan antarabangsa dalam talian terhadap wartawan wanita yang menjadi sasaran ‘penghasut maya’.<sup>33</sup>

Penyelidikan tersebut mencontohi kajian yang dibuat oleh kumpulan pemikir British, Demos, yang memeriksa ratusan daripada ribuan ‘sebang’ dan mendapati “kewartawanan hanyalah satu kategori, yakni wanita menerima banyak penganiayaan berbanding dengan lelaki, dengan wartawan wanita dan penyampai berita TV dianiaya<sup>34</sup> lebih kurang tiga kali ganda berbanding dengan lelaki”. Kata kunci yang digunakan oleh penganiaya ialah <<jalang>>, <<rogol>> dan <<pelacur>>.

Antara ciri penganiayaan dalam talian terhadap wartawan wanita termasuklah menggunakan taktik disinformasi – penipuan tentang peragai atau kerja mereka disebarkan untuk mengganggu-gugat kredibiliti dan memalukan mereka, serta cubaan untuk menghentikan komentar umum dan pelaporan yang mereka buat.

Ugutan akan dikenakan tindakan ganas, termasuk dirogol dan dibunuh, serta kesan ‘cerucuk’ (semula jadi, terancang, atau serangan robotik besar-besaran terhadap seseorang dalam talian) menjadikan impaknya semakin dahsyat.

Bentuk serangan yang terlalu peribadi, lazimnya diterima melalui peranti peribadi, pertama kali pada waktu pagi dan perkara terakhir pada waktu malam, membuatkan impaknya semakin terasa. “Ada hari saya bangun dengan kekasaran bahasa dan tidur dengan keberangan yang berbentuk seksis dan perkauman bergema di telinga. Keadaannya seperti peperangan, namun kurang sengit”, kata Pascalidou.

Di Filipina, kisah CEO Rappler dan Editor Eksekutif, Maria Ressa<sup>35</sup>, menjadi satu kajian kes membanteras gangguan dalam talian yang prolif, dalam konteks kempen disinformasi secara besar-besaran yang mempunyai kaitan dengan kerajaan. Beliau ialah bekas

32. Posetti, J. (2017). “Fighting Back Against Prolific Online Harassment: Maria Ressa” dlm. L. Kilman (peny.) op cit. Lihat juga: Resolusi ke-39 Persidangan Umum UNESCO yang menyatakan “ancaman yang dihadapi oleh wartawan wanita, termasuk gangguan seksual dan keganasan, dalam dan luar talian.” Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0026/002608/260889e.pdf> [accessed 29/03/2018].

33. OSCE (2016). *Countering Online Abuse of Female Journalists*. Didapati di <http://www.osce.org/fom/220411?download=true> [diakses pada 30/03/2018].

34. Bartlett, J. et al. (2014). *Misogyny on Twitter*, Demos. Didapati di [https://www.demos.co.uk/files/MISOGYNY\\_ON\\_TWITTER.pdf](https://www.demos.co.uk/files/MISOGYNY_ON_TWITTER.pdf) [diakses pada 30/03/2018].

35. Maria Ressa ialah penerusi Juri UNESCO-Guillermo Cano World Press Freedom Prize. Didapati di <https://en.unesco.org/prizes/guillermo-cano/jury>.

koresponden perang CNN tetapi menurutnya, pengalaman di medan perang tidak membantu beliau untuk menghadapi kempen gangguan dalam talian berdasarkan jantina secara besar-besaran yang menghancurkan, yang telah ditujukan kepada beliau semenjak tahun 2016. “Saya pernah digelar hodoh, anjing, ular, dan diugut akan dirogol dan dibunuh,” katanya. Bilangan ugutan bunuh yang diterima oleh Ressa adalah tidak terkira. Di samping itu, beliau menjadi subjek untuk kempen tanda pagar seperti #ArrestMariaRessa dan #BringHerToSenate, yang direka untuk membuatkan kumpulan dalam talian berada dalam mod serangan, menjejaskan nama baik Ressa dan Rappler, dan menghentikan mereka daripada membuat sebarang laporan. “Ia memulakan suatu lingkaran senyap. Sesiapa yang mengkritik atau menanya soalan tentang pembunuhan di luar bidang kehakiman telah diserang, diserang dengan kejam. Kaum wanita lebih malang. Dan kami sedar, bahawa sistem tersebut telah dibina untuk menghentikan sebarang tentangan – direka untuk membuatkan wartawan mengikut kata. Kami tidak sepatutnya bertanya soalan yang sukar, dan kami sememangnya tidak boleh terlalu mengkritik”, kata Ressa.<sup>36</sup>

Antara strategi Maria Ressa untuk melawan balik termasuklah:

- ▶ Mengenal pasti betapa seriusnya masalah tersebut.
- ▶ Mengenal pasti impak psikologi dan membantu menyediakan sokongan psikologi untuk kakitangan yang terkesan.
- ▶ Menggunakan kewartawanan penyiasatan sebagai senjata untuk melawan balik<sup>37</sup>.
- ▶ Meminta bantuan khalayak yang setia, untuk menolak dan membendung serangan.
- ▶ Mengetatkan keselamatan dalam dan luar talian sebagai maklum balas terhadap gangguan.
- ▶ Meminta platform (cth: Facebook dan Twitter) untuk mengambil tindakan bagi mengurangkan dan menguruskan gangguan dalam talian.

Sementara mengendalikan peningkatan gangguan dalam talian, penting untuk mengambil maklum bahawa gangguan luar talian terhadap wartawan wanita sedang berlaku, dalam konteks kempen disinformasi. Sebagai contoh, wartawan penyiasatan Australia, Wendy Carlisle, telah didera, diganggu dan ditolak semasa perhimpunan

36. Posetti, J. (2017). “Fighting Back Against Prolific Online Harassment: Maria Ressa” dim. Kilman, L. (peny.), *An Attack on One is an Attack on All* (UNESCO). Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0025/002593/259399e.pdf> [diakses pada 30/03/2018].

37. Ini juga ialah taktik yang digunakan oleh Ferial Haffajee dalam kajian kes ‘pembocoran Gupta’ yang dirujuk sebelum ini. Beliau menggunakan teknik kewartawanan penyiasatan dan ‘detektif’ keselamatan digital untuk mendedahkan penghasut maya yang menjadikan beliau sasaran, sebagai usaha untuk menjejaskan reputasi pelaporan beliau tentang skandal tersebut. Lihat: <https://www.news24.com/SouthAfrica/News/fake-news-peddlers-can-be-traced-hawks-20170123> [diakses pada 16/06/2018].

kumpulan yang menafikan perubahan iklim pada tahun 2011 di Australia, semasa membuat dokumentari untuk Radio ABC. Penganiayaan tersebut telah membuatkan beliau meninggalkan acara tersebut, demi keselamatan diri.<sup>38</sup>



## Matlamat Modul

Modul ini akan: memaklumkan peserta tentang risiko dianiaya dalam talian dalam konteks kecelaruan maklumat; membantu peserta mengenal pasti ancaman; dan menyediakan kemahiran pembangunan dan perkakasan yang membantu untuk membanteras penganiayaan dalam talian. Antara matlamatnya termasuklah:

- ▶ Untuk meningkatkan kesedaran peserta terhadap masalah watak jahat yang membuat penyasaran terhadap wartawan, sumber mereka, dan mereka yang berkomunikasi dalam talian lain, dalam kempen disinformasi/misinformasi;
- ▶ Membantu peserta mengenali ‘astroturfing’, ‘hasut maya’, ancaman kepada keselamatan digital, dan penganiayaan dalam talian;
- ▶ Membuatkan peserta lebih bersedia untuk memerangi ‘astroturfing’ dan ‘hasut maya’, ancaman keselamatan digital, dan penganiayaan dalam talian dengan lebih sensitif terhadap jantina.



## Hasil Pembelajaran

Di akhir modul ini, peserta akan:

1. Memahami impak penganiayaan dalam talian kepada watak-watak dalam bidang kewartawanan, kewartawanan, perkongsian maklumat, dan kebebasan bersuara secara mendalam;
2. Lebih sedar tentang masalah watak jahat yang menjadikan wartawan dan mereka yang berkomunikasi dalam talian sasaran, dalam kempen disinformasi/misinformasi;
3. Memahami bahawa keselamatan wanita yang terlibat dalam bidang kewartawanan dalam talian, terancam;
4. Lebih mudah mengenal pasti watak jahat dalam talian, termasuk insiden seperti ‘astroturfing’, ‘hasut maya’, ancaman keselamatan digital, dan penganiayaan dalam talian;

38. Carlisle, W. (2011). *The Lord Monckton Roadshow*, Taklimat Latar Belakang, ABC Radio National. Didapati di <http://www.abc.net.au/radionational/programs/backgroundbriefing/the-lord-monckton-roadshow/2923400> [diakses pada 30/03/2018].

5. Lebih bersedia untuk memerangi ‘astroturfing’, ‘hasut maya’, ancaman keselamatan digital, dan penganiayaan dalam talian, dengan lebih sensitif terhadap jantina.



## Format Modul

Modul ini direka untuk disampaikan secara bersemuka atau dalam talian. Modul ini dicadangkan untuk disampaikan dalam dua bahagian: teoretikal dan praktikal.

### Mengaitkan Perancangan dengan Hasil Pembelajaran

#### A. Teoretikal

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | Jumlah Jam    | Hasil Pembelajaran |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|--------------------|
| Satu kuliah interaktif dan soal jawab (90 minit), yang boleh disampaikan secara tradisional, atau melalui platform webinar (seminar berasaskan web), yang direka untuk menggalakkan penyertaan dari jauh. Kandungan kuliah boleh diambil daripada teori dan contoh yang diberikan di atas. Namun, pengendali kursus digalakkan untuk memasukkan kajian kes yang relevan dari segi budaya tempatan dalam penyampaian modul. | 60 – 90 minit | 1, 2, 3, 4, 5      |

#### B. Praktikal

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| Satu bengkel/ tutorial (90 minit) yang boleh kendalikan dalam suasana kelas tradisional, atau melalui platform e-Pembelajaran seperti Moodle, kumpulan Facebook atau perkhidmatan lain yang membolehkan penyertaan dari jauh. Latihan dalam bengkel/ tutorial tersebut boleh mengguna pakai format berikut: |            |                    |

| Pelan Modul                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Jumlah Jam | Hasil Pembelajaran |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|--------------------|
| <p>Bahagikan tutorial tersebut kepada beberapa kumpulan yang mengandungi tiga hingga lima peserta.</p> <p>Setiap kumpulan akan diberikan contoh kandungan berniat jahat (sebagai contoh, cari kandungan yang dicipta untuk menyasarkan Maria Ressa, Jessikka Aro, dan Alexandra Pascalidou dalam blog dan rangkaian media sosial, sebagai contoh, kes mereka telah dibincangkan dalam modul ini) yang berkaitan dengan kempen disinformasi/ misinformasi/‘hasut maya’/ ‘astroturfing’/ penganiayaan dalam talian.</p> <p>Setiap kumpulan mesti: menilai bahan secara kolaboratif (kaji individu/kumpulan di sebalik bahan tersebut); kenal pasti risiko dan ancaman (rujuk kepada penyelidikan yang berkaitan dengan impak, yang terkandung dalam bacaan yang dicadangkan); mencadangkan pelan tindakan sebagai maklum balas terhadap bahan tersebut (ini merangkumi membalas secara strategik, melaporkan pengguna tersebut kepada platform atau polis, jika bersesuaian, membuat berita berdasarkan isu tersebut); tulis rumusan pelan tindakan tersebut sepanjang 250 patah perkataan (menggunakan Google Doc atau alat penyuntingan yang hampir sama) dan menghantarnya kepada pensyarah/tutor untuk diperiksa</p> |            |                    |

### Struktur Alternatif

Jika anda ingin membincangkan isu ini dengan lebih mendalam, modul ini boleh dikembangkan untuk disampaikan dalam tiga sesi pembelajaran yang berbeza (setiap satu disampaikan dalam dua bahagian, seperti yang dijelaskan di atas):

- ▶ Mengenal pasti dan memberikan maklum balas kepada ‘hasut maya’ dan ‘astroturfing’.
- ▶ Model ancaman digital dan strategi pertahanan<sup>39</sup>.
- ▶ Mengenal pasti dan menguruskan gangguan dan keganasan dalam talian yang berbentuk jantina.

39. Stray, J. (2014). *Security for Journalists, Part Two: Threat Modelling*. Didapati di <https://source.opennews.org/articles/security-journalists-part-two-threat-modeling/> [diakses pada 2/03/2018].



## Tugasan yang Dicadangkan

Tulis satu rencana sepanjang 1200 patah perkataan, atau terbitkan laporan audio berdurasi lima minit, laporan video tiga minit, atau infografik yang terperinci dan interaktif, berdasarkan temu bual dengan satu atau lebih wartawan tentang pengalaman mereka dianiaya dalam talian (cth.: menjadi sasaran untuk disinformasi dan/atau menghadapi ancaman keselamatan digital sebagai sebahagian daripada kempen disinformasi dan/atau gangguan keganasan dalam talian). Peserta perlu memetik penyelidikan yang tersohor sebagai bahan dan menerangkan kesan fenomena ini terhadap kewartawanan/kebebasan bersuara dan hak masyarakat untuk mengetahuinya.



## Bahan Bacaan

- Aro, J. 2016. *The Cyberspace War: Propaganda and Trolling as Warfare Tools*. European View. Sage Journal, Jun 2016, Jilid 15, Isu 1. Didapati di <http://journals.sagepub.com/doi/full/10.1007/s12290-016-0395-5> [diakses pada 20/07/2018].
- Haffajee, F. (2017). "The Gupta Fake News Factory and Me" dlm. *The Huffington Post*. Didapati di [http://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me\\_a\\_22126282/](http://www.huffingtonpost.co.za/2017/06/05/ferial-haffajee-the-gupta-fake-news-factory-and-me_a_22126282/) [diakses pada 29/03/2018].
- OSCE (2016). *Countering Online Abuse of Female Journalists*. Didapati di <http://www.osce.org/fom/220411?download=true> [diakses pada 29/03/2018].
- Posetti, J. (2017). *Fighting Back Against Prolific Online Harassment: Maria Ressa* in L. Kilman (Ed) *An Attack on One is an Attack on All* (UNESCO 2017). Didapati di <http://unesdoc.unesco.org/images/0025/002593/259399e.pdf> [diakses pada 29/03/2018].
- Posetti, J. (2016). *Swedish Journalist Alexandra Pascalidou Describes Online Threats of Sexual Torture and Graphic Abuse* in *The Sydney Morning Herald*, 24/11/2016. Didapati di <http://www.smh.com.au/lifestyle/news-and-views/swedish-broadcaster-alexandra-pascalidou-describes-online-threats-of-sexual-torture-and-graphic-abuse-20161124-gswuwv.html> [diakses pada 29/03/2018].
- Reporters Sans Frontieres (2018) *Online Harassment of Journalists: Attack of the Trolls* Reporters Without Borders. Didapati di [https://rsf.org/sites/default/files/rsf\\_report\\_on\\_online\\_harassment.pdf](https://rsf.org/sites/default/files/rsf_report_on_online_harassment.pdf) [diakses pada 20/8/18].

Riley, M., Etter, L. dan Pradhan, B. (2018). *A Global Guide to State-Sponsored Trolling*, Bloomberg. Didapati di <https://www.bloomberg.com/features/2018-government-sponsored-cyber-militia-cookbook/> [diakses pada 21/07/2018].

Stray, J. (2014). *Security for Journalists, Part Two: Threat Modelling*. Didapati di <https://source.opennews.org/articles/security-journalists-part-two-threat-modeling/> [diakses pada 02/03/2018].

### Sumber dalam talian

---

VIDEO: *How to Tackle Trolls and Manage Online Harassment* – satu perbincangan panel di International Journalism Festival, Perugia, Itali (April 2017) bersama-sama Julie Posetti (Fairfax Media), Hannah Storm (International News Safety Institute), Alexandra Pascalidou (Swedish journalist), Mary Hamilton (*The Guardian*), Blathnaid Healy (CNNi). Didapati di <http://media.journalismfestival.com/programme/2017/managing-gendered-online-harrassment>.

## **PENULIS**

**Magda Abu-Fadil** adalah Direktur Media Unlimited di Lebanon.

**Fergus Bell** adalah ahli pengumpulan berita secara digital dan verifikasi UGC. Ia merupakan pendiri Dig Deeper Media.

**Hossein Derakhshan** adalah penulis dan peneliti berkebangsaan Iran-Kanada serta fellow di Shorenstein Center di Harvard's Kennedy School.

**Cherilyn Ireton** adalah jurnalis Afrika Selatan yang memimpin World Editors Forum dalam World Association of Newspapers and News Publishers (WAN-IFRA).

**Alexios Mantzarlis** memimpin International Fact-Checking Network di Poynter Institute. Alice Matthews adalah jurnalis di Australian Broadcasting Corporation (ABC) di Sydney. Julie Posetti adalah Senior Research Fellow di Reuters Institute for the Study of Journalism di University of Oxford, tempat dia memimpin Journalism Innovation Project.

**Tom Trewinnard** adalah Pemimpin Program alat verifikasi Check di Meedan.

**Claire Wardle** adalah Direktur Eksekutif First Draft, dan Research Fellow di Shorenstein Center on Media, Politics and Public Policy di Harvard Kennedy School.

## **KREDIT FOTO**

Kulit buku (hadapan): UNESCO/Oscar Castellanos

Modul 1: Abhijith S Nair di Unsplash

Modul 2: Christoph Scholz di Flickr

Modul 3: Samuel Zeller di Unsplash

Modul 4: Aaron Burden di Unsplash

Modul 5: The Climate Reality Project di Unsplash

Modul 6: Olloweb Solutions di Unsplash

Modul 7: rawpixel di Unsplash

Kulit buku (belakang): rawpixel di Unsplash

## **REKA BENTUK GRAFIK**

Mr. Clinton [www.mrclinton.be](http://www.mrclinton.be)

Pewasit luar: Professor Ylva Rodny-Gumede, Department of Journalism, Film and Television, University of Johannesburg, South Africa; Basyouni Hamada, Professor, Department of Mass Communication, College of Arts and Sciences, Qatar University; Prof Jayson Harsin, Department of Global Communications, American University of Paris



Buku panduan ini bertujuan untuk menyediakan model kurikulum yang boleh digunakan pada peringkat antarabangsa, diadaptasikan dan diguna pakai, sebagai maklum balas terhadap masalah global yang semakin bermahajalela dan dihadapi oleh masyarakat, umumnya dan dalam bidang kewartawanan, khususnya .

Ia direka bentuk untuk memberikan pendidik dalam bidang kewartawanan serta jurulatih, dan penuntut pengajian kewartawanan suatu kerangka dan bahan pengajaran untuk membantu memahami isu yang berkaitan dengan ‘berita palsu’. Kami juga berharap buku panduan ini menjadi panduan berguna buat pengamal media, terutamanya wartawan.

Buku panduan ini juga mengumpulkan input daripada pendidik yang terkemuka dalam bidang kewartawanan, penyelidik dan cendekiawan yang membantu untuk mengemas kini kaedah dan amalan yang sesuai untuk menghadapi cabaran misinformasi dan disinformasi. Bahan pengajaran dalam buku ini berbentuk kontekstual, teoretikal dan dalam kes penentusahan secara dalam talian, sangat praktikal. Jika digunakan dalam sesuatu kursus, atau sebagai suatu kursus khas yang tersendiri, buku panduan ini menawarkan suatu bentuk kelainan dan membuatkan modul pengajaran lebih segar.

Penerbitan ini adalah sebahagian daripada “Inisiatif Global untuk Kecemerlangan dalam Pendidikan Kewartawanan”, iaitu antara fokus Program Antarabangsa untuk Pembangunan Komunikasi UNESCO. Inisiatif ini ingin menyelami aspek pengajaran dan pembelajaran, amalan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kewartawanan berpaksikan perspektif global, termasuk perkongsian amalan terbaik yang dipraktikkan pada peringkat antarabangsa.



Pertubuhan Pendidikan, Sains  
dan Kebudayaan Pertubuhan  
Bangsa-Bangsa Bersatu

**IPDC** PROGRAM ANTARABANGSA  
UNTUK PEMBANGUNAN KOMUNIKASI

• UNESCO - Sektor Komunikasi dan Informasi  
• 7, place de Fontenoy, F-75352 Paris 07 SP, France  
• Untuk maklumat lanjut hubungi [ipdc.secretariat@unesco.org](mailto:ipdc.secretariat@unesco.org)



9 789230 001049